


Jilid1
Bil. 55



Hari Jumaat
12hb Julai, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWANRAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8681]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Ancaman Sisa-sisa industri di Tanjung Batu—
Y.B. Tuan Wong Wing On (Kampar) [Ruangan 8771]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995—Y.A.B. Perdana Menteri
[Ruangan 8775]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 8838]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin),

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., p.i.s. (Kuala Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (BesUt).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANO HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.I. (Kota Tinggi).

„ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.I.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAIA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALJD BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.I. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Keseman dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN DIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMGD BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., JP. (Bagan Datok).

” Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

” Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, DATO' K. KUMARAN (Tajah).

” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

” DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

” TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

” DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

” TUAN HAJI NIK. ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

” DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

” TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

” TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

” DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAUDAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P, PANSAL (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

.. TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru)

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.I.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD, HASSAN (Larut).

DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai)-

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (SANTUBONG)

.. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAPIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

.. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit BinTang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Scremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARUMEN

Ketua Penyunting; Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 12hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

PROGRAM BERSIH DAN INDAH

1. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sejauhmana kekesanan Program Bumi Indah dan langkah-langkah yang diambil melaksanakannya, sedangkan masih banyak rungutan mengenai kekotoran seperti yang berlaku di Pulau Pinang; dan
- (b) bagaimana kilang haram boleh diwujudkan secara berleluasa lengkap dengan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik,

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Bersih dan Indah bukan Program Bumi Indah seperti dalam soalan, telali pun dilancarkan pada bulan Jun 1990 dengan tujuan untuk meningkatkan mutu kebersihan alam sekitar dan pengindahan di

kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Ianya dirangka untuk tempoh lima tahun. Sebanyak 15 aktiviti telah dikenalpasti. Program ini melibatkan 20 Pihak Berkuasa Tempatan pada peringkat pertama dan akan melibatkan kesemua Majlis Perbandaran dan Daerah di seluruh Malaysia pada peringkat kedua.

Kekesanan program ini juga dapat dilihat daripada perbandingan gambar-gambar sesuatu yang diambil sebelum dan selepas program ini dilancarkan. Di samping itu beberapa projek seperti pembinaan tandas awam, pondok menunggu bas, tong-tong sampah dan lain-lain di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan telah dipertingkatkan. Keadaan beberapa tandas awam yang dahulunya kotor kini telah mula kelihatan bersih. Begitu juga dengan jalan-jalan protokol, tempat-tempat pelancongan dan lain-lain telah mula diperindahkan dengan landscape. Di samping itu juga pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti beberapa Pihak Berkuasa Tempatan yang masih menggunakan tandas-tandas tong supaya tandas-tandas ini dapat dihapuskan dengan secepat mungkin dengan bantuan peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sejak program ini dilancarkan sehingga Disember 1990 tahap kebersihan dan keindahan pada keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan telah meningkat kepada 40% dan adalah dijangka peratusan ini akan meningkat lagi di tahun-tahun akan datang. Sebagai contoh, Melaka Bandar Bersejarah telah memenangi johan keseluruhan kerana pencapaiannya pada kesekuruhan aktiviti kebersihan dan keindahan dan Kuantan pula memenangi saguhati aktiviti tandas awam yang bersih dan indah.

Mengenai kekotoran sepertimana yang dilaporkan di Pulau Pinang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kegiatan-kegiatan Program Bersih dan Indah juga dijalankan dengan pesat di Pulau tersebut dan pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Pulau Pinang sedang menjalankan beberapa aktiviti untuk membersihkan dan mengindahkan Pulau Mutiara Lesebut. Kebersihan dan keindahan boleh berpanjangan sekiranya sikap orang ramai diubah dan tidak membuang sampah di merata tempat. Kerjasama dari kalangan ahli-ahli politik juga mustahak supaya tidak menghalang usaha-usaha pengusaha-pengusaha tempatan.

- (b) Saya bercadang untuk menjawab pada 17hb Julai 1991 bersama-sama dengan soalan-soalan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri senaraikan 20 Kerajaan Tempatan yang terlibat dalam peringkat pertama dalam Kempen Bersih dan Indah?

Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi ada menyeru supaya ahli-ahli politik tidak menghalang Kempen Bersih dan Indah ini. Adakah sebenarnya berlaku kejadian-kejadian ahli politik menghalang ini? Kalau ada, ahli politik yang bagaimana?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang 20 itu ialah Majlis Perbandaran Kangar, Kota Setar, Langkawi, Ipoh, Taiping, Manjung, Seberang Perai, Pulau Pinang, Kelang, Shah Alam, Peialing Jaya, Johor Bahru, Melaka Bandar Bersejarah, Seremban, Port Dickson, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching Selaian.

Mengenai penglibatan ahli politik yang merancang untuk menghalang perjalanan dan kepesatan Program Indah dan Bersih ini ialah ahli-ahli politik yang mengambil kesempatan daripada tindakan-tindakan mereka. Dan selalunya mereka mengambil kesempatan ini apabila boleh mendapat publisiti ataupun sokongan daripada pengundi-pengundi ataupun penjaja-penjaja yang kadangkala mengambil kesempatan dengan tindakan politik itu untuk menolak tindakan-tindakan yang boleh membaiki kepening orang ramai. Saya menasihatkan kepada ahli-ahli parti politik khususnya dari parti Pembangkang supaya jangan melakukan dan meneruskan tindakan-tindakan seperti ini.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan berapa peruntukan telah diuntukkan bagi Program Bersih dan Indah dalam peringkat pertama.

Kedua, bilakah peringkat kedua akan dimulakan dan berapakah peruntukan akan diuntukkan?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri itu dikatakan antara satu program ialah untuk menukar tandas tong kepada tandas curah air. Maka saya hendak tahu sama ada Kerajaan sudah memberi clau kepada rumah-rumah yang menggunakan tandas tong itu diubahsuai dengan tandas curah dengan air. Adakah elaun-elaun sebanyak \$500 itu sudah diberi atau belum kepada mereka yang telah mengubahsuai tandas-tandas mereka?

Yang ketiga, sejauh manakah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah itu. Terlalu banyak.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan projek ini ialah untuk selama 5 tahun dan jumlah besarnya ialah \$71,415,000 yang meliputi pemberian daripada Kerajaan Pusat sebanyak \$31,805,000, Kerajaan Negeri—\$9,800,000, Pihak-pihak Majlis Berkuasa Tempatan—\$19,010,000 dan pihak swasta—\$10 juta. Dan peruntukan-peruntukan ini boleh dikatakan dibahagikan mengikut keperluan sepanjang 5 tahun. Mengikut keperluan sekiranya aktif, perbelanjaan akan dibelanjakan lebih dan sekiranya tidak aktif, maka tentulah perbelanjaan itu berkurangan. Walau bagaimanapun, menjadi hasrat Kementerian untuk menyelesaikan peruntukan ini dalam masa jangka 5 tahun.

Mengenai cadangan untuk menghapuskan tandas-tandas tong, ini sedang berjalan dan dikenalpasti di bandar-bandar yang masih menggunakannya dan diharapkan pelaksanaan ini dapat dibuat dalam Rancangan Malaysia Keenam. Peruntukan \$500 itu, saya tidak maklum. Terima kasih.

TELEFON AWAM BAGI LADANG-LADANG

2. Tuan G. Palanivel minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah lindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Sumber Manusia terhadap pengurusan ladang yang tidak membenarkan pekerja-pekerja memasang telefon ke rumah mereka, sedangkan ianya adalah satu keperluan asas padahari ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, Kementehaan Sumber Manusia tidak boleh mengambil sebarang tindakan di bawah undang-undang terhadap mana-mana pengurusan ladang yang tidak membenarkan pekerja-pekerjanya memasang telefon ke rumah mereka olch kerana kawasan ladang adalah harta persendirian.

Kementerian Sumber Manusia sedang berusaha untuk mendapatkan kemudahan telefon awam bagi ladang-ladang yang masih tiada telefon awam. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia telahpun mengemukakan kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad atas permintaan mereka satu senarai lengkap mengenai ladang-ladang yang berkenaan bagi pertimbangan Syarikat Telekom Malaysia Berhad memasang kemudahan telefon awam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 797 buah ladang telah mohon memasang leleton awam.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya terkejut dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia bahawa pihak Kementerian tidak mengambil sebarang langkah terhadap pengurusan ladang kerana atas sebab pengurusan ladang adalah harta persendirian di mana pihak Kementerian tidak berhak masuk dalam kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sendiri berkata bahawa telefon merupakan satu kemudahan asas. Bukankah ini bercanggah dengan dasar Kerajaan dari segi ini? Saya tidak faham oleh kerana ladang ini adalah kepunyaan swasta, Kerajaan tidak akan mengambil sebarang tindakan memasang telefon.

Yang kedua, adakah pihak Kememieran telah menerima aduan mengenai tindakan pengurusan ladang yang tidak membenarkan telefon dipasang? Dan kalau ya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan senarai ladang-ladang tersebut? Kalau dari segi undang-undang kita tidak boleh membuat apa-apa, sekurang-kurangnya dari segi "moral suasion", siarkan nama-nama ladang tersebut di suratkhbar, memaksa mereka memberikan kemudahan asas seperti ini. Ini adalah sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertuan (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka, jangan terlalu panjang.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ini dua soalan yang saya tujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap jangan minta notis.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Minimum Standard Housing Tahun 1990, pihak estet perlu beri air dan api dari JBA dan dari Tenaga Nasional Berhad kepada rumah-rumah pekerja ladang. Tidak ada peruntukan yang di dalam undang-undang itu tetapi Kementerian Sumber Manusia boleh kaji atas cadangan yang diberi oleh yang Berhormat yang berkenaan dan perlu kita boleh buat pindaan kepada Akta itu.

Dan menjawab soalan yang kedua, senarai yang besar lengkap macam ini, kalau saya baca, akan makan masa satu

jam. Oleh itu, kalau Yang Berhormat beri notis, kita boleh berikan kepada Yang Berhormat berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak payah baca!

Tuan Lim Guan Eng: Bolch beri cara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Boleh berikan cara bertulis?

Dato' M. Mahalingam: Boleh.

MEL/SURAT DI LAPANGAN KOTA KINABALU—KECURIAN

3. Tuan Michael Asang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada siasatan terhadap orang-orang yang terlibat mencuri mel/surai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada 24-4-91 sudah selesai;
- (b) tindakan serta hukuman yang dikenakan kepada orang yang terlibat dengan perbuatan keji tersebut; dan
- (c) langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memastikan keselamatan mel atau surat orang ramai di masa akan datang.

18-7-91

21. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah kesudahan surat-surat (mails) yang didapati dibuang dalam satu kawasan dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada baru-baru ini; dan

- (b) apakah perancangannya untuk memastikan kejadian seperti itu tidak akan berulang lagi ke atas surat-surat yang dikirim menerusi pengangkutan dengan kapal terbang.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis pada hari ini dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud pada 18hb Julai 1991 memandangkan soalan-soalan ini melibatkan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sural benda-benda berdaftar bungkusan dan benda-benda pos laju telahpun disenaraikan mengikut pejabat asal oleh Pengarah Pos Sabah dan dikemukakan kepada Pengarah Pos Negeri berkenaan supaya menghubungi pengirim dan memberitahu mereka atas apa yang telah berlaku ke atas benda-benda pos mereka. Kesemua benda-benda pos ini termasuk dokumen-dokumen telah diserahkan kepada pihak Polis untuk siasatan.

Untuk makluman, pada masa kini kes tersebut adalah masih dalam siasatan Polis.

- (b) Jabatan Pos mengendalikan \$2,134,480,137 benda pos dalam tahun 1990. Memandangkan kepadajumlah bilangan mel yang begitu tinggi yang dikendalikan oleh Jabatan Pos, kita menyedari kepentingan memastikan keselamatan mel dan surat-surat orang ramai itu. Jabatan Pos mempunyai penyeliaan yang agak luas bagi operasi-operasi mel. Setiap pekerja yang dibuat oleh kakitangan di Bahagian Mel diberikan pengawasan dan

penyeliaan yang sewajarnya oleh Penyelia dan Pegawai Kanan. Selain dari itu, pemeriksaan-pemeriksaan mengejut ke atas kakitangan di Bahagian Mel juga dilakukan.

Terdapat sebuah Unit Khas di Ibu Pejabat Pos untuk memeriksa dan menyiasat segala kes jenayah yang berlaku di Jabatan Pos.

- (c) Selain dari langkah-langkah yang sedia ada itu, Jabatan Pos juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kordinasi dengan pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam perhubungan di antara MAS dan Jabatan Pos. Jawatankuasa bersama ini akan berlemu sebulan sekali dan tumpuan lelah diberikan untuk memastikan keselamatan mel, khususnya semasa pengendalian oleh pihak MAS.

Pada masa ini, langkah-langkah tertentu sedang diambil untuk mengetatkan lagi peraturan-peraturan pengendalian mel, terutama semasa urusan serah-menyerah mel antara Jabatan Pos dan pihak Sistem Penerbangan Malaysia dan memastikan supaya prosedur pengendalian mel ini sentiasa diamal dan dipatuhi. Dengan langkah-langkah yang telah dan sedang akan diambil seperti yang diterangkan tadi adalah diharapkan dapat memastikan keselamatan mel dan surat-surat orang ramai di masa akan datang.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa kecurian surat ini adalah satu skandal mel yang begitu besar sekali terdapat di negara kita Malaysia ini?

Dan kedua, saya ingin tahu berapakah bilangan surat-surat ataupun surat berdaftar serta bungkusan-bungkusan yang terlibat dalam kecurian beg-beg surat yang terdapat di Lapangan Terbang Kota Kinabalu baru-baru ini?

Dan ketiga, saya ingin tahu adakah juga pernah berlaku perkara seumpama ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama, jumlah surat-surat dan perkara-perkara berdaftar yang terlibat di Sabah, saya mohon notis kerana tidak ada di hadapan saya pada masa ini.

Berkenaan dengan perkara yang kedua sama ada perkara seumpama ini pernah berlaku, jawabnya ianya merupakan perkara biasa yang berlaku dan dari satu masa ke satu masa kita mengambil masalah ini untuk dijadikan contoh untuk mengatasi masalah-masalah yang lain di masa yang akan datang. Sebagai kata pepatah Melayu, "sudah terantuk baru tengadah". Bila kita menghadapi satu-satu masalah kita akan mengambil tindakan-tindakan supaya masalah yang sama tidak akan berlaku lagi di masa yang akan datang.

Berkenaan dengan perkara yang berlaku di Sabah ini, saya bersetuju bahawa ini merupakan satu kecurian mel yang agak besar juga dibandingkan dengan yang lain-lain. Tetapi ianya bukanlah merupakan satu skandal Jabatan Pos kerana ianya berlaku dengan pihak-pihak yang lain.

Tuan Radin Malleh: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan di sini. Sungguhpun pada masa ini, seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa kes ini adalah di dalam siasatan polis, lagi tetapi saya

ingin tahu sama ada pertama, ianya menjadi satu kelemahan daripada agensi-agensi Kerajaan berkenaan ataupun daripada kakitangan Kerajaannya.

Kedua, sama ada agensi Kerajaan ini lalai ataupun terlalu complacent, degnan izin, sehinggakan tidak menjangka perkara ini berlaku kerana kita tidak boleh menerima bahawa "sudah terantuk baru tengadah".

Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Pos telahpun membuat aduan kepada pihak polis berkenaan dengan sebilangan besar bungkusan-bungkusan yang telahpun kehilangan. Seandainya bungkusan-bungkusan yang hilang di Lapangan Terbang di Kota Kinabalu ini merupakan di antara barang-barang yang telahpun dibuat aduan polis sebagai hilang, maka bermaknalah kecurian ini memang disedari oleh pihak Jabatan Pos dan bukanlah kesalahan Jabatan Pos. Tetapi seandainya barang-barang yang hilang ini tidak dilaporkan kepada pihak polis, maka ini merupakan kecuaiian kepada pihak Jabatan Pos kerana tidak menyedari bahawa barang-barang ini telah hilang.

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA—MEMBUKA CAWANGAN

4. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk membuka cawangan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Sabah dan Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah mengikut pecahan bangsa diterima belajar di UIA setakat ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa akan dibina di Gombak, Selangor manakala fakulti perubatannya di Kuantan, Pahang di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Selain dari kedua-dua negeri ini, Kementerian Pendidikan belum mempunyai rancangan untuk membuka cawangan-cawangan Universiti Islam Antarabangsa di negeri-negeri yang lain pada masa ini.
- (b) Jumlah pelajar di Universiti Islam Antarabangsa ialah 2,433 orang pada akhir sesi 1990/91 dari 48 buah negara termasuk negara kita. Pecahan bangsa yang diterima belajar di Universiti Islam Antarabangsa adalah seperti berikut:

<i>Bangsa</i>	<i>Peratusan</i>
Malaysia	86.7%
Asia	9.8%
Afrika	2.4%
Arab	0.5%
Eropah	0.1%
Lain-lain	0.5%

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, apakah benar permohonan untuk pelajar-pelajar memasuki Universiti Islam Antarabangsa jumlahnya begitu besar sekali? Oleh kerana jumlah pengambilan pelajar ini kecil, sepertimana bilangan pelajar yang ada sekarang ini lebih 2,000 sahaja, saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah UIA bercadang untuk menambah pengambilan pelajar-pelajar dan jika tidak, apakah masalah dan bilakah jumlah pelajar ini dapat ditambah dengan sewajarnya?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, memang betul permohonan untuk kemasukan ke Universiti Islam Antarabangsa kita tahun demi tahun makin bertambah. Jadi, ini adalah satu juga tujuan kita dan memang bila tetap masanya dalam pembangunan-pembangunan universiti ini nanti, kita akan mengambil kira penambahan di dalam pengambilan pelajar-pelajar.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut perangkaan yang diberikan tadi dari segi bilangan pelajar mengikut bangsa, saya dapati bilangan pelajar Malaysia begitu ramai. Keadaan itu kurang menggambarkan UIA ini sebagai sbualti universiti antarabangsa. Jadi, apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah lagi bilangan pelajar-pelajar dari negara-negara lain supaya universiti ini dapat menggambarkan lebih kepada satu universiti antarabangsa?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin jumlah yang digambarkan dalam senarai atau maklumat yang saya nyatakan tadi tidak sebenarnya akan mengurangkan dari segi gambarnya keantarabangsaan Universiti Islam Antarabangsa itu. Tclapi dari segi penyelarasan dan pengajiannya, memang adalah setaraf dengan universiti antarabangsa dan di mana kita mendapat permohonan clari luar negeri atau negara yang lain, memanglah kita terbuka untuk menerima mereka.

RTM—PANEL PENASIHAT SKRIP DRAMA AGAMA

5. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah RTM mempunyai panel penasihat agama bagi meluluskan skrip-skrip drama khususnya yang bercorak agama dan apakah latar belakang pendidikan mereka;

- (b) sejauhmana drama "SitiZulaika" yang ditayangkan dalam bulan Ramadan lalu telah dirujuk dan dibincangkan oleh panel itu;
- (c) bagaimana drama ini bolch dituliskan sedangkan RTM telah menerima banyak drama swasta yang belum disiarkan. Adakah RTM berhajat untuk menyiasat bahawa drama ini diluluskan serta-merta kerana ia ada hubungan dengan Dato' Dusuki Ahmad yang suaranya menjadi suara latar drama itu; dan
- (d) berapakah bayaran drama itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) RTM belum memerlukan panel penasihat bagi meluluskan skrip-skrip drama khususnya bercorak Agama. Namun, RTM mempunyai satu Jawatankuasa Penilai Rancangan Swasta termasuk drama-drama yang bercorak agama untuk ditayangkan dalam siaran televisyen. Sekiranya terdapat perkara yang meragukan dari sudut agama, Jawatankuasa ini menggunakan kepakaran dalaman yang ada di RTM. Sekiranya ahli agama dalaman masih merasakan kesangsian terhadap satu-satu isu dalam drama agama, RTM akan merujuk drama tersebut kepada Pusat Islam yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Drama-drama yang akan disiarkan oleh RTM atau mana-mana stesen televisyen adalah juga disyaratkan mendapat kelulusan dari Lembaga Penapisan Pilem (LPF) yang terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri. LPF sendiri mempunyai anggota-anggota

yang berwibawa tinggi, berkeperibadian yang baik dan bertanggungjawab untuk menjaga nilai-nilai agama dan moral. Sekiranya LPF merasakan kesangsian maka dirujuk sekali lagi sebarang drama kepada Pusat Islatn untuk mendapat nasihat dan pandangan. Tuan Yang di-Pertua, Pusat Islam mengandungi ahli-ahli agama yang mampu menunjuk arah kepada RTM.

- (b) Drama "Sili Zulaika" yang ditayangkan dalam bulan Ramadan lalu telahpun melalui semua proses yang saya sebutkan di atas.
- (c) Tidak timbul keraguan di atas kelulusan drama tersebut yang kononnya mendahului banyak drama swasta yang belum disiarkan:

- (i) Kerana drama "Sili Zulaika" adalah mengambil slot masa setengah jam sedangkan drama-drama yang banyak terkumpul yang masih belum ditayangkan adalah drama yang mengisi slot masa satu jam atau satu jam sciangah. RTM kekurangan drama-drama untuk mengisi slot masa setengah jam bagi bulan Ramadan dan "Siti Zulaika" adalah drama yang disediakan khas bagi bulan itu.

- (ii) Pengisian slot setengah jam drama tersebut pada tiap-tiap hari dalam bulan Ramadan yang lalu adalah selaras dengan dasar Kementerian untuk menggantikan drama-drama import kepada drama-drama tempatan yang mana sebelum ini slot drama tersebut telah dimuatkan dengan drama

Arab daripada Mesir. Lebih dari itu drama ini adalah lebih bersesuaian untuk disiarkan pada bulan Ramadan dan sekali gus dapat mengurangkan drama-drama bercorak negatif malahan ianya merupakan drama yang memberi pendidikan serta bercorak memupuk nilai-nilai luhur dalam hidup harian. Oleh itu tidak timbul keperluan bagi menyiasat penyiaran drama tersebut.

- (d) Bagi drama "Siti Zulaika" penerbit tersebut telah dibayar sebanyak \$20,000 iaitu satu kadar yang biasa dibayarkan bagi tayangan setengah jam.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, apakah dosa Dato' Haji Dusuki Ahmad yang beliau dipilih untuk ditanya mengenainya di Dewan yang mulia ini? *(Ketawa)*

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, hanya Allah sahaja yang mampu menentukan dosa beliau.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri turut merasa hairan di atas persoalan yang ditanyakan oleh seorang Ahli Parlimen kerana saya percaya kita semua jelas maklum bahawasanya Dato' Haji Dusuki Ahmad juga merupakan seorang insan yang mempunyai pendidikan agama, akhlak yang baik, budi yang luhur, bekas Setiausaha Parlimen Kementerian dan datang daripada keluarga kesemuanya ibu dan bapa, datuk-datuknya adalah keluarga tok-tok guru belaka. Jadi saya kira kalaulah orang-orang seperti ini melibatkan dirinya di dalam arena perfileman dan televisyen, saya yakin masyarakat kita akan lebih menjadi masyarakat yang soleh.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrabim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada sungutan-sungulan terhadap drama TV3 iaitu Drama 2+1 yang kononnya memperkecilkan dan mempersendakan agama Islam.

Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian ataupun Jawatankuasa Penilaian Drama Swasta ataupun Lembaga Penapisan filem sedar ataupun tidak sungutan-sungutan ini, dan adakah pihak Kementerian mengambil apa-apa tindakan?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah pendirian pihak Kementerian terhadap drama-drama yang skrip-skripnya menonjolkan watak-watak seperti Sam dan Jeff? *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat nampaknya soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal iaitu TV3. Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, soalan tambahan saya int sedikit sahaja. Apakah Kementerian Penerangan bercadang untuk memberi peluang yang lebih banyak kepada Dato' Haji Dusuki Ahmad yang kita tahu orang yang mempunyai pendidikan agama melahirkan drama-drama seumpama Siti Zulaika ini? Skian, lerima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang RTM bukan sahaja mencari tokoh-tokoh seperti ini, malahan kalau ada sekalipun Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini yang mampu menulis skrip yang boleh membantu membenlukkan satu akhlak yang bermoral tinggi, RTM sedia menerima termasuk daripada parti-parti Pembangkang, kalau ada.

HOSPITAL DI TEMPAT TERPENCIL—KAJIAN

6. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak Kementerian membuat kajian terperinci di Sarawak untuk mengenalpasti sama ada satu-satu lempat yang terpencil, jauh dan ada masalah komunikasi, didiri hospital mempunyai cukup doktor, alat-alat dan perubalan; jikalau tiada, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan kajian untuk mengenalpasti keperluan kemudahan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan di kawasan terpencil, jauh dan yang ada masalah komunikasi bagi seluruh negara.

Polisi Kementerian Kesihatan adalah untuk menyediakan hospital di tiap-tiap daerah di seluruh negara termasuk negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, pembinaan hospital di daerah tertentu diberi keutamaan mengikut jumlah dan kepadatan penduduk, taraf kesihatan, pendekatan dari hospital-hospital yang sedia ada dan peruntukan yang disediakan. Dengan itu hospital-hospital tersebut dilaksanakan secara berperingkat.

Namun begitu, di negeri Sarawak, daerah-dacrah yang belum mempunyai hospital telah disediakan dengan kemudahan Pusat Kesihatan di mana seorang pegawai perubatan telah ditempatkan. Bagi kawasan pedalaman dan terpencil, perkhidmatan kesihatan disediakan melalui Perkhidmatan Doktor Udara.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah mengatakan Kerajaan berhasrat untuk

membina hospital-hospital khasnya di kawasan yang terpencil.

Saya hendak tahu adakah Kerajaan berhasrat hendak membina hospital yang mana telah dijanjikan dan papantanda pun telah didirikan, iaitu hospital yang dirancang didirikan oleh Kementerian Yang Berhormat? Kerana pada hari ini papantanda itu pun sudah tidak ada-sudah hilang-sudah jatuh dan hospital itu sampai sekarang bayangnya pun belum nampak. Itu hospital di kawasan Ketua Yang Berhormat itu, tahu atau tidak?

Dato K. Kumaran: Tahu.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau tahu, sila jawablah.

Dato K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, hospital di Sungai Siput akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam. (*Tepuk*),

PANGKALAN TLDM DI SABAH/ LABUAN

7. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Pertahanan menyalakan:

- (a) cadangan tapak pangkalan TLDM di Sabah dan Labuan dan bila ianya akan dimulakan; dan
- (b) rancangan pembelian empat (4) buah kapal selam dan dari negara mana ianya akan dibeli.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sedang mengulangkaji dan mengemaskini keperluan Slaf Am untuk Pangkalan Ulama TLDM Wilayah Laut Dua (Sabah/Sarawak). Dalam masa yang sama permohonan untuk memperolehi tanah di Telok

Sapangar sedang diusahakan. Walaupun TLDM telah mempunyai tapak di Tanjong Kiaman, Labuan, ia difikirkan kurang sesuai kerana ianya terdedah kepada ancaman ombak laut. Dalam rancangan jangkamasa panjang TLDM, Pangkalan Utama TLDM Wilayah Laut Dua adalah diperlukan untuk meningkatkan tahap operasi TLDM dan memperkuatkan pertahanan negara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, projek pengkalan ini hanya dapat dilancarkan setelah mendapat kepastian sama ada permohonan untuk tanah di Telok Sapangar diluluskan ataupun tidak.

- (b) Kerajaan Malaysia dalam rancangan pembangunan sememangnya berhasrat untuk memperolehi beberapa buah kapal selam untuk kegunaan TLDM. Ini bertujuan untuk menjadikan TLDM sebuah angkatan laut yang seimbang dan benar-benar berkeupayaan. Setakat ini usaha untuk memperolehi kapal selam ditangguhkan kerana perbelanjaannya tidak mampu ditanggung oleh Kerajaan pada masaini.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kememorian beliau sedang mengkaji untuk mendapatkan satu tapak di Telok Sapangar dekat Kota Kinabalu. Kawasan ini adalah satu kawasan yang memang jauh daripada bahaya-bahaya yang sedia ada kalau dibandingkan dengan kawasan di Pantai Timur iaitu Sandakan dan Tawau, kerana di kawasan-kawasan Pantai Timur dan Tawau inilah yang berlakunya banyak rompakkan oleh pengganas-pengganas dari negara jiran.

Saya ingin tahu apakah logiknya Kementerian Pertahanan memilih satu kawasan yang dianggap tidak mempunyai bahaya yang begitu besar?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah faham perbezaan di antara kawasan operasi dengan Pangkalan Utama. Pangkalan Utama ini iaitu pangkalan kita seperti di Lumut. Di Lumut itu Pangkalan Utama Tentera Laut Di-Raja Malaysia, jadi dia tidak semestinya dibina di tempat di mana yang paling bahaya bagi kita. Jadi ianya dibina berdasarkan kesesuaian termpat itu dari segi ombak lautnya dan dari segi hubungan dengan tempat-tempat utama dalam sesebuah negeri.

Bagi merigawal pantai, urupama lanun dan sebagainya, itu adalah operasi Tentera Laut yang mana kita boleh menghantar kapal-kapal kita ke situ. Jadi, justifikasi tempat ini dipilih adalah kerana menurut kajian, ianya sangatlah sesuai dan bertepatan sekali dengan kehendak sebuah pangkalan utama sesebuah Tentera Laut.

GAGASAN PERTUMBUHAN SEGITIGA SINGAPURA— JOHOR-BATAM

8. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyaikan pendirian Kerajaan dalam rancangan Pertumbuhan Segi Tiga Emas—antara Singapura, Johor dan Batam. Bilakah pelaksanaannya akan dijalankan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan meriyokong cadangan Gagasan Pertumbuhan Segitiga Singapura-Johor-Baiam sebagai satu usaha untuk meningkat dan mengukuhkan kerjasama serantau di antara ketiga-tiga negara iaitu

Singapura, Malaysia dan Indonesia. Ini juga akan menyumbang kepada peningkatan kerjasama ASEAN.

Untuk makluman Yang Berhormat, Gagasan Pertumbuhan Segitiga ini tidak mempunyai rangka kerja operasi yang formal. Buat masa ini, kerjasama dan kegiatan di bawah konsep gagasan ini telah dilaksanakan melalui kerjasama dua hala di kalangan komponen-komponen segitiga ini dengan peranan aktif diambil oleh sektor swasta. Peranan Kerajaan adalah sebagai penyelar dan fasilitator untuk memastikan supaya kerjasama di kalangan sektor swasta ketiga-tiga negara ini dapat di-Lingkatkan. Memandangkan bahawa Gagasan Segitiga ini mempunyai potensi untuk meningkatkan kerjasama serantau di bidang perindustrian, pelancongan dan perdagangan, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah sesuai untuk mendorong pihak swasta bekerjasama dan bertindak bagi mengrealisasikan konsep ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Kawasan Segitiga Emas ini kebelakangan ini banyak berlaku kemalangan pelanggaran antara bot dan kapal dan sebagainya serta mengorbankan banyak jiwa dan di kawasan ini juga kapal-kapal yang melintasi membuang minyak dan juga kapal-kapal minyak lalu di kawasan ini. Untuk memajukan kawasan ini, apakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan laluan kapal daripada kawasan tersebut?

Raja Dato' Ariffin bin Raja

Sulaiman: Berkenaan pelanggaran yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingat ini sudahpun ada tindakan-tindakan yang dibuat oleh ketiga-tiga Kerajaan yang berkenaan. Buat masa ini tindakan Yang Berhormat sebutkan tadi tidak ada.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada rangka kerja yang formal sepertimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu apakah bentuk kerjasama di antara tiga wilayah ini yang diberikan kepada pihak swasta? Dan soalan kedua, apakah pencapaian di dalam bidang pelaksanaan setakat ini di dalam usaha memajukan wilayah Segitiga Emas ini?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa tidak ada kerjasama formal, tetapi sebagaimana kita termaklum kerjasama secara dua hala lelahpun berjalan dengan baik dan saya percaya bila perkara-perkara ini meningkat lagi usaha-usaha itu akan dibuat supaya kerjasama ini akan diformalisekan. Sokongan kepada swasta scpertimana yang berjalan memang sudahpun diberikan perhatian oleh Kerajaan dan saya percaya ini akan ditingkatkan apabila perlu.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:

Soalan tambahan. Saya minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, baru-baru ini ada ura-ura kita dengar berkemungkinan untuk mewujudkan satu lagi pertumbuhan Segitiga Emas, tetapi di sebelah Utara yang merangkumi Thailand, Utara Malaysia dan Indonesia. Adakah perkara ini benar?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

Saya percaya ini baru di peringkat ura-ura, ada cadangan. Dan saya percaya kalau ini juga sepertimana yang sudah menjadi kenyataan di sebelah Selatan juga akan menyumbang untuk meningkatkan lagi kerjasama di antara negara-negara ASEAN. Dan ini saya ingat harapan EAEG juga akan dapat dilaksanakan dalam program ini.

BIRO BANTUAN GUAMAN

9. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) sejauh manakah berkesannya fungsi Biro Bantuan Guaman menyalurkan bantuan dan khidmat nasihat guamannya kepada rakyat yang berpendapatan rendah; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Profesion Guaman yang bertujuan mewajibkan peguam menawarkan perkhidmatan undang-undang secara percuma kepada rakyat miskin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, Biro Bantuan Guaman sebagai sebuah organisasi pemberi khidmat guaman kepada rakyat berpendapatan rendah terbukti telah berjaya melaksanakan fungsinya dengan cemerlang. Ini boleh dilihat daripada bertambahnya bilangan pelanggan-pelanggan yang datang ke Biro. Bilangan kes-kes yang didaftarkan semenjak penubuhannya pada tahun 1970 ialah 109,804 dan 83% dari jumlah kes ini telahpun diselesaikan.

Biro sekarang mempunyai 18 buah cawangan iaitu satu di tiap-tiap ibu negeri dan 4 buah cawangan kecil di daerah Muar, Johor; Taiping, Perak; Raub, Pahang dan Miri, Sarawak. Di samping itu, Biro Bantuan Guaman juga telah melaksanakan suatu rancangan yang dikenali sebagai Klinik Undang-undang di mana pegawai dan kakitangan Biro akan pergi ke satu-satu daerah atau turun ke padang untuk menemui rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan menawarkan khidmat nasihat guaman kepada mereka yang memerlukannya. Ini adalah merupakan satu pendekatan

baru yang diperkenalkan oleh Biro dalam usaha mendckati rakyat yang berpendapatan rendah yang layak mendapat bantuan guaman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan kedua, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda buat masa ini Akta Profesion Undang-undang bagi mengadakan peruntukan bagi mewajibkan peguam-peguam menawarkan perkhidmaian undang-undang secara percuma kepada rakyat miskin.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Biro Bantuan Guaman ini dikatakan suah berjaya, tetapi apakah Yang Berhormat Menteri Kehakiman sedar bahawa masih ramai lagi rakyat tidak mengetahui akan wujudnya Biro Bantuan Guaman ini. Dan sebagaimana dijawab tadi bahawasanya Biro Bantuan Guaman akan turun ke padang, apakah pendekatan yang dikaiakan turun ke padang ini? Apakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan pejabat-pejabat Biro Bantuan Guaman ini mengikut daerah atau jajahan di seluruh negara dan seboleh-bolehnya pejabat mereka ini dekat dengan mahkamah yang dimaksudkan ini bagi membolehkan rakyat di peringkat pendalaman mengetahui bahawasanya wujud Biro Bantuan Guaman yang dimaksudkan ini? Sebab saya masih lagi sangsi di sini peranan maksimum Biro Bantuan Guaman ini dalam memberi pertolongan dan bantuan kepada rakyat yang memerlukan pmbclaan melalui mahkamah.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sayaambil perhatian di atas pandangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi kalau betul ada peranan, tugas dan juga fungsi yang dijalankan oleh Biro Bantuan Guaman tidak mencukupi ataupun tidak dikenali atau dihayati oleh rakyat, maka kita akan mengambil langkah-langkah yang perlu ke arah itu.

Berkenaan dengan mengadakan pejabat Biro Bantuan Guaman di peringkat daerah-daerah, buat masa ini oleh kerana kos perbelanjaan untuk mengadakan di peringkat daerah adalah terlalu tinggi dan ia tidak mungkin kita tubuhkan, sebab itulah kita mengadakan melalui proses di tempal besar-besar dan daripada situ kita beralih pula kepada mengadakan Klinik Undang-undang dalam masa dua minggu sekali ataupun sebulan sekali mengikut keperluan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bidang kuasa Biro Bantuan Guaman ini ialah untuk mengendalikan kes-kes tertentu sahaja yang termaktub di dalam Akta, adakah pihak Kementerian berhajat untuk meminda Akta berkenaan bagi membolehkan pihak Biro Bantuan Guaman mengendalikan kes-kes yang lebih luas lagi dan menyeluruh.

Yang keduanya, salah satu masalah yang dihadapi dalam pengendalian kes-kes di peringkat Biro Bantuan Guaman di peringkat negeri ialah kelambatan mengendalikan kes-kes di mahkamah. Dan salah satu sebab yang sentiasa diberi ialah bahawa ketidakcukupan Penolong Pengarah dan Pembantu Undang-undang dan kakitangan yang berkelayakan. Adakah Kementerian berhasrat untuk menambah pegawai-pegawai undang-undang yang layak atau pembantu undang-undang atau kakitangan di masa-masa yang akan datang bagi melicinkan lagi tugas Biro Bantuan Guaman di peringkat negeri khususnya.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini memanglah bidang kuasa Biro Bantuan Guaman terhad, tetapi kita belum lagi mempunyai cadangan untuk meminda Akta ini apabila ada keperluan, kita akan meneliti keperluannya untuk meminda.

Berkenaan dengan kelambatan, apa yang saya ketahui ialah kelambatan

selalunya tidak berlaku oleh kerana kurang kakitangan tetapi banyak berlaku di dalam kes-kes Mahkamah Syariah atau Mahkamah Kadhi di mana ada masalah mengenai dengan sistem mahkamah itu sendiri. Tetapi walau bagaimanapun di mana ada kekurangan kakitangan, kita akan mengambil langkah untuk menambahkannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Billy Abit Joo tidak hadir)

HUTANG LUAR NEGARA

12. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah hutang luar dan dalam negara bagi tempoh setakat 31-5-1991 dan butir-butir senarai pemberi hutang dan jumlah bagi hutang yang ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada 31-5-1991 adalah sebanyak \$94.8 bilion iaitu meliputi \$24.2 bilion hutang luar negeri dan \$70.6 bilion hutang dalam negeri. Hutang luar negeri sebanyak \$24.2 bilion adalah terbahagi kepada pinjaman pasaran sebanyak \$15.9 bilion, Kredit Pembekal sebanyak \$0.3 bilion dan pinjaman projek sebanyak \$8 bilion. Dari sejumlah pinjaman projek sebanyak \$8 bilion pinjaman dari Bank Dunia ialah sebanyak \$1.9 bilion, Bank Pembangunan Asia sebanyak \$1.3 bilion dan Pinjaman Dua-Hala sebanyak \$4.8 bilion.

Mengenai pinjaman dalam negeri pula dari jumlah \$70.6 bilion, \$62.8 bilion merupakan sekuriti Kerajaan, \$4.3 bilion Bil Perbendaharaan, \$0.9 bilion Sijil Pelaburan dan \$2.6 bilion Pinjaman kepada Kumpulanwang Pinjaman Perumahan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kita mempunyai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa di Labuan, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat pembiayaan semula atau retinancing, segala hutang luar ini yang begitu besar melalui bank-bank yang sudah diwujudkan di Labuan.

Yang kedua, adakah Kerajaan mempunyai rancangan atau mengarahkan segala pinjaman luar yang akan dibuat pada masa hadapan supaya dibuat melalui pusat kewangan luar pesisir di negara kita ini iaitu di Labuan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan semula ataupun refinancing adalah berdasarkan kepada sebanyak mana penjimatan walaupun, dengan izin, cost saving yang boleh dibuat oleh Kerajaan. Oleh itu sekiranya ada terdapat pinjaman-pinjaman yang diperolehi dengan harga yang tinggi ataupun kos yang tinggi pada masa yang lalu dan ada peluang untuk memperolehi kadar pinjaman yang lebih rendah maka Kerajaan akan menimbangkan untuk membiayai semula pinjaman tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan pada tahun ini tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membiayai semula pinjamannya. Oleh itu persoalan sama ada Labuan akan jadi pusat untuk membiayai semula pinjaman tidak berbangkit.

Mengenai soalan kedua, sama ada Kerajaan akan memaksa pinjaman diperolehi daripada Labuan, Kerajaan tidak ada rancangan membuat arahan sedemikian.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE KOREA SELATAN—HASIL

13. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Luar Negeri menyalakan:

- (a) apakah kesan-kesan positif ekonomi dan politik yang dijangka akan dinikmati oleh Malaysia hasil daripada lawatan beliau ke Korea Selatan tahun lalu; dan
- (b) apakah beniuik pemindahan teknologi yang akan Malaysia dapai hasil dari pelabur-pelabur yang datang dari Korea Selatan.

Timbalan Mnteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Korea Selatan dari 11 hingga 14 September tahun sudah telah mendatangkan manfaat yang besar kepada Malaysia baik dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang. Semasa lawatan itu Perdana Menteri telah mengadakan perbincangan dengan Presiden dan Perdana Menteri Korea Selatan mengenai isu-isu hubungan dua-hala, serantau dan antarabangsa yang berkaitan dengan kepentingan-kepentingan bersama. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah memberi ucapan mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia kepada usahawan-usahawan Korea Selatan. Rombongan swasta yang mengiringi Yang Amat Berhormat telah juga mengadakan perjumpaan berasingan dengan para usahawan Korea Selatan.

Di antara hasil-hasil yang dicapai semasa lawatan itu ialah seperti berikut:

- (i) Dari segi hubungan perdagangan dan ekonomi, kedua-dua negara telah menyatakan kesediaan masing-masing untuk berusaha dengan lebih giat lagi untuk mempertingkatkan hubungan itu dengan mengeksploitasikan potensi yang sedia ada.

- (ii) Atas permintaan kiiia, pihak Korea Selatan telah menurunkan cukai import ke atas minyak kernel kelapa sawit daripada 13% kepada 10%.
- (iii) Hasil daripada lawatan Perdana Menteri dan galakan yang diberikan oleh Kerajaan Korea Selatan, pelaburan Korea Selatan di Malaysia telah meningkat lebih kurang 4 kali ganda dalam tahun 1990. Pelaburan Korea ini bukan sahaja akan mewujudkan pekerjaan untuk rakyat Malaysia, bahkan akan membantu proses perindustrian Malaysia. Adalah dijangka bahawa melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur Korea, para usahawan kita akan dapat mempelajari teknologi dan cara pengurusan Korea.
- (iv) Korea Selatan juga telah menyatakan kesediaannya untuk terus menyokong program Dasar Pandang Ke Timur Malaysia dengan menyediakan tempat latihan yang lebih banyak untuk pelatih-pelatih Malaysia. Di samping itu Kerajaan Korea Selatan juga telah menyumbangkan US\$1 juta kepada Kerajaan Malaysia untuk pembinaan Pusat Bahasa Korea di Institut Teknologi MARA.

Buat kesimpulannya, lawatan Perdana Menteri ke Korea Selatan telah mencapai objektifnya. Pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara telah dapat memperbaharui serta mempereratkan hubungan peribadi mereka. Adalah dijangkakan bahawa berikutan dengan lawatan Perdana Menteri itu, hubungan kedua-dua negara terutama hubungan berkenaan dengan perdagangan dan ekonomi akan meningkat ke satu tahap yang lebih tinggi buat masa-masa muka.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pcriua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa hasil dahpada lawatan ini ialah peningkatan pelaburan daripada Korea Selatan ke negara kita. Saya ingin tahu di bidang apakah peningkatan pelaburan ini berlaku, adakah ianya di bidang pembuatan barang-barang daripada kayu-kayan, kerana sebagaimana yang kita maklum pada masa ini negara kitalah sahaja yang merupakan negara tunggal di dunia ini yang masih lagi mengeksport kayu balak kepada Korea dan Taiwan khas untuk membolehkan industri di sana membuat kayu lapis. Adakah di dalam perundingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dimasukkan perundingan supaya Korea mentransferkan industri kayu lapis itu balik ke Malaysia?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, berbagai bidang perindustrian telahpun dibincangkan di antara Kerajaan dan pihak swasta di antara kedua-dua buah negara termasuk juga perindustrian berkenaan dengan pembinaan yang memerlukan bahan-bahan pembalakan. Dan jumlah yang meningkat adalah begitu tinggi sekali dan pada tahun sudah jumlah ataupun nilai investment ataupun pelaburan Korea Selatan ke Malaysia adalah sebanyak \$650 juta berbanding dengan tahun sebelumnya yang hanya setakat \$188.9 juta sahaja. Dan pada tahun ini sahaja pada 5 bulan yang pertama pada tahun ini, jumlah pelaburan Korea Selatan telahpun meningkat sehingga sebanyak \$1,613,000 juta dan antaranya termasuklah perindustrian bersabit dengan bahan-bahan perkapuan.

AIDS—KAWALAN DAN PENGEHAHAN

14. Tuan Wong Wing On minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal undang-undang untuk menghukum orang-orang

yang telah disahkan mengidap penyakit AIDS dan penuh sedar akan hakikat ini tetapi masih menjalankan hubungan seks dengan, atau menderma darah kepada orang yang lain dan lalu menyebabkan orang yang itu juga terhidap penyakit AIDS, memandangkan penyakit AIDS masih merupakan satu penyakit yang "incurable" dan membawa maut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak perlu menggubal undang-undang tambahan seperti ini kerana Kerajaan sudahpun ada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, di mana semua bentuk jangkitan virus AIDS perlu diberilahu, dengan izin, a noliHabc disease, kepada Kementerian Kesihatan.

Mengikut Seksyen 12 sub-seksyen 2 Akta yang sama mempunyai peruntukan-peruntukan yang menyebut bahawa adalah menjadi kesalahan sekiranya mereka yang mengetahui telahpun dijangkiti virus AIDS melakukan apa-apa perbuatan, saya ulangi "melakukan apa-apa perbuatan" yang boleh merebakkan penyakit ini.

Dan hukumannya boleh didapati di dalam Seksyen 24 Akta tersebut, di antara lain ialah kalau sekiranya berlaku kesalahan kali pertama dia boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada dua tahun dan kali yang kedua tidak lebih daripada lima tahun dan jika sekiranya berterusan, tiap-tiap sehari kesalahan itu dilakukan dikenakan denda \$200.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penguatkuasaan undang-undang ini seseorang yang telahpun dijangkiti penyakit AIDS ini diberi kaunseling perubatan mengenai bahaya merebaknya penyakit AIDS apabila melakukan hubungan seks. Perhaiian khusus diberikan kepada mereka yang aktif dalam seks di mana lebih banyak sesi

kaunseling diberikan untuk menggalakkan mereka mengambil langkah-langkah pencegahan yang perlu sekiranya mereka tidak dapat clakkan diri daripada melakukan hubungan seks. Ini termasuk hubungan seks antara satu jenis ataupun antara dua jenis, dengan izin, hetrosexual, by-sexual ataupun homosexual.

Mereka juga diberi peringalan khusus supaya tidak menderma darah dan di dalam borang menderma darah mereka perlu membuat perakuan-perakuan tertentu. Semua mereka yang mendermakan darah dimestikan menandatangani borang yang menyatakan mereka bukan dari gotongan bcrisiko tinggi. Selain daripada langkah-langkah di atas, semua darah yang didermakan adalah diuji untuk antibodi terhadap HIV sebelum darah tersebut digunakan. Ujian saringan ini dijalankan di 46 buah pusat saringan di seluruh negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk membeli alat-alat kclengkapan yang moden untuk heat-treatmen untuk memastikan semua bekalan darah itu tidak mengandungi HIV virus. Adakah langkah-langkah untuk memperbaiki lagi keadaan yang ada sekarang.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini Task Force ataupun Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan pada tahun 1985 sedang dan terus mengkaji jalan-jalan yang sebaik mungkin untuk mencari jalan memastikan darah-darah yang diderma ataupun yang diambil daripada mana-mana pihak bebas daripada virus AIDS. Sebenarnya mereka masih bertindak sekarang ini dan masih bermesyuarat dan beberapa prakuan sedang pun diambil dan yang pentingnya mreka bertindak pro-aktif dan insya-Allah, kalau sekiranya mereka terus bermesyuarat, mereka akan dapat mengeluarkan satu laporan tidak lama lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian tidak ada perancangan untuk mengasingkan orang-orang yang dihidapai oleh penyakit AIDS ini kepada satu kawasan yang berjauhan, sebab penyakit ini adalah merupakan penyakit yang berbahaya?

Soalan yang kedua, sehingga sekarang ini berapa keskah kesalahan-kesalahan yang pernah dilakukan oleh mereka ini yang lelah dihukum? Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk mengasingkan ialah satu tindakan orang yang jahil. Sebab jika sekiranya kita faham benar-benar tentang penyakit AIDS ini ia boleh merebak daripada beberapa sebab. Saya tak perlu ulang cara-caranya tetapi eloklah kita faham bahawa ia boleh berjangkit selain daripada hubungan seks seperti mereka yang berkongsi jarum yang terdedah kepada virus tersebut, melalui darah yang telahpun lercemar dan sebagainya.

Sebenarnya tindakan-tindakan yang akan diambil, dengan izin, preliminary reports yang sedang dirancang ialah supaya orang-orang yang mendapat penyakit ini tidak diasingkan daripada orang-orang yang mengidap penyakit yang lain sebab jika mereka diasingkan, mereka akan lari lebih jauh dan apabila mereka lari lebih jauh, mereka mungkin mengambil tindakan yang mungkin merebakkan penyakit ini di luar daripada kawalan kita. Kita mahu mereka daiang dan memberi peluang kepada kita menasihatkan mereka dan kaunsel mereka. Oleh kerana penyakit AIDS di Malaysia ini tidak begitu tinggi pada masa ini, hanya, 1,169 HIV, 28 AIDS dan 22 daripadanya telah pun meninggal, pada peringkat ini tidak ada cadangan untuk kita mengasingkannya.

Soalan yang kedua ialah apakah kita ada bukti-bukti pesakit yang telah dihukum. Setakat ini belum ada lagi orang yang dihukum bersabit dengan Akta yang saya sebutkan tadi iaim di bawah Seksyen 12 ataupun Seksyen 24.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan untuk Soal Jawab Mulut telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10,11 dan 15 hingga 59 adalah diberi di bawah ini).

(Soalan No. 10. Sila lihat jawapan No. 11 pada 28-6-91).

KEMALANGAN BOT EKSPRES

11. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pengangkutan menyatakan. Dari tahun 1970 hingga 1990.

- (a) jumlah kemalangan yang melibatkan bot ekspres di sungai-sungai di Sarawak;
- (b) bilangan penurnpang dan anak kapal yang maut dalam setiap kemalangan;
- (c) punca sesebuah kemalangan; dan
- (d) langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurang atau mengelakkan kemalangan seperti ini daripada berulang atau berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):

- (a) Jumlah kemalangan yang melibatkan bot ekspres di Sungai-sungai di Sarawak sehingga tahun 1990 adalah sebanyak 22 kemalangan.

- (b) Bilangan penumpang dan anak kapal yang maut dalam kemalangan-kemalangan tersebut adalah seorang sahaja.
- (c) Kebanyakan kemalangan-kemalangan ini adalah berpunca daripada jarak penglihatan yang rendah disebabkan oleh kabut dan juga oleh sebab kecuaiannya operator bot.
- (d) Untuk mengurangkan atau mengelakkan kemalangan, pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah berikut:
- (i) mengadakan rondaan dan operasi penguatkuasaan di sungai-sungai di Sarawak ke atas bot-bot ekspres, kapal-kapal kargo dan lain-lain kenderaan air yang dilesenkan di bawah kuasa Jabatan Laut Sarawak;
 - (ii) mengeluarkan notis pelaut dan lain-lain arahan dari semasa ke semasa kepada tuan-tuanya-tuanpunya kapal, juragan dan operator bot-bot ekspres dan juga kapal-kapal kargo;
 - (iii) mengadakan kawalan dan pemeriksaan yang rapi ke atas bot-bot ekspres dan kapal-kapal kargo pada setiap kali pemeriksaan lahanan yang dijalankan; dan
 - (iv) menekankan subjek-subjek keselamatan dalam setiap pemeriksaan sijil-sijil juragan dan lain-lain sijil berkaitan yang dijalankan oleh Jabatan ini dari semasa ke semasa.

PUSAT KEBUDAYAAN CINA (CHINA TOWN)

15. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Haji Mahmood minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) sudahkah Kementerian membuat kajian tentang cadangan mewujudkan Pusat Kebudayaan Cina atau China town yang diperkatakan sekarang dan dapatkah diterangkan apakah yang dimaksudkan dengan China town itu;
- (b) apakah rasionaliti cadangan itu dan apa untung ruginya kepada negara jika ia tidak diwujudkan; dan
- (c) sebelum ia ditolak atau diterima adakah cadangan itu akan dirujuk kepada Pusat Islam bagi meminta pandangannya dari sudut Islam. Jika tidak mengapa.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan terhadap cadangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Cadangan tersebut masih di dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan.

MAS—PENDARATAN CEMAS DI SUBANG

16. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bagaimanakah sebuah kapal-lerbang MAS boleh tercabut tayarnya walaupun selamat membuat pendaratan cemas di Subang baru-baru ini. Adakah ianya merupakan satu sabotaj atau menunjukkan kurang kecekapan atau kecuaiannya kakitangan teknikal MAS; dan

- (b) apakah rancangan MAS atau Kerajaan untuk membenarkan Royal Brunei Airline menambahkan jumlah persinggahan penerbangan mereka di Kuala Lumpur.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Penyiataan ke atas peristiwa, di mana dua buah roda terjatuh dari pesawat B737-200 Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada 13 Mei 1991 lepas, masih berjalan. Dengan demikian, sebab-sebab mengapa kejadian tersebut berlaku, hanya akan diketahui selepas hasil penyiataan siap dijalankan.
- (b) Mengenai jawapan (b) suka saya maklumkan, bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei Darussalam baru-baru ini telahpun mencapai persetujuan, mengenai aturan hak-hak trafik yang membenarkan syarikat penerbangan berkenaan iaitu Penerbangan Malaysia (MAS) dan Royal Brunei Airlines (RBA), meningkatkan perkhidmatan penerbangan di antara kedua negara, termasuk di antara Kuala Lumpur dan Bandar Seri Begawan. Aturan ini juga membolehkan kedua negara membincangkan penambahan lebih lagi penerbangan, sekiranya didapati perlu untuk menampung pertumbuhan trafik di antara kedua negara di masa hadapan.

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SRP/SPM/SPVM/STPM

17. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minla Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian berpuashati dengan keputusan peperiksaan SRP, SPM, SPVM dan STPM tahun lalu;

- (b) adakah pencapaian para pelajar di dalam matapelajaran Matematik dan Sains memberi gambaran bahawa hasrat kita untuk membina negara industri akan menjadi lebih mudah; dan
- (c) adakah sukatan pelajaran baru atau pengubahsuaian sukatan pelajaran sekarang akan dibuat untuk menjurus kepala matlamat Wawasan 2020.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi soalan yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Keputusan peperiksaan SRP, SPM, SPVM dan STPM tahun 1990 menunjukkan pencapaian yang tidak membimbangkan. Malahan keputusan bagi semua peperiksaan tersebut menunjukkan prestasi yang meningkat berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.
- (b) Pencapaian pelajar dalam Matematik dan Sains memang memberi petunjuk asas untuk membina negara intiustri kerana unsur-unsur pembangunan banyak berteraskan sains, teknologi dan komputer.
- (c) Wawasan 2020 berhasrat menjadikan Malaysia negara maju atau negara perindustrian yang baru. Selaras dengan hasrat ini, langkah-langkah telah dibuat untuk mengubahsuaikan kurikulum dan program persekolahan seperti memberi penekanan kepada aspek-aspek vokasional dan teknologi. Mata-matapelajaran berkaitan adalah seperti Kemahiran Manipulatif di sekolah rendah dan Kemahiran Hidup di sekolah menengah. Di samping itu persediaan sedang dibuat untuk mewujudkan aliran vokasional di sekolah akademik biasa.

Mulai tahun 1993 mata-matapelajaran baru dalam bidang vokasional dan teknologi iaitu Ekonomi Asas, Pengajian Kejuruteraan Jentera, Pengajian Kejuruteraan Awatn, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Lukisan Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan akan diperkenalkan. Semua program ini adalah bertujuan untuk mendokong Wawasan 2020.

MESIN PENCUCI BUAH PINGGANG DI HOSPITAL

18. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada hospital-hospital milik Kerajaan di seluruh negara sedang mengalami kekurangan mesin pencuci buah pinggang (dialysis machine) atau tidak;
- (b) adakah benar aiau lidak hospital besar Alor Setar mengalami kekurangan mesin pencuci buah pinggang sehingga ramai pesakit tidak mendapat rawatan yang sangat diperlukan.
- (c) sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa ramai pesakit buah pinggang lelah mengadu yang mereka tidak dapat rawatan kerana bukan dari kaum tertentu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meyakinkan orang ramai bahawa Kerajaan tidak ada dasar "pilih kasih" bagi rawatan pesakit buah pinggang.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Mesin-mesin pencuci buah pinggang di hospital-hospital

Kerajaan adalah digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu iaitu:

- (i) Pesakit yang mengidap penyakit Acute Renal Failure;
- (ii) Pesakit-pesakit End Stage Renal Failure yang menunggu giliran bagi mendapatkan Kidney Transplant;
- (iii) Pesakit-pesakit yang menjalani Pembedahan Buah Pinggang di mana buah pinggang gagal berfungsi.

Bagi tujuan-tujuan ini mesin-mesin yang ada sekarang adalah mencukupi. Untuk maklumat selanjutnya perkara-perkara yang patut diberi perhatian selain daripada bilangan mesin ialah bilangan-bilangan kakitangan-kakitangan yang terlatih, perbelanjaan yang berterusan dan juga kecukupan ruang untuk Unit Dialysis.

- (b) Mesin-mesin Dialysis di Hospital Besar Alor Setar adalah mencukupi bagi tujuan yang icrteniu. Walau bagaimanapun, ia tidak mencukupi jika rawatan haemodialysis diberi kepada semua pesakit-pesakit End Stage Renal Failure yang datang daripada hospital itu.
- (c) Kementerian Kesihatan sedar bahawa ramai pesakit buah pinggang telah mengadu bahawa mereka tidak dapat menggunakan mesin haemodialysis. Mesin-mesin haemodialysis di Hospital-hospital Kerajaan digunakan untuk pcsakit-pesakit tertentu seperti dinyatakan di para (a).
- (d) Langkah-langkah yang diambil oleh Hospital-hospital Kerajaan untuk menentukan bahawa

Kerajaan tidak ada pilih kasih bagi rawatan pesakit buah pinggang adalah seperti berikut:

- (i) Semua pesakit buah pinggang yang dirujuk kepada hospital-hospital Kerajaan dirawat oleh Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan dan kes-kes yang memerlukan rujukan selanjutnya dirujuk kepada Pakar Nefrologi.
- (ii) Jika pesakit-pesakit mengidap End Stage Renal Failure semua cara-cara rawatan diberitahu kepada pesakit dan keluarga dan terpulang kepada keluarganya memilih rawatan yang tertentu.
- (iii) Kementerian Kesihatan tidak ada pilih kasih dalam pemilihan pesakit-pesakit bagi rawatan tertentu seperti dinyatakan di para (a).

LESEN KENDERAAN KOMERSIAL/PERDAGANGAN

19. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah permohonan yang diterima untuk memohon lesen kenderaan komersial dan perdagangan bagi tahun 1990-April 1991, dan jumlah pemohon yang berjaya bagi tempoh tersebut untuk kesemua jenis dan kelas-kelas kenderaan tersebut; dan
- (b) jumlah pemohon yang berjaya dalam permohonan mereka tetapi tidak dapat membuat pendaftaran kenderaan mereka. Dan adakah Kementerian bercadang untuk

mcrnbatalkan lesen mereka-mereka ini setelah tamat tempoh had masa yang diberikan untuk mendaftarkan lesen mereka.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Jumlah permohonan yang diterima dan diproses oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia mulai 1-1-1990 sehingga 30-4-1991 adalah seperti perincian berikut:

Jadual

Kelas Lesen	Jumlah Permohonan	Jumlah Diluluskan
Teksi/Kereta Sewa	7068	1653
Teksi Sewi & Pandu	250	110
Teksi Mewih	143	94
Bas Sekolah	896	428
Bas Kilang	1529	988
Bas Berhenti-henti	43	-
Bas Mini	9	Masih dibekukin
Bas Ekspres	451	Sedang diproses
Bas Persiaran	222	106
Kenderaan Pekerja	122	63
Lesen Pembawa "A"	6372	3577
Lesen Pembawa "C"	4426	2441
	21531	9460

Jumlah yang diberikan tadi adalah mengikut jumlah pemohon, bukan mengikut bilangan lesen yang dipohon.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, lesen kenderaan perdagangan yang dikeluarkan pada tahun 1990 diberi tempoh melesenkan kenderaan selama setahun dari tarikh mula kuatkuasa. Bila tempoh tersebut tamat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan boleh melanjutkan tempoh tersebut selama 6 bulan atas alasan-alasan

lain yang munasabah. Oleh itu, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan belum lagi membatalkan sebarang lesen kenderaan perdagangan yang diluluskan dalam tahun 1990. Untuk tahun 1991, tempoh kuatkuasa melesenkan kenderaan tidak akan dilanjutkan tempohnya dan akan terbatal dengan sendirinya secara automatik.

MURID SRJK(T) CONVENT SEREMBAN MENUMPANG BELAJAR

20. Dr V. David minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kementerian-nya tentang Sekolah Rendah Tamil Convent di Seremban yang telah ditubuhkan pada tahun 1903;
- (b) walaupun Kerajaan membina bangunan-bangunan baru untuk menubuhkan sekolah-sekolah rendah dan menengah jenis kebangsaan yang lain; mengapa sekolah Tamil ini ditutup; memandangkan ianya mempunyai 380 orang penuntut; dan
- (c) permohonan Persatuan Guru/Ibubapa sekolah kepada Kementerian Pendidikan ke arah membuka semula sekolah ini ditolak oleh pihak-pihak berkenaan. Bolehkah beliau memberitahu Dewan ini di atas sebab-sebab penolakan ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pada masa sekarang, murid-murid SRJK(T) Convent menumpang belajar di bangunan SRK Convent di sebelah petang. Murid-murid SRJK(T) Convent ini akan berpindah bersama dengan murid-murid SRK

Convent, Seremban apabila pembinaan sekolah baru dan menumpang belajar di sebelah petang sebagaimana yang berjalan sekarang.

- (b) SRJK(T) tidak ditutup tetapi akan berpindah bersama-sama dengan SRK Convent di tempat yang baru.
- (c) Permohonan PIBG sekolah untuk membuka semula SRJK(T) Convent tidak timbul kerana sekolah ini tidak ditutup.

PERANGKAP SAMAR KOMUNIS

21. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada hutan negara adalah bebas daripada perangkap samar komunis.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (1) Kegiatan penanaman jerangkap samar oleh pihak PKM di Malaysia bermula dari keluarnya Arahan PKM pada Jun 1972 lagi. Kebanyakan jerangkap samar yang ditanam menggunakan kuasa bateri. Setiap komponen jerangkap samar yang ditanam boleh berfungsi dalam jangka-masa dua tahun dan akan diperbaharui untuk menentukan keberkesanan selanjutnya.
- (2) Pihak PKM diketahui menanam jerangkap samar di kawasan-kawasan sempadan dan pendalaman Semenanjung. Penanaman jerangkap samar juga dilakukan selepas pertempuran dengan anggota Pasukan Keselamatan.
- (3) Pada 2 Dis 1989, pihak PKM telah menandatangani perjanjian perletakan senjata dengan negara Malaysia. Salah satu syarat perjanjian iaitu pihak PKM

bersetuju untuk membersihkan kesemua jerangkap samar yang ditanam dalam kawasan Semenanjung Malaysia. Dari tarikh tersebut juga difahamkan bahawa PKM telah mem-berhentikan kegiatan penanaman jerangkap samar.

- (4) Siri-siri perbersihan jerangkap samar yang terdapat dalam kawasan gerakan telah dipersetujui di antara pihak ATM, PDRM, Tentera Thailand dan PKM. Sehingga kini cuma lima kawasan telah dibersihkan melalui OP BERSIH II yang dilancar pada bulan Februari 1991 di kawasan Bukit Berapit/Klian Intan, Lenggong, Air Kala, Lasah dan Sempadan Kelantan/Perak. Hasil dari OP BERSIH II sebanyak 1,013 komponen jerangkap samar dijumpai di tempat simpanan dan hanya 5 butir sahaja dijumpai tertanam.
- (5) Pada 2 Mac 87, keseluruhan anggota Parti Komunis Malaysia (PKMAL), iaitu gabungan PKM-ML dan PKM-RP telah menyerah diri/meletakkan perjuangan bersenjata kepada pihak Thailand. PKMAL pernah bergeraktindak dan menanam jerangkap di kawasan Utara Kedah (Padang Senai, Gubir, Baling).
- Jerangkap samar ini masih ada yang tertanam di kawasan operasi dan tiada perancangan atau persetujuan untuk membersihkannya.
- (6) Oleh yang demikian hutan-hutan di Malaysia tidak boleh dianggap bebas dari ancaman jerangkap samar ini berdasarkan faktor-faktor berikut:

(a) penangguhan OP BERSIH III;

- (b) peninggalan jerangkap samar PKMAL yang masih tertanam;
- (c) jerangkap samar yang menggunakan kuasa bateri ditaksirkan akan masih efektif dalam jangka masa dua tahun, walau bagaimanapun kalau cara pemasangannya tidak betul, wayar putus, dan sebagai lagi mungkin tempoh efektifnya tidak sampai dua tahun. Jika ada jerangkap samar yang ditanam pada awal tahun 1989 ataupun setepas tarikh perjanjian perletakkan senjata pada 2 Dis 1989, adalah diperkirakan bahawa jerangkap samar ini masih efektif;
- (d) secara am ada kawasan yang ditanami dengan jerangkap samar tetapi tidak dapat dikesan kerana PGK berkenaan telah mati ataupun terbunuh dalam pertempuran dengan Pasukan Keselamatan.

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH—MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ASAS

22. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) setakat mana Kerajaan telah menyediakan prasaran atau kemudahan asas seperti jalanraya, kuasa elektrik, telefon dan lain-lain kemudahan bagi menarik pelabur untuk mciabur di kawasan-kawasan Pembangunan Wilayah; dan

- (h) perancangan Kerajaan untuk memastikan kawasan-kawasan yang masih ketinggalan mendapat kemudahan asas yang lengkap dan sempurna terutamanya di kawasan Pahang Tenggara.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yassin bin Kamari):

- (a) untuk makluman Yang Berhormat, semua kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah telah disediakan kemudahan asas seperti bekalan air, jalanraya, elektrik dan telefon. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan lain yang disediakan untuk menarik pelabur ialah 300 lot industri dan 70 bangunan industri.
- (b) bagi kawasan yang masih ketinggalan, perancangan-perancangan berikut sedang dijalankan iaitu:
- (i) menjalankan kajian kemungkinan ke atas kampung-kampung tradisi secara berperingkat bagi merangka satu pelan induk bagi tiap-tiap buah kampung untuk dimajukan.
 - (ii) mengenalpasti kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan di kampung-kampung yang ditentukan dan melaksanakan secara bersepadu setaraf dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di pekan kecil.
 - (iii) menyusun semula kampung-kampung yang berselerak di bawah konsep Pusat Perkhidmatan/Pusat Pertubuhan Desa dan kampung tersusun.

PERUNTUKAN KERAJAAN TEMPATAN

23. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kriterianya diambil terhadap peruntukan yang diberi kepada Kerajaan Tempatan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Oleh kerana soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah ini tidak jelas sama sekali maksudnya, adalah sukar bagi saya untuk menjawabnya. Saya cadangkan Yang Berhormat merujuk dulu soalan-soalan Parlimen Yang Berhormat kepada Panel Jurubahasa DAP.

EMPANGAN HIDRO ELEKTRIK SUNGAI REJANG

24. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa hasil kajian 6 bulan ke atas Empangan Hidro Elektrik di Sungai Rejang masih belum diumumkan;
- (b) di mana secara tepatnya empangan tersebut dicadangkan, kapasiti penjanaannya, ketinggian dan kawasan yang dibanjirinya;
- (c) adakah perundingan telah bermula dengan rakyat Malaysia yang akan terjejas dan terpaksa pindah itu;
- (d) apakah bukti yang ada untuk menunjukkan bahawa jumlah kesan ekologi adalah kurang teruknya berbanding dengan Empangan Bakun yang terbiar itu; dan
- (e) apakah pengukuran yang telah diambil untuk menjalankan EIA selaras dengan Peraturan EIA 1987.

Dalo' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. bin Mohd. Ghazali:

- (a) hasil kajian baru sahaja dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Kerajaan sedang meneliti kajian tersebut, sebelum membuat keputusan sama ada untuk meneruskan pembangunan projek hidro di Lembah Sungai Rejang,
- (b) berdasarkan kepada (a) di atas perincian mengenai tempat, kapasiti penjanaannya, ketinggian dan kawasan yang dibanjiri belum dapat dipastikan.
- (c) belum lagi.
- (d) belum dikenalpasti.
- (e) belum ditentukan. Sungguhpun begitu Kerajaan akan memastikan Peraturan EIA 1987 dipatuhi.

BEKALAN AIR

25. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebahagian besar penduduk daripada golongan pendapatan rendah tidak dapat menikmati bekalan elektrik oleh kerana kebenaran tuan tanah tidak diperolehi untuk TNB menanam tiang elektrik dalam tanah berkenaan. Jika ya, nyatakan:

- (a) apakah tindakan telah dan sedang diambil oleh pihak Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) apakah keadaan terbaru berkenaan dengan satu kes seperti ini yang dibangkit oleh Ahli Parlimen kawasan Bukit Mertajam kepada beliau pada Disember, 1990.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, dakwaan yang menyatakan sebahagian besar penduduk daripada "golongan berpendapatan rendah" tidak dapat menikmati bekalan elektrik disebabkan tuan tanah tidak membenarkan tiang elektrik ditanam di atas tanah mereka adalah tidak benar sama sekali.

Dalam melaksanakan program-program pembekalan tenaga elektrik, khususnya ke kawasan-kawasan luar bandar, pihak TNB tidak menghadapi masalah besar untuk mendapatkan kebenaran tuan tanah. Sekiranya masalah tersebut timbul, kelazimannya masalah itu dapat diatasi dengan kerjasama Pegawai Daerah dan juga Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di kawasan yang berkenaan.

Kemungkinan juga "golongan berpendapatan rendah" yang dimaksudkan itu merupakan setinggan-setinggan yang menduduki tanah milik persendirian tanpa kebenaran dari tuan tanah yang berkenaan. Dalam hal ini pihak TNB tidak dapat berbuat apa-apa sekiranya tuan tanah tidak membenarkan TNB menanam tiang elektrik di atas tanahnya. TNB tidak boleh menanam tiang elektrik sewenang-wenangnya tanpa kebenaran tuan tanah kerana perbuatan tersebut adalah merupakan satu pencerobohan ke atas tanah milik persendirian dan TNB boleh didakwa di mahkamah.

Mengenai soalan 1 (b), saya percaya kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam ialah berkenaan dengan bekalan elektrik kepada 40 keluarga di kampung Berapit/ Kampung Besar Bukit Mertajam. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat walaupun peruntukan sebanyak \$25,000 telah diluluskan oleh Kerajaan bagi "projek bekalan elektrik ke kampung ini, projek ini tidak boleh dilaksanakan kerana tuan tanah tidak membenarkan TNB menanam tiang elektrik di atas tanahnya.

Pihak TNB, lelah menulis beberapa surat kepada Pegawai Daerah Bukit Mertajam dan salinan kepada Pegawai Kemajuan Negeri, Pulau Pinang untuk menyelesaikan perkara ini tetapi masih tidak berhasil.

Sehingga masalah ini diselesaikan TNB tidak dapat berbuat apa-apa mengenai perkara ini.

**PEMBINAAN SRJK(T) LADANG
WEST COUNTRY TIMUR
KAJANG**

26. Dato Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah Dasar Kementerian terhadap pembinaan baru, penggantian, pembinaan semula dan penambahan SRJK(T):

- (a) bagaimana dengan keadaan penempatan dan pembinaan SRJK(T) Ladang West Country Timur Kajang (Bandar Baru Bangi) yang terpaksa diroboh disebabkan oleh pembinaan lebuh raya 2 hala PKNS Bandar Baru Bangi ke Kajang; dan
- (b) jika ada cadangan berapakah peruniukannya dan secepat manakah dapat dilaksanakan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan peka terhadap pembinaan baru, penggantian mahupun pembinaan semula sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan sentiasa bertindak dari masa ke semasa untuk memberikan peruniukan untuk kerja-kerja tambahan kepada mana-mana sekolah yang daif dan memerlukan bantuan.

- (a) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang West Country Timur adalah sekeolah

Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Bantuan Modal). Sekolah ini dipindahkan oleh sebab pembinaan lebuh raya dua hala Bandar Baru Bangi ke Kajang. Kementerian Pendidikan difahamkan, pihak PKNS telah memperuntukkan sekeping tanah seluas empat ekar bagi pembinaan semula sekolah tersebut.

- (b) sebagaimana telah dimaklumkan SRJK(T) Ladang West Country timur, Kajang (Bandar Baru Bangi) adalah Sekolah Bantuan Modal, tanggungjawab bagi membangunkan sekolah tersebut adalah di bawah Lembaga Pengurus Sekolah berkenaan.

**DISPENSARI KERAJAAN
DI TANDEK, KOTA MARUDU**

27. Tuan George Sangkin minia Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerianya dapat membina satu bangunan baru bagi Dispensari Kerajaan di Tandek, Kota Marudu. Ternyata Dispensari tersebut sudahpun usang dan tidak mempunyai bangunan wad untuk pesakit.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian Kesihatan Malaysia memang sedang memperbaiki perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk Daerah Kota Marudu. Buat masa kini pembinaan Hospital Daerah Kota Marudu telah siap 60%. Ianya dijangka siap sepenuhnya pada bulan Julai 1992. Hospital baru ini akan memberi perkhidmatan kesihatan termasuk rawatan pesakit dalam kepada semua penduduk Daerah Kota Marudu termasuk Tandek yang terletak hanya 12.8 km dari Kota Marudu. Selain dari ini Pusat Kesihatan Tandek dicadangkan dengan pelaksanaan perkhidmatan pergigian dengan anggaran kos \$160,000 dalam Rancangan Malaysia Keenam. Buat masa ini Pusat Kesihatan ini tidak ada kemudahan pergigian.

**JABATAN BEKALAN
AIR—AMBILALIH**

28. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bagaimanakah sambutan terhadap langkah mengambilalih Jabatan Bekalan Air Negeri-negeri oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) jika tiada sambutan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan setiap rakyat mendapat bekalan air yang bersih tanpa gangguan walaupun musim kemarau.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Perkara-perkara dalam soalan ini telahpun saya sentuh semasa memberi jawapan kepada soalan Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 26-6-1991 dan saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan itu.

**GURU SANDARAN TANPA
LATIHAN DI SRJK(C) DAN
SRJK(T)**

9. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan berapakah jumlah guru-guru sandaran yang telah berkhidmat dalam sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil pada tahun 1988, 1989 dan 1990. Daripadabilangan ini berapakah guru-guru yang telah mendapat latihan perguruan dan berapakah yang masih tidak mendapat latihan. Adakah hasrat Kementerian untuk metatih semua guru-guru sandaran yang masih tidak terlatih dan jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memberi kerja-kerja alternatif yang lebih stabil dalam sistem Kerajaan kita.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru sandaran tanpa latihan di SRJK(C) dan

SRJK(T) di seluruh negara pada tahun 1988, 1989 dan 1990 adalah seperti berikut:

	Tahun 1988	Tahun 1989	Tahun 1990
SRJK(C)	5049	3513	4433
SRJK(T)	1512	1208	1882
Jumlah	6561	4721	6315

Pada tahun 1990 Kementerian Pendidikan telah mengambil seramai 1556 orang guru sandaran tanpa latihan untuk mengikuti program Kursus Asas Pengajian Cina dan Pengajian Tamil di maktab-maktab perguruan di seluruh negara. Pada tahun 1989 pula seramai 1559 orang telah dilatih melalui program yang sama manakala pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan, melalui program Kursus Dalam Cuti telah berjaya melatih seramai 317 orang dalam bidang-bidang tersebut. Kementerian Pendidikan hanya menerima permohonan guru-guru sandaran tanpa latihan yang memcnuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan lulus proses temuduga untuk memasuki maktab-maktab perguruan. Kementerian Pendidikan tidak dapat mengadakan kerja-kerja alternatif bagi mereka yang tidak berjaya mengikuti kursus perguruan.

**JURURAWAT—PENGHIJRAHAN
KELUAR NEGERI**

30. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kesihatan menyatakan keadaan di mana setiap tahun berlakunya penghijrahan jururawat ke luar negeri atau ke hospital swasta oleh kerana gaji yang lebih lumayan. Adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan gred tanggagaji jururawat sekarang ini supaya ianya lebih "competitive" dengan gaji yang ditawarkan oleh pihak swasta atau negara-negara asing. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kememerian Kesihatan sememangnya menyedari akan adanya penghijrahan Jururawat dalam perkhidmaian sektor awam ke perkhidmatan di sektor swasta dan luar negeri. Punca utama berlakunya penghijrahan sedemikian ialah kekurangan tenaga kerja dalam bidang kejururawatan di pasaran pekerjaan sama ada di dalam dan mahupun di luar negeri. Bagi mengatasi masalah itu, Kementerian Kesihatan telah meningkatkan program latihan iaitu melatih lebih ramai lagi Jururawat Pelatih supaya selaras dengan keperluan pada masa-masa akan datang.

Kementerian Kesihatan juga dari semasa ke semasa sememangnya sentiasa mengkaji kedudukan perkhidmatan, termasuk peluang kemajuan kerjaya dan kenaikan pangkat, perkhidmatan Jururawat dan juga perkhidmatan-perkhidmatan lain yang terlibat secara terus dalam memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan rakyat-rakyat negara ini.

Bagaimanapun ini tidaklah bermakna bahawa tanggungjawab dan syarat-syarat perkhidmatan Jururawat di Kementerian Kesihatan akan ditingkatkan supaya lebih "competitive" dengan perkhidmatan Jururawat di sektor swasta mahupun di luar negeri. Sebabnya ialah kajian itu hendaklah diasaskan kepada dasar-dasar dan prinsip-prinsip perkhidmaian yang terpakai dalam perkhidmatan awam pada masa sekarang bagi mengelakkan implikasi kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain dalam perkhidmatan awam.

MATAPELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BAGI PELAJAR PERSENDIRIAN

31. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai

kontroversi perkara Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan:

- (a) adakah pelajar-pelajar persendirian dan sekolah swasta dilarang dari mengambil perkara ini untuk SRP dan kalau ia mengapa;
- (b) mengapakah guru-guru sekolah swasta tidak diberikan peluang untuk menjalani latihan untuk perkara ini;
- (c) bukankah larangan ini tidak adil kerana mengurangkan pilihan perkara-perkara yang pelajar swasta boleh ambil dalam SRP;
- (d) sama ada pihak Kementehnan akan mengubah dan menarik balik perkara ini dari diajar dalam Tingkatan 4 dan 5 ekoran bantahan boikot dari National Union of Teaching Profession (NUTP);
- (e) mengapakah ia tidak merangkumi aspek-aspek yang bermanfaat dan berkaiian dengan kehidupan harian seperti belajar satu bahasa lain untuk memupuk budaya pemandu yang cermat dan bertanggungjawab tetapi pula mengajar bagaimana membuat roti canai dan gunting rambut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Matapelajaran Kemahiran Hidup mengandungi komponen kerja kursus yang mesti dibuat di bengkel di bawah pengawasan guru. Oleh itu pelajar-pelajar persendirian yang ingin mengambil Kemahiran Hidup perlu mendaftar di sekolah swasta yang ada kemudahan bengkel dan guru berkelayakan untuk mengikut kelas Kemahiran Hidup secara teori dan pratikal. Sekolah swasta yang ada kemudahan bengkel

dan peralatan serta guru yang berkelayakan boteh memohon kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk mendapat kelulusan menawarkan mata-pelajaran ini.

- (b) Guru-guru sekolah swasta tidak dilarang dari mengikuti latihan Kemahiran Hidup anjuran Jabatan Pendidikan Negeri. Bagaimanapun, mereka perlu memohon kepada Jabatan Pendidikan Negeri. Oleh kerana ramai guru-guru dari sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan memerlukan latihan, mereka akan diutamakan. Sehingga kini, Kementerian Pendidikan tidak ada menerima sebarang permohonan daripada mana-mana pihak supaya latihan diberikan kepada guru sekolah swasta.
- (c) Memandangkan tidak ada larangan terhadap guru-guru swasta untuk mengikuti latihan, oleh itu tidak timbul perkara mengenai pelajar swasta kurang ada pilihan matapelajaran dalam pemeriksaan SRP.
- (d) Kementerian Pendidikan tidak akan mengubah atau menarik balik program Khas Kemahiran Hidup untuk Tingkatan 4 dan 5. Program ini sudah mula dilaksanakan dan akan terus dijalankan seperti yang dirancang hingga akhir 1992. Pihak Kesatuan NUTP telah menyatakan sokongan terhadap pelaksanaan program khas ini, setelah diberitahu tentang rasional dan bentuk pelaksanaan matapelajaran tersebut.
- (e) Semua aspek yang terkandung dalam Kemahiran Hidup adalah bermanfaat dan berkaitan dengan kehidupan harian. Melalui matapelajaran ini pelajar dipupuk dengan daya keusahawanan, tabiat dan sikap kerja yang baik,

bersistematik, cermat dan bertanggungjawab di samping menjadikan mereka celek teknologi dan kenalfahaman ekonomi. Projek-projek yang dijalankan dalam matapelajaran ini sama ada berkaitan dengan kayu, logam, elektrik dan elektronik, pertanian dan sebagainya dibuat untuk memberikan kemahiran dan memupuk aspek-aspek yang dinyatakan tadi.

JALAN LINGKUNGAN LUAR KUALA LUMPUR

32. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada terdapat satu jalan lengkungan keluar (OUTER RING ROAD) bagi Kuala Lumpur seperti yang dirancang oleh Draf Pelan Induk Kuala Lumpur. Jika benar, nyatakan tugas dan peranan mengapa projek ini tidak dilaksanakan mulai sekarang;
- (b) pelbagai pintu masuk ke Bandaraya Kuala Lumpur yang mana masalah kesesakan lalu lintas adalah sangat teruk semasa waktu sesak dan apakah pihak berkuasa akan berbuat untuk menyelesaikan masalah ini;
- (c) tindakan dan strategi yang diambil oleh DBKL untuk mengatasi kesesakan lalu lintas dalam KL; dan
- (d) amaun wang yang digunakan setiap tahun untuk sistem pemecahan lalu lintas dalam KL dalam tempoh 10 tahun terakhir dan bagaimana amaun boleh besar dan melebihi dari apa yang sebenarnya dipinta.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):

- (a) di dalam Pelan Siruktur Kuala Lumpur, satu jalan lingkaran luar (Outer Ring Road) telahpun dirancangkan. Jalanraya ini mempunyai dua peranan seperti berikut:
- (i) memudahkan pergerakan lalulintas di sepanjang kawasan berhampiran sempadan KL dan Selangor Darul Ehsan.
 - (ii) memberi opsyen Lencongan Utara-Selatan tanpa melalui KL (North-South Bypass option for KL).

Kajian "feasibility" bagi cadangan jalan tersebut telah dibuat dan jalan ini kini dipanggil Jalan Lingkaran Dua (Middle Ring Road II).

Kementerian Kerja Raya telah membuat permohonan peruntukan untuk melaksanakan sebahagian Jalan Lingkaran Dua (dari Lebuhraya Persekutuan I di Utara hingga Jalan Chcras di Selatan) dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

- (b) DBKL memang menyedari tentang kesesakan lalulintas di Bandaraya KL dan DBKL sentiasa berusaha bagi mengatasi masalah ini.
- (c) dalam usaha memperbaiki keadaan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur, tindakan dan strategi yang akan diambil meliputi tiga aspek kerja seperti berikut:
- (i) Perlaksanaan Projek-projek Pembangunan Jalan

(ii) Perlaksanaan Projek-projek Pengangkutan Awam

(iii) Perlaksanaan Projek-projek Pengurusan Lalulintas

- (d) sejak tahun 1985 hingga tahun 1990, DBKL telah membelanjakan \$107.8 juta untuk melaksanakan projek-projek pembangunan jalan bertujuan memperbaiki keadaan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Kebanyakan perbelanjaan ini adalah dari sumber Bandaraya Kuala Lumpur sendiri. Walau bagaimanapun DBKL tidaklah dapat menanggung kos pembinaan projek yang memerlukan modal yang besar seperti projek pembinaan jalan baru dan jambat. Bantuan langsung daripada Kerajaan Pusat adalah diperolehi.

PERAS UGUT TERHADAP DATUK SERI NAJIB TUN ABDUL RAZAK

33. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kebenaran dalam kenyataan awam oleh Pengarah CID, Datuk Zaman Khan dalam bulan Disember tahun lalu bahawa Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah membuat beberapa pembayaran berjumlah \$180,000.00 atas satu percubaan peras ugut terhadap Menteri tersebut. Jika tidak, mengapa Datuk Zaman Khan membuat kenyataan seperti ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Yang Berhormat, kes tersebut masih lagi dalam tindakan mahkamah. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu.

BUKU GARIS PANDUAN KANTIN SEKOLAH

34. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah yang telah diambil terhadap pengusaha kantin sekolah yang sentiasa menjual "makanan ringan" yang tidak memberi apa-apa faedah kepada murid-mund. Adakah Menteri sedar ada kantin sekolah menjual makanan ringan ini lebih banyak daripada makanan yang lebih berfaedah kepada murid-murid.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan melalui buku Garis Panduan Kantin Sekolah telah memberi satu garis panduan umum tentang makanan dan minuman yang digalakkan dijual di kantiin sekolah. Di antara kriteria makanan tersebut ialah makanan yang seimbang, segar, mengenyangkan dan bebas daripada bahan-bahan tambahan.

Kementerian Pendidikan memang sentiasa mengambil berat tentang jenis-jenis makanan yang dijual di kantiin-kantin sekolah. Surat-surat pekeling telahpun diedarkan dan pihak pentadbir sekolah telah diwajibkan mendapatkan buku panduan kantin. Pegawai-pegawai di peringkat negeri, daerah mengadakan pemeriksaan ke kantin-kantin sekolah dari semasa ke semasa bagi memastikan kantin-kantin tersebut mematuhi peraturan-peraluran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Di samping pegawai-pegawai pendidikan, pihak Kementerian Kesihatan/Jabatan Kesihatan dan majlis-majlis tempatan juga mengadakan pemeriksaan mengejut ke kantin-kantin sekolah. Hasil dari lawatan ini tiada kes-kes luar biasa yang didapati.

Setakat ini, Kementerian Pendidikan belum pernah mengambil tindakan berhubung dengan penjualan "makanan ringan". Dalam melaksanakan peraturan kantin pihak Pengetua atau Guru Besar sekolah biasanya akan memastikan

pengusaha-pengusaha kantin patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

BEKAS ANGGOTA PKM MENJADI WARGANEGARA MALAYSIA

35. Tuan Yim Chee Cheong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) setakat ini berapa ramaikah bekas anggota Parti Komunis Malaya telah memohon untuk menjadi warganegara Malaysia atau untuk tinggal di negara ini; dan
- (h) sama ada Kerajaan akan membenarkan bekas anggota PKM menubuhkan parti politik jika mereka dibenarkan menetapkan di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) jumlah keseluruhan bilangan bekas-bekas anggota Parti Komunis Malaysia (PKM) yang telah memohon untuk menjadi warganegara Malaysia atau untuk tinggal di Malaysia adalah seramai 442 orang.
- (b) bekas-bekas anggota PKM tidak dihalang daripada menubuh parti politik asalkan ianya ditubuhkan untuk tujuan-tujuan dan maksud yang tidak bertentang dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Negara.

(Soalan No. 36. Sila lihat jawapan No.3)

AKTA KELAHIRAN DAN KEMATIAN—KEMASKINI

37. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Dalam Negeri menyalakan sama ada Akta Pendaftaran Negara akan dipinda untuk menyelesaikan masalah ketiadaan Sijil Beranak dan

memberi kuasa kepada Pegawai di Peringkat Bahagian meluluskan permohonan pendaftaran lewat. Kalau tidak, apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Akta Pendaftaran Negara tidak ada kena mengena dengan urusan sijil beranak. Oleh yang demikian, soalan meminda Akia berkenaan tidak timbul. Walau bagaimanapun Kementerian sedang mengkaji untuk mengemaskini Akta Kelahiran dan Kematian.

PENDAFTARAN KELAHIRAN

38. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebenarnya menyebabkan kelambatan pembenaran permohonan surat beranak dan kad-kad pengenalan; dan adakah Kementerian sedar bahawa sesetengah permohonan dokumen tersebut tidak dapat dilayan oleh Jabatan Pendaftaran kerana ayah dan mak, si pemohon tidak ada surat perkahwinan yang rasmi. Kalau sedar apakah tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk membuat permohonan pendaftaran kelahiran seseorang itu hanya perlu menunjukkan bukti bahawakelahiran itu berlaku di negara ini. Bagi permohonan Kad Pengenalan pula ia hanya perlu menunjukkan sijil kelahirannya. Oleh yang demikian perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini seharusnya tidak timbul.

SUMBER MINYAK DI PERAIRAN MALAYSIA-THAI

39. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan berhubung dengan penemuan

sumber minyak di kawasan perairan Malaysia-Thai dan;

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memulakan proses carigali dalam tempoh negeri Kelantan Darul Naim diperintah oleh parti pembangkang; dan
- (c) perlukah ia dilakukan segera untuk menambah kuota pengeluaran minyak dan gas petroleum negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah): Soalan ini telahpun dijawab semasa saya menjawab soalan asal dari Yang Berhormat Kota Bharu di Dewan ini pada 28 Jun 1991 dan saya tidak bercadang menambah apa-apa lagi dalam perkara ini.

PERKHIDMATAN AWAM— PENGURANGAN SAIZ

40. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan hasil pengurangan saiz dan kos perkhidmatan awam melalui penswastan dan lain-lain langkah; apakah saiz ideal bagi sektor awam yang menjadi sasaran Kerajaan dan bilakah saiz ideal ini dapat dicapai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Hasil dari program pengurangan saiz perkhidmatan awam dan penswastan agensi-agensi dan perkhidmatan Kerajaan sehingga bulan Mei 1991, sebanyak 87,688 jawatan telah dimansuhkan. Ini terdiri daripada 31,293 jawatan yang dimansuhkan di bawah program pengurangan saiz dan 56,395 dimansuhkan akibat penswastan.

Jumlah bayaran emolumen yang telah dijamin hasil dari urusan penswastan, sehingga Mei 1991, adalah dianggarkan berjumlah \$540 juta.

Penjimatan melalui pemansuhan jawatan-jawatan di bawah program pengurangan saiz perkhidmatan awam, tidak dapat dikira kerana usaha ini melibatkan pemansuhan jawaian-jawaian kosong sahaja.

Kerajaan tidak menetapkan saiz yang ideal untuk perkhidmatan awam. Apa yang ingin dicapai ialah "saiz yang optimum" pada sesuatu masa tertentu yang disesuaikan dengan keperluan dan keutamaan negara pada masa itu. Keperluan dan keutamaan ini bergantung kepada peranan Kerajaan, sistem dan teknologi yang digunakan, tahap produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam dan keupayaan kewangan Kerajaan.

METER LETAK KERETA

41. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sedar akan rungutan orang ramai mengenai kesulitan menyediakan syiling meter letak kereta hingga menyebabkan kereta mereka disaman oleh DBKL. Nyatakan sebab-sebab DBKL tidak membenarkan peiak meter letak kereta disewakan secara bulanan di kawasan pejabat-pejabat atau kedai-kedai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Pada mula-mula sistem letak kereta yang dilaksanakan memang ada rungutan orang ramai mengenai kesulitan menyediakan syiling bagi meter letak kereta. Pada masa itu syarikat-syarikat ada melantik wakil-wakil atau agen-agen di kedai-kedai di dalam kawasan sistem letak kereta bermeter untuk khidmat menyediakan syiling bagi kemudahan orang ramai. Pada masa sekarang tidak terdapat lagi aduan atau rungutan dan orang ramai mengenai kesulitan tersebut memandangkan kebanyakan mesin letak kereta bermeter yang digunakan sekarang boleh menerima jenis syiling 10 sen, 20

sen, dan 50 sen. Oleh itu terdapat banyak pilihan kepada orang ramai bagi penggunaan meter tersebut.

Berdasarkan aduan yang diterima daripada orang ramai tempat letak kereta adalah tidak mencukupi. Oleh itu adalah tidak menjadi dasar DBKL membenarkan petak letak kereta disewakan secara bulanan di kawasan pejabat-pejabat atau kedai-kedai kerana ini akan mengurangkan lagi tempat letak kereta untuk orang ramai berurusan dengan pejabat-pejabat yang terlibat.

POLIS KONSTABEL— PENGAMBILAN

42. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk inyenemak semula syarat kelulusan bagi pengambilan polis konstabel dinaikkan kepada kelulusan minima Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- (b) bilakah Kementerian dapat membuat semakan ke atas kescluruhan sekim perkhidmatan polis bagi meningkatkan profesyen dan kualiti perkhidmatan sejajar dengan taraf pendidikan penduduk negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian memanglah ada cadangan bagi menyemak semula syarat kelulusan bagi pengambilan polis konstabel dinaikkan kepada kelulusan minima Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan perkara ini masih dalam kajian oleh pihak Kerajaan kerana implikasinya.

Bagi menjawab soalan kedua, Kerajaan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam sekarang sedang mengkaji semua skim-skim perkhidmatan di dalam perkhidmatan awam supaya ianya seimbang dan sejajar dengan kehendak negara.

BALAI POLIS TEBEDU— ANGGOTA

43. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang uniuik menambah anggota-anggota Polis di daerah kecil Tebedu memandangkan anggota-anggota polis yang sedia ada di situ jauh dari mencukupi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pada ketika ini jumlah kekuatan anggota Balai Polis Tebedu ialah 29 orang yang diketahui oleh seorang Inspektor. Keanggolaan yang ada pada masa ini adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, Kerajaan seniiasa mengambil perhatian dari masa ke semasa atas keperluan tambahan perjawatan di semua peringkat iaitu kontinjen, daerah, balai dan pondok, dengan mengambilkira perkembangan sosio-ekonomi dan masalah sosial di peringkat berknanaan. Oleh yang demikian jika keadaan memerlukan, anggota tambahan akan diberi di Balai Polis Tebedu kelak.

BAHASA LAIN DI PAPANTANDA KEDAI PERNIAGAAN

44. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebab penggunaan bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia di papan-papantanda kedai-kedai perniagaan dan syarikat-syarikat serta nama-nama kawasan perumahan masih berleluasa yang tidak mencerminkan identiti negara di mana Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara. Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah ini?

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak dapat memaksa penggunaan Bahasa Malaysia terhadap pihak swasta kerana tidak ada undang-undang tentang perkara ini. Per-

lembagaan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan memperuntukkan bahawa rakyat Malaysia bebas menggunakan, mengajar atau belajar apa-apa jua bahasa selain Bahasa Kebangsaan. Peruntukan undang-undang inilah yang menyebabkan wujudnya penggunaan bahasa-bahasa lain.

Akta Syarikat 1965, Akta Daftar Perniagaan 1956 dan Akia Cap Dagangan 1976 lidak juga memperuntukkan bahawa nama syarikat, perniagaan dan cap dagangan menggunakan Bahasa Melayu. Penggunaan Bahasa Malaysia tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta Kerajaan Tempatan dengan itu juga pihak pemaju perumahan menganggap bahawa penamaan kawasan perumahan tidak tertakluk ada dasar bahasa rasmi negara.

Kerajaan amat peka terhadap perkembangan yang berlaku. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan bahawa identiti negara terpancar di mana-mana jua. Beberapa peraturan pentadbiran akan dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menentukan bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia tidak berleluasa hingga mencemarkan imej negara Malaysia.

KILANG MEMBUANG BAHAN TOKSIK

45. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada kilang-kilang yang membuang bahan-bahan toksik ke dalam sungai-sungai yang berdekatan yang bukan sahaja menyebabkan kematian hidupan-hidupan di dalam sungai bahkan manusia yang masth menggunakan air sungai untuk kegunaan harian. Jika Yang Berhormat Menteri sedar akan keadaan ini apakah tindakan sewajarnya yang diambil.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Ada kemungkinan kilang-kilang yang udak bertanggungjawab membuang buangan terjadual ke dalam sungai-sungai. Dengan yang demikian, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun mulai 1 Mei, 1989 menguatkuasakan satu peraturan baru iaitu Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 bertujuan mengawal pembuangan buangan-buangan terjadual. Sehubungan dengan itu, hampir 1000 buah kilang iclah dikenalpasti sebagai punca buangan terjadual dan 70 peratus daripada bilangan ini telahpun mengisytiharkan buangan-buangan terjadual yang dikeluarkan oleh mereka.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulai ini dan orang ramai supaya melaporkan kepada Jabatan Sekitar tentang pembuangan buangan terjadualkedalam sungai-sungai supaya tindakan tegas diambil terhadap mereka-mereka yang terlibat.

LESEN PENGILANG YANG DILULUSKAN

46. Tuan Haji Ishak bin Arshad meminta Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan lesen pengilang yang telah diluluskan oleh Kementerian sejak 1980;
- (b) berapakah jumlah kos pelaburan dan ekuiti penyertaan bumiputra sejak 1980 dan
- (c) dari jumlah tersebut berapakah bilangan kilangan dan jumlah ekuiti penyertaan bumiputera bagi kilang yang telah beroperasi.

Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz):

- (a) Sejak tahun 1980, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah meluluskan sebanyak 7,001 Lesen Pengilang.
- (b) Jumlah Modal Pelaburan yang diluluskan dari tahun 1980 hingga Mei 1991 adalah sebanyak \$102,474.7 juta. Dalam lempoh tersebut jumlah ekuiti yang diluluskan ialah \$35,729.7 juta di mana \$6,864.3 juta atau 19.2% merupakan jumlah ekuiti bumiputera.
- (c) Bagi tempoh berakhir 31-12-1989, bilangan syarikat pengilangan dengan penyertaan Bumiputera dan sedang beroperasi berjumlah 1,486. Jumlah ekuiti syarikat-syarikat tersebut adalah \$11,176.4 juta di mana ekuiti Bumiputera merangkumi 29.4% dari jumlah tersebut iaitu \$3,288.1 juta.

PERMOHONAN MASUK KE MALAYSIA—BEKAS ANGGOTA PKM

47. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan anggota Parti Komunis (PKM) yang memohon memulang balik ke keluarganya di Malaysia setakat ini;
- (b) bilangan anggota PKM sedang menjalani pemulihan di tempat-tempat pertahanan perlindungan; dan
- (c) bantuan dan kemudahan dibiayai oleh Kerajaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bilangan bekas-bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah membuat permohonan untuk masuk ke dalam Malaysia adalah 422 orang.
- (b) Tiada.
- (c) Oleh kerana permohonan untuk masuk dan menetap dalam Malaysia masih dalam proses dan berdasarkan kedudukan sepeni dalam jawapan di (b) tadi, soalan ini adalah tidak timbul.

GALAKAN PELABURAN NEGARA

48. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyaiaikan butir-butir tentang Sejangkat Free Trade Zone di Kuching, Sarawak dan langkah-langkah yang sudah diambil untuk menarik pelaburan asing ke negeri Sarawak, khasnya dalam sektor pembuatan dan elektronik.

49. Tuan James Jimbun Punga minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi membantu menggalakkan "BRIGHT BUSINESS PROSPECT FOR MANUFACTURES" di negeri Sarawak.

23-7-91

4. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berdasarkan kepada beberapa faktor seperti berikut iaitu berkurangnya sumber tenaga manusia di Semenanjung Malaysia khususnya untuk menampung industri elektrik yang berkembang, wujudnya zon Perdagangan Bebas yang pertama di Sarawak untuk menarik kemasukan industri elektronik yang

merupakan industri baru/perintis yang digalakkan di Sarawak; dan perlunya para pelabur dalam industri elektronik digalakkan menempatkan kilang mereka di Malaysia seperti di Sarawak dan tidak berpindah atau mcneari lokasi lain di luar ekoran daripada kekurangan tenaga buruh di Semenanjung Malaysia. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan insentif pelaburan tambahan atau istimewa untuk industri elektronik di Sarawak selain daripada insentif yang sedia ada untuk seluruh Malaysia. Jika ada, apakah insentif-insentif istimewa yang akan dicadangkan tersebut dan bilakah ianya boleh dikuatkuasakannya. Jika tidak ada, apakah Kerajaan boleh mempertimbangkan perkara ini dengan sewajarnya demi untuk menarik kemasukan pelaburan asing dalam industri elektronik di Sarawak dan apakah langkah-langkah lain yang telah dan akan dibuat oleh Kerajaan supaya industri elektronik boleh tertarik untuk melabur di negeri seperti Sarawak,

Dato' Seri Rafidah Aziz: Saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kuching pada hari yang sama dari Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Santubong pada 23hb Julai 1991, kerana soalan-soalan ini adalah berhubung dengan pelaburan di Negeri Sarawak. Kerajaan tidak ada program penggalakan pelaburan yang khusus untuk tiap negeri. Dasar pengalakan pelaburan negara adalah untuk menggalakan pelaburan di Malaysia. Kerajaan tidak memberi keutamaan kepada mana-mana negeri. Tiap-tiap negeri mempunyai ciri-cirinya tersendiri untuk menarik pelabur-pelabur. Oleh itu terpulanglah kepada pelabur-pelabur untuk memilih di negeri mana mereka hendaklah mendirikan projek-projek mereka setelah mengambil kira ciri-ciri negeri tersebut dengan jenis projek

mereka. Namun begitu Kerajaan Negeri boleh berperanan mengenaipasti industri yang sesuai didirikan di Negeri Sarawak dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakan lebih banyak pelaburan ke negara ini. Di antara usaha-usaha ini adalah untuk menyediakan galakan-galakan cukai dan mengurangkan kerenah-kerenah birokratik berhubung dengan kelulusan dan pelaksanaan projek.

Di samping itu, Kerajaan juga menghantar misi-misi penggalakan pelaburan keluar negeri dan Kerajaan-kerajaan Negeri juga dijemput ikut serta dalam misi-misi penggalakan pelaburan ini.

Sebagai langkah untuk menggalakan pelabur-pelabur mendirikan projek-projek di negeri-negeri yang kurang menjadi tumpuan pelabur-pelabur di masa ini, perhatian harus diberi kepada aspek-aspek berikut:

- (a) Memperbaiki infrastruktur dan bekalan kemudahan di kawasan-kawasan tersebut supaya daya larian kawasan-kawasan ini kepada pelabur dapat diperingkatkan.
- (b) Menggalakan industri-industri spesifik menempati di satu-satu kawasan berasaskan sumber-sumber semula jadi di kawasan tersebut, misalnya industri berasaskan kayu dan perikanan di negeri Sarawak.
- (c) Mempastikan kerenah-kerenah pentadbiran tidak menjadi penghalang kepada pelabur-pelabur dengan menggalakan Kerajaan Negeri mengadakan Pusat-pusat Penyelarasan

Pelaburan dan mengurangkan prosedur-prosedur bagi mendapat kelulusan penubuhan projek.

- (d) Menggalakan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan skim insentif sendiri bagi menarik pelaburan seperti mengurangkan kadar premium tanah, menyediakan pusat latihan, mempercepatkan masa memproses penukaran syarat tanah dan sebagainya.

Berhubung dengan Zon Perdagangan Bebas Sejingkat, buat masa ini 520 ekar siap dibangunkan dan syarikat-syarikat berikut telah diluluskan beroperasi di kawasan ini:

Sawmill	6
Plywood	1
Furniture/Fixtures	5
Rattan Processing	2
Machinery & Equipmem	1
Fabricated Metal	3
Chemical & Fertilizer	2
Paper & Prinling	3
Food Processing	5

Syarikat-syarikat yang beroperasi di kawasan ini akan menikmati faedah pengecualian duti atas barang-barang import dan eksport,

GAGASAN EAEG

50. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang bilangan yang dicadangkan bagi ahli bangsa untuk EAST ASIA ECONOMIC GROUPING (EAEG) yang dicadangkan itu, yang telah menyatakan persetujuan tentang cadangan untuk mengadakan EAEG dan jika ada pengimbangan terhadap politik atau ekonomi yang boleh digunakan oleh Malaysia.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab bagi pihak Kementerian saya oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam Dewan yang mulia ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Kota Melaka pada 18 Jun, 1991. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Lembah Pantai pada 17 Jun, 1991, Kawasan Kuala Kedah pada 17 Jun, 1991 dan 18 Jun, 1991, Kawasan Klang pada 17 Jun, 1991, Kawasan Machang pada 19 Jun, 1991, Kawasan Arau pada 19 Jun, 1991, Kawasan Kepong dan Kawasan Larut pada 27 Jun, 1991, Kawasan Tumpat pada 10 Julai, 1991, Kawasan Sibul pada 18 Julai, 1991 dan Kawasan Seremban pada 22 Julai, 1991. Oleh yang demikian saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

KESELAMATAN JALANRAYA DALAM KURIKULUM SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

51. Puan Hajah Rakibah binti Abdul Manap minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau akan menjadikan Program Ciri-Ciri Keselamatan Jalanraya sebagai kurikulum penting di sekolah rendah dan menengah untuk mendidik murid-murid sekolah supaya memahami dengan langkah-langkah keselamatan apabila berada di jalanraya dan semasa mereka dewasa nanti kerana bertambahnya bilangan kemalangan jalanraya yang dilakukan oleh orang-orang dewasa pada masa ini supaya mereka dewasa kelak tidak akan melakukan kesalahan-kesalahan jalanraya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ciri-ciri keselamatan jalanraya memang telah disepadukan di dalam kurikulum di peringkat rendah dan menengah. Sebagai contoh tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kepentingan keselamatan jalanraya diajar di dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Ciri-ciri keselamatan jalanraya juga disepadukan semasa membincangkan nilai-nilai murni seperti hormat menghormati, kasih sayang, kejujuran, kerjasama dan rasional sama ada dalam Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan mata-matapelajaran lain. Di samping itu, keselamatan di jalanraya dijadikan aktiviti kokurikulum di mana murid-murid diberi peluang berinteraksi dengan keadaan sebenar di jalanraya.

(Soalan No. 52. Sila lihat jawapan No. 33 pada 17-6-91)

INDUSTRI KAMPUNG

53. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Ishak minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah bilangan projek industri kampung yang diluluskan sejak 3 tahun ini mengikut negeri-negeri, dan berapakah yang berjaya dan yang gagal;
- (b) berapakah perbelanjaan mengikut negeri-negeri;
- (c) berapakah jumlah bilangan projek industri kampung yang berjaya ke taraf eksport; dan
- (d) jumlah projek industri kampung yang diterima di bawah konsep payong Kerajaan dan jenisnya.

Tuan Mohd. Yassin bin Kamari: Untuk menjawab soalan (a) & (b), bilangan projek industri kampung yang diluluskan dan jumlah perbelanjaan RML mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Negeri	1988		1989		1990		Jumlah	
	Bil. Projek	Nilai (\$)	Bil. Projek	Nilai (\$)	Bil. Projek	Nilai(\$)	Bil. Projek	Nilai (\$)
Perlis	—	—	5	124,100.00	1	26,000.00	6	150,000.00
Kedah	—	—	29	577,760.00	4	116,970.00	33	694,730.00
P.Pinang	—	—	6	196,979.50	23	712,049.00	29	909,028.50
Perak	9	93,657.00	30	649,068.00	14	508,024.00	53	1,250,659.00
Selangor	19	695,710.00	10	355,215.00	6	206,765.00	35	1,257,690.00
W.Per.	6	117,000.00	7	256,466.00	2	129,300.00	15	502,766.00
N. Sembijan	4	216,700.00	22	532,799.00	11	269,493.00	37	1,018,992.00
Melaka	18	379,634.00	10	444,620.00	3	159,900.00	31	984,154.00
Johor	—	—	16	752,110.00	7	337,650.00	23	1,089,760.00
Pahang	—	—	6	133,400.00	19	643,070.00	25	776,470.00
Terengganu	14	227,474.00	14	365,750.00	5	114,700.00	33	707,924.00
Kelaman	14	549,964.32	55	1,827,790.00	12	633,120.00	81	3,010,874.92
Sabah	8	266,690.00	10	382,787.00	1	20,000.00	19	669,477.00
Sarawak	—	—	—	—	—	—	—	—
Jumlah	92	2,546,739.32	220	6,598,845.10	108	3,877,041.00	420	13,022,625.42

Sangat susah hendak mengatakan banyak mana dan projek-projek ini yang berjaya dan yang gagal kerana penilaian pencapaian dan kejayaannya itu mengambil masa untuk dinilai dan projek-projek ini ada yang baru mula. Walaupun demikian, memang ada yang gagal dan banyak juga yang berjaya.

- (c) Bilangan projek yang berjaya ke taraf eksport belum dapat dikenalpasti. Walau bagaimanapun adalah dipercayai sebahagian kecil produk perabot, kraf dan makanan telah menembusi pasaran eksport.
- (d) Jumlah projek yang diterima di bawah konsep payong ialah:

Makanan	12
Perabot	15
Kapor Tulis	1

PEMBINAAN PROJEK KENYIR DAN TEMENGGOR

54. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sila butirkan jumlah kerugian atas tanah dan harga Kerajaan dan orang ramai serta lain-lain kesan sampingan akibat pembinaan Projek Kenyir dan Temenggor dan bagaimana kemusnahan itu dapat dielakkan pula dalam pembinaan Projek Haidro Elektrik di Lembah Pergau, Ulu Kelantan;
- (b) sejauhmana projek ini jika siap nanti boleh memberi lebih banyak laedah kepada negeri dan rakyat Kelantan dibandingkan dengan lain-lain pihak;
- (c) adakah jaminan bahawa rakyat Kelantan diberi keutamaan dalam mendapat pekerjaan dari projek ini; dan

- (d) dapatkah Dewan ini mengetahui mengapa Syarikat Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. menjadi pilihan Kerajaan untuk mengendalikan projek ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Kolamair yang diwujudkan oleh Projek Kenyir di Negeri Terengganu Darul Iman adalah seluas 36,900 hcktar. Sebahagian kecil daripada kawasan hutan tersebut telah ditanam dengan kepala sawit olch Pertubuhan RISDA. Pelaksanaan projek itu tidak melibatkan pemindahan penduduk kampung. Lembaga Letrik Negara (sekarang Tenaga Nasional Berhad) telah mcbayar sebanyak 17 juta ringgit kepada Kerajaan Negeri Terengganu, dan sebanyak 14 juta ringgit kepada RISDA sbagai pampasan.

Kolamair Empangan Temenggor di Negeri Perak Darul Ridzuan adalah seluas 15,200 hektar. Pelaksanaan projek mcnggelami Kg. Temenggor yang terletak di dalam kawasan kolamair. Pihak Lembaga Letrik Negara telah membayar pampasan sebanyak 47 juta ringgit kepada Kerajaan Negeri Perak termasuk 37 jula ringgit untuk penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat ke Kampong Air Ganda.

Pelaksanaan Projek Pergau tidak akan memerlukan pemindahan penduduk-penduduk kampung, dan kolamair yang akan diwujudkan adalah kecil sahaja (iaitu seluas 430 hektar). Oleh yang demikian, pelaksanaan projek ini tidak akan menimbulkan masalah-masalah yang telah dihadapi di Projek-projek Kenyir dan Temenggor.

- (b) Projek Pergau akan memberi faedah kepada Negeri Kelantan Darul Naim dan rakyat tempatan seperti berikut:
- (i) peluang untuk berbagai jenis kerja pembinaan awam, pemasangan loji dan alat-alat penjanaan kuasa,
 - (ii) peluang untuk memperolehi kemahiran dalam kerja kontrak bagi mereka yang berkerja dengan kontraktor utama.
 - (iii) pada amnya pelaksanaan Projek Pergau akan memajukan Negeri Kelantan melalui perkembangan infrastruktur dan khidmat-khidmat lain.
- (c) syarat-syarat kontrak yang dipersetujui memerlukan keutamaan diberi kepada rakyat Kelantan dalam pengambilan pekerja-pekerja, dan kontraktor adalah digalakkan untuk memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor Negeri Kelantan, khasnya kontraktor-kontraktor bumiputera.
- (d) soalan mengenai pemilihan kerjaya BaUour Beatty Cementation telah pernah dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat dan penjelasan telah diberi. Ringkasnya, pemilihan kontraktor adalah berganiung kepada beberapa faktor, termasuk sejauh mana pelaksanaan projek boleh dipercepatkan, punca dan iaedah pembiayaan, cadangan teknikal dan harga, dan sebagainya. Sebab yang terpenting dalam pemilihan ini ialah pembiayaan yang

ditawarkan hanya memerlukan bayaran faedah yang sangat rendah (0.809%). Ingin ditegaskan di sini bahawa pemilihan kontraktor dan rundingan kontrak telah dijalankan dengan teliti setelah mengambilkira semua faktor-faktor yang icrsbut.

SKIM CEPAT KAYA— PELABURAN

55. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah nilai pelaburan orang ramai dalam skim cepat kaya yang dibekukan oleh Polis. Berapa ramaikah pengusaha skim cepat kaya yang ditahan dan yang didakwa di Mahkamah;
- (b) berhubung dengan pembekuan harta milik tiga pengusaha skim cepat kaya yang ditahan di Perak pada April 1991, apakah tindakan Kerajaan selanjutnya terhadap wang pelaburan orang ramai yang dibekukan itu;
- (c) sejauhmanakah penyiasatan Polis berhubung dengan semua operasi skim cepat kaya di negara ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil terhadap laporan mengenai penganjur skim cepat kaya yang menggunakan wang pelaburan untuk membeli harta di luar negeri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pertanyaan Yang Berhormat Nilam Puri ini telahpun saya jawab pada 20 Jun 1991 yang lalu. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menjawabnya lagi.

DASAR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI

56. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah segala dasar pembangunan sosio-ekonomi negara akan diwajibkan selaras dengan Wawasan 2020. Apakah pula usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk menjelaskan intipati peringkat Persekutuan dan Negeri serta segenap lapisan rakyat jelata supaya Wawasan tersebut kelak dapat dicapai sepenuhnya; dan
- (b) benarkah dakwaan-dakwaan sesetengah pihak bahawa Wawasan 2020 itu kelak akan mengorbankan struktur Kebudayaan Melayu dan juga akan menjejaskan proses pendaulatan Bahasa Malaysia sebagai sumber bahasa ilmu di Malaysia.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang diterangkan secara terperinci mengenai Wawasan 2020 oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 17 Jun 1991, segala dasar pembangunan sosio-ekonomi negara akan diselaras dengan Wawasan 2020.

Sehubungan dengan ini usaha-usaha telahpun dimulakan untuk menentukan supaya dasar-dasar pembangunan negara dapat dilaksanakan oleh perkhidmatan awam di peringkat Persekutuan dan Negeri. Usaha-usaha ini sedang dan akan terus dipertingkatkan lagi supaya negara dapat bersedia untuk menjadikan Wawasan 2020 satu kenyataan.

Usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan termasuklah:

- (i) program-program memodernkan pentadbiran negara;
 - (ii) mempertingkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan;
 - (iii) memperkemaskan sistem dan proses pentadbiran;
 - (iv) penyusunan semula struktur perkhidmatan dan susunan organisasi dengan tujuan meningkatkan keupayaan perkhidmatan-perkhidmatan awam melaksanakan peranan dan fungsi masing-masing;
 - (v) peningkatan dan penyesuaian program-program lalihan dengan peranan dan fungsi perkhidmatan awam dalam konteks pembangunan negara yang pesat; dan
 - (vi) program pembeniukan sikap dan budaya kerja yang positif.
- (b) dakwaan-dakwaan bahawa Wawasan 2020 itu kelak akan mengorbankan struktur kebudayaan Melayu dan juga akan menjejaskan proses pendaulatan Bahasa Malaysia sebagai sumber bahasa ilmu di Malaysia ini adalah tidak benar.

BANK ISLAM—PINJAMAN

57. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan betapa orang ramai bersungut bahawa amalan dan urusan Bank Islam sekalipun bebas dari riba tetapi beban pinjaman yang ditanggung oleh pelanggan-pelanggan adalah berat, malah kadang-kadang dirasakan lebih

menyulitkan dari bank biasa. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan supaya Bank Islam tidak dirasakan sebagai institusi kewangan yang menindas dan menyulitkan. Apakah langkah yang akan diambil bagi memulihkan imej bank itu supaya ia benar-benar menyenangkan pelanggannya.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Ahli Yang Berhormat seolah-olah menyatakan bahawa perjalanan Bank Islam sekarang tidak memberi faedah kepada orang ramai. Beliau membuat teguran bahawa ada sungutan dari orang ramai tentang beban pinjaman yang berat yang ditanggung oleh pelanggan.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat diterima oleh Kerajaan kerana maklumat yang diterimanya menunjukkan pada keseluruhannya orang ramai, khususnya mereka yang beragama Islam, menerima baik syarat-syarat pinjaman dari Bank Islam. Sementara itu, memang diakui di mana-mana juga masyarakat ada yang mungkin tidak puas hati menyentuh sesuatu perkara atas sebab-sebab tertentu. Janganlah dianggap pandangan dari segelintir ini sebagai mencerminkan pendapat ramai tentang pengurusan sesuatu sistem yang baru diperkenalkan dan yang telah mendapat sokongan ramai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, margin keuntungan yang dikenakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad adalah berkeadaan tetap dalam sesuatu tempoh pinjaman yang dipersetujui oleh pihak pelanggan dan pihak Bank Islam. Berbeza dengan institusi-institusi kewangan yang lain, Bank Islam tidak mengenakan kadar faedah yang berubah-ubah mengikut keadaan pasaran semasa. Oleh yang demikian, sekiranya kadar faedah di pasaran semasa rendah, kos pembayaran balik pinjaman yang ditanggung oleh pelanggan-pelanggan Bank Islam

Malaysia Berhad mungkin lebih tinggi secara relatif jika dibandingkan dengan kos yang ditanggung oleh pelanggan-pelanggan yang memperoleh pinjaman institusi-institusi kewangan yang lain. Sebaliknya, jika kadar faedah di pasaran semasa tinggi, kos pembayaran balik pinjaman Bank Islam Malaysia Berhad akan dirasai ringan oleh pihak pelanggan berbanding dengan kos yang ditanggung oleh pelanggan-pelanggan institusi-institusi kewangan yang lain. Seterusnya dalam keadaan kadar faedah di pasaran yang tinggi, para pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad tidak menghadapi risiko perubahan dari segi jumlah kos pinjaman sepertimana yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan institusi-institusi kewangan lain. Keadaan ini sebenarnya menyenangkan pelanggan-pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad.

Oleh itu anggapan bahawa Bank Islam Malaysia Berhad menindas atau menyulitkan pelanggan-pelanggannya adalah kurang tepat. Oleh yang demikian, saranan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan mengambil tindakan untuk memulihkan imej Bank Islam Malaysia Berhad tidak berbangkit.

PENSWASTAAN DALAM AGENSI PEMBANGUNAN WILAYAH

58. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah proses penswastaaan dilaksanakan dalam agensi-agensi Pembangunan Wilayah; dan
- (b) khususnya bagi kawasan DARA, berapakah dan apakah yang telah diusahakan melalui penswastaaan setakat ini apakah kesan dan manfaat dari proses tersebut sama ada terus atau sampingan masyarakat tempatan.

Tuan Mohd. Yassin bin Kamari:

- (a) Sejak dasar penswastan di-lancarkan dalam tahun 1983, sebanyak 6 projek di bawah agensi pembangunan wilayah telahpun diswastakan. Di samping itu Kerajaan melalui Pelan Induk Penswastan pula telah mengenalpasti sebanyak 10 projek lagi di bawah agensi pembangunan wilayah untuk diswastakan. Kesemuaprojek ini merupakan aktiviti pelaburan komersial Lembaga Kemajuan Wilayah di dalam syarikat anaknya.
- (b) Khususnya bagi DARA pula, satu aktiviti pelaburannya yang telah diswastakan ialah BATA DARA Sdn. Bhd. Di samping itu, Kerajaan juga telah bersetuju supaya diswastakan operasi ladang lembu Syarikat Pahangbif Sdn. Bhd. dan Darabif Sdn. Bhd. Selain dari itu, 2 buah Syarikat DARA telahpun dimasukkan dalam "rolling plan" pertama yang akan dilaksanakan dalam tempoh 1991-1992 iaitu Sawira Sdn. Bhd. dan Pasarnika Sdn. Bhd. Kesan daripada proses penswastan ini ialah agensi tidak perlu menanggung beban pembiayaan projek berkenaan, masyarakat tempatan/Bumi-putera diberi peluang melibatkan diri dalam projek. Di samping itu kepentingan kakitangan syarikat yang sedia ada diberi keutamaan.

**KES PEMBUNUHAN
YANG BELUM DIBICARAKAN**

59. Tuan Wong Siang Nang minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) jumlah kes pembunuhan yang belum dibicarakan di Mahkamah Tinggi Malaya dan Borneo khususnya di Mahkamah Tinggi

di SibU dan kadar jumlah tahun seseorang penuduh akan ditahan sebulan pembicaraan.

- (b) apakah sebab-sebabnya untuk penangguhan ini?
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan kes-kes terlampau banyak ini?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:

- (a) Kes-kes pembunuhan yang belum dibicarakan atau belum diselesaikan di Mahkamah Tinggi Malaya dan Borneo sehingga tahun 1990 adalah sebanyak 177 kes dan 9 kes antaranya adalah kes di Mahkamah Tinggi SibU. Kadar jumlah tahun seseorang tertuduh itu ditahan sebelum pembicaraan adalah di antara 5 bulan sehingga 6 tahun bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.
- (b) Di antara sebab-sebab utama mengapa kes-kes tersebut tertangguh atau lewat diselesaikan ialah:
- (i) Bagi kes-kes pembunuhan, satu penyiasatan permulaan terpaksa dijalankan terlebih dahulu. Sebelum siasatan tersebut boleh diadakan dokumen-dokumen seperti laporan kimia perlu disediakan. Laporan Kimia kadang-kadang mengambil masa lama " untuk disediakan.
- (ii) Siasatan permulaan mesti dijalankan terlebih dahulu di Mahkamah Majistret untuk memastikan sama ada kes tersebut perlu dikomitkan ke Mahkamah Tinggi. Siasatan permulaan (preliminary

enquiry) boleh mengambil masa antara 6 bulan sehingga 1 tahun ke atas. Ini bergantung kepada jumlah saksi-saksi yang dipanggil untuk memberikan keterangan.

- (c) Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kes-kes tertangguh ini telahpun saya nyatakan di Dewan yang mulia ini pada 28-6-1991 yang lalu sebagai menjawab pertanyaan-pertanyaan yang sama dan Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Rautin Ibrahim dan Yang Berhormat Tuan Wong Sing Nang dan saya tiada berhajat untuk mengulangnya lagi.

**USUL UNTUK
MENANGGUHKAN
MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT
18**

**ANCAMAN SISA-SISA INDUSTRI
DI TANJUNG BATU**

4.16 *ptg.*

Tuan Wong Wing On (Kampar)
Tuan Yang di-Pertua, usul saya adalah berbunyi seperti berikut:

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Dewan Rakyat dari kawasan Kampar menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincangkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu "Penemuan sisa-sisa industri yang membahayakan kesihatan manusia dalam kuantiti yang besar di atas Pantai Tanjung Batu, dekat Pantai Remis negeri Perak". Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (1) Sisa-sisa industri telah ditemui Tuan Mustapa bin Mohamed di atas Panlai Tanjung Batu dekat

Pantai Remis Negeri Perak dan tempat itu merupakan satu tempat yang diduduki padat oleh ramai penduduk.

- (2) Tempat tersebut juga merupakan kawasan perikanan yang membekalkan ikan, udang, ketam dan makanan laut yang lain secara besar-besaran kepada penduduk-penduduk di seluruh negeri Perak. Maka kewujudan sisa-sisa industri tersebut boleh mencemarkan perairan di sekitarnya dan seterusnya mengakibatkan keracunan makanan, dengan izin, food poisoning, secara besar-besaran sekiranya tindakan segera tidak diambil serta-merta untuk memindahkan sisa-sisa industri tersebut ke tempat yang selamat dan membersihkan pantai Tanjung Batu.
- (3) Yang Berhormat Datuk Au How Cheong, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Kerajaan Tempatan Negeri Perak yang melawai tempat itu di mana sisa-sisa industri ditemui beberapa hari yang lalu telah membuat pengakuan bahawa pihak berkuasa sebenarnya juga menemui bahan-bahan itu di tempat yang sama dua tahun yang lalu dan rupabentuk bahan-bahan itu juga sama seperti sisa-sisa industri yang ditemui sekarang dan bahawa bahan-bahan itu adalah bertoksik terutamanya mengandungi raksa, dengan izin, mercury.
- (4) Raksa adalah sejenis unsur kimia yang boleh mencacatkan sistem urat saraf manusia dan seterusnya mengakibatkan mangsa-mangsa dan anak cucu mereka kehilangan fungsi otak dan organ-organ badan yang lain. Rakyat terutamanya penduduk-penduduk di negeri Perak kini sangat kluatir dan gelisah

memandangkan di negeri mereka pernah berlaku suatu tragedi keracunan makanan tidak lama dahulu iaitu tragedi mee 'loh see fun' di Kampar yang telah mengambil nyawa beberapa orang kanak-kanak.

- (5) Yang akhir sekali ialah bahawa rakyat terutamanya penduduk-penduduk di negeri Perak Darul Ridzuan berharap pihak berkuasa akan mengambil tindakan sertamerta untuk membersihkan tempat tersebut, walau apapun keputusan ujian kimia yang masih dijalankan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Kampar pada pagi ini. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibaca tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat iaitu pertama; perkara tersebut itu tertentu, kedua; ia bagi kepentingan orang ramai; dan ketiga; ia berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan itu dan saya dapati bahawa ia perkara yang tertentu dan bagi kepentingan orang ramai, tetapi saya tidak bersetuju bahawa ia perlu disegerakan perbincangannya sehingga menangguhkan Mesyuarat hari ini. Kerana saya difahamkan oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa tindakan untuk mengatasi perkara ini sedang diambil oleh pihak Berkuasa Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato* Au How Cheong, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Kerajaan

Tempatan Negeri Perak yang juga bertanggungjawab di atas hal ehwal alam sekitar dan juga hal ehwal pengguna, sample sisa-sisa industri tersebut telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk dianalisa oleh Pejabat Kimia.

Oleh kerana itu, saya menolak usul itu.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 18(1), memandangkan apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kampar ini mengandungi satu bahan kimia yang sangat toksid iaitu mercury (raksa), Tuan Yang di-Pertua, suka saya bangkit di sini bahawa raksa pernah ditemui di satu tempat di Myamala, Jepun, di mana terdapat banyak kanak-kanak yang cacat akal dan mati sebelum lahir.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Dr Tan Seng Giaw: Ini bermakna raksa ini sangat toksid dan sangat penting dan terpaksa dibahaskan di sini untuk mengambil langkah yang lebih positif, yang lebih berkesan dan lebih cekap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya akan buat keputusan....

Dr Tan Seng Giaw: Inilah saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, boleh menarik balik keputusan tersebut (*Ketawa*) supaya kita dapat membahaskan di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk. Keputusan kita tetap bahawa permohonan itu tidak memenuhi syarai yang ketiga iaitu ia tidak berkehendak disegerakan. Usul Mesyuarat seterusnya.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

mereslui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Malaysia Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan prunmkan bagi mencapai matlamat dan tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersaiupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh. (11hb Julai, 1991)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bandar Kuching, sambung.

4.14 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon keizinan dari Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan takziah kepada isteri dan anak-anak Allahyarham Encik Mokhtar Dahari. Kami mcrasa sedih sebab dia dipanggil oleh Tuhan di dalam usia yang masih muda. Allahyarham Encik Mokhtar Dahari merupakan seorang ahli sukan dan seorang pemain bola sepak yang sudah mencapai pencapaian yang cemerlang dan dia juga lelah mcrnbcni sumbangan kepadaperkembangan sukan di dalam negara ini. Malangnya, dia meninggal dunia dan kehilangan Allahyarham Mokhtar Dahan ini merupakan satu kehilangan untuk semua rakyat Malaysia ini. Peminat-peminat beliau termasuklah Ahli-ahli Parlimen juga dan ramai juga penyokong-penyokong dari DAP. Takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung daripada apa yang saya sebutkan semalam, ingin saya mengambil peluang ini untuk menjawab satu cabaran ataupun satu soalan daripada rakan saya dari Bintulu iaitu tanpa menggunakan sumber perhutanan di Negeri Sarawak, maka tidaklah ada hasil untuk tujuan pembangunan di Negeri Sarawak. Tidak dapal dinafikan bahawa pengeksploitasian sumber-sumber perhutanan sudah membawa pendapatan kepada Perbendaharaan di Negeri Sarawak ini selama 28 tahun yang lepas dan dari segi mikro-ekonomi, tidak dapat dinafikan bahawa perindustrian perhutanan merupakan perindustrian pertama di Negeri Sarawak, tetapi dari segi kacamata orang kampung, walaupun Menteri-menteri boleh dengan bangga menyatakan bahawa pengeksponan kayu dalam tahun 1990 sudah mendapat hasil sebanyak \$8,900 juta, iaitu 13% daripada jumlah pengeksporan dari Malaysia tahun lalu. Walaupun demikian, dari segi kacamata orang kampung pandangan dan persepsi

mereka agak sedikit berlainan. Saya minta Dewan yang mulia ini untuk satu ketika sahaja imaginekan kita sekarang dalam kampung.

Pada beberapa generasi yang lepas, orang-orang kampung ini sudah tanam padi, tangkap ikan dan cari makan dengan tanah yang diwarisi dari generasi ke generasi yang lalu. Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, ketika Sarawak masih di bawah pemerintahan Raja Brooke, di bawah pemerintahan British pun demikian, kehidupan mereka belum berubah. Tetapi selepas merdeka sampai zaman tahun 1980an, ada beberapa perubahan besar dalam bentuk traktor dan chain-saw yang digunakan oleh pekerja-pekerja syarikat kayu yang masuk ke kawasan kampung ini untuk membina logging track serta membalak kayu. Pertama, hakisan tanah daripada kawasan pembalakan kayu ini sudah mencemarkan air minuman untuk orang kampung. Air lidak boleh diminum lagi. Dari mana mereka boleh dapat air kerana tidak ada paip sampai ke Limbang dan Balaga.

Kedua, akibat daripada pencemaran air itu, ikan mati dan ekor daripada pembalakan kayu itu binatang lari dan burung lari. Makanan protein yang paling penting kepada orang kampung kurang. Lagi pun tanah tanaman-tanaman kampung pun musnah akibat daripada hakisan tanah dan orang kampung tidak ada cukup makanan. Dalam kawasan Balaga, contohnya sahaja, 75% daripada kanak-kanak yang berumur pra-sekolah menderita kerana malnutrition dan setiap tahun di dalam Sarawak, 5 hingga 12 orang kanak-kanak mati kerana tidak cukup makanan ataupun tidak ada makanan yang berzat dan apabila sesuatu kawasan diwartakan sebagai kawasan pembalakan kayu, orang kampung tidak boleh masuk ke kawasan itu untuk mendapatkan kayu untuk membina rumah panjang. Mereka tidak dapat masuk ke kawasan ini untuk mencari rotan untuk dijual dan sebagainya dan akhirnya, seperti yang

berlaku di kawasan Kampung Long Leng, di Marudi, tempat yang orang kampung kuburkan ibu-bapa mereka telah dicerobohi oleh syarikat kayu masuk sahaja dengan traktor dan bulldozer untuk membina sebuah kcm kayu ke atas tanah perkuburan itu. Banyak tempat di seluruh Sarawak, contohnya, di kampung Anarais di Padawan, di Long Ulan di Balaga dan di seluruh negeri Sarawak pada amnya, apabila kontraktor masuk ke kawasan pembalakan kayu, mereka selalu membalak kayu yang terpelihara seperti enggabang yang boleh membawa pendapatan wang tunai kepada orang kampung.

Enggabang adalah pokok yang paling dihargai dalam kampung dan sudah dijadikan satu kegiatan ekonomi tradisi di negeri Sarawak untuk orang kampung mengutip biji dari enggabang ini sebab kaya dengan minyak dan boleh dijual. Apabila pokok-pokok ini dibalak maka hasil orang kampung pun dirampas daripada pendapatan mereka. Apakah jalan terbuka kepada orang kampung dalam keadaan ini?

Pertama mereka pergi berjumpa dengan Pengurus Kem Kayu, selalunya orang Cina. Apabila perundingan ini dijalankan, orang yang bekerja di kcm kayu ini memang tidak layan orang kampung dengan baik, mungkin cuma boleh menjamin pembayaran 50% untuk setiap pintu sahaja. Tetapi undang-undang yang ada serta pengaruh politik yang ada yang dipunyai oleh lycoon kayu ini sudah memastikan bahawa pandangan dari rakyat tidak didengar, maka orang kampung hantar wakil-wakil aiau ketua kampung mereka jumpa D.O. (District Officer), ataupun dengan Polis aiaupun dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tetapi oleh sebab perindustrian perhutanan di negeri Sarawak ini sudah dikawal oleh mereka yang memang kuat di dalam bidang politik, maka D.O., Polis atau Y.B. pun tidak boleh

mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini. Jadi, orang kampung tidak ada pilihan dan sekiranya mahu jumpa dengan pihak suratkhbar susah sebab jauh dari bandar. Tidak boleh buat seperti dalam peristiwa Tol Cheras ini, yang mana boleh dipanggil persidangan suratkhbar untuk mengeluarkan satu kenyataan bantahan secara sekeras-kerasnya, kerana mereka tidak ada kuasa media. Sekiranya mereka dapat pergi ke bandar-bandar dan jumpa dengan wartawan, susahlah untuk suratkhbar-suratkhbar di negeri Sarawak ini bagi menyiarkan pernyataan ataupun pandangan mereka sebab suratkhbar-suratkhbar negeri Sarawak ini dikawal oleh mereka yang sudah terlibat dalam bidang kayu. Maka mereka tidak ada pilihan.

Makanan tidak ada, air tercemar, survival sudah terugut, maka mereka tidak ada pilihan kecuali mengambil suatu tindakan secara membina benteng-benteng ataupun blockade. Ini bukanlah untuk lawan sesiapa, bukanlah untuk lawan syarikat kayu ataupun hendak menentang Kerajaan tetapi untuk membela hak-hak mereka sendiri, unjuk membela tanah mereka sendiri, untuk membela kawasan kubur mereka sendiri. Apabila ini berlaku, memanglah syarikat kayu rugi. Maka laporan dibuat kepada Polis. Polis masuk untuk menangkap dan menahan mereka yang membantah secara membina benteng-benteng.

Pada tahun 1990, lebih daripada 140 orang sudah ditahan, ditangkap, dihantar jauh daripada kampung ke Marudi ataupun Miri. Satu atau dua orang menuduh bahawa mereka sudah diseksa oleh pihak Polis seperti yang berlaku di Long Geng, satu kes yang saya sendiri kendalikan dan satu kes lagi ada di Umabawang. Apabila saya menulis surat kepada pihak Polis minta penjelasan sama ada mereka betul-betul telah diseksa, maka sampai sekarang pun tidak dapat satu penyelesaian daripada Polis. Walaupun lebih 140 orang ditangkap dan ditahan dan dibawa ke Miri atau Marudi,

tetapi sampai sekarang tidak ada satu orang pun didapati salah di dalam mahkamah. Maka keputusan saya ialah tindakan Polis ini bukanlah untuk mewujudkan keadilan wujud di negeri Sarawak tetapi supaya orang kampung janganlah membuat bantahan secara blockade sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka membuat blockade, seperti yang mereka sekarang sedang buat di negeri Sarawak di beberapa tempat, saya diberitahu bahawa FRU pun dibawa ke kawasan blockade ini. Di Belaga, seorang kanak-kanak Kayan berumur 17 tahun sahaja, mati dalam satu peristiwa. Kes ini sudah dirujuk kepada hakim. Saya khualir sekiranya keadaan ini terus berlaku, tidak tahu, susah mahu rangkakan apa yang akan berlaku pada masa hadapan sebab rakyat negeri Sarawak adalah rakyat yang cintakan dan sayangkan keamanan. Mereka selalu mahu cari jalan yang aman dan jalan undang-undang untuk menyelesaikan masalah mereka, tetapi jikalau jalan demokrasi tidak dapat menyelesaikan masalah ini, apa yang akan berlaku, saya pun tidak tahu.

Dalam kes ini, mungkin berapa kali saya selalu membawa ke Parlimen ini, sebab ini satu isu untuk pemeliharaan alam semulajadi. Kami dalam DAP memang sangat gembira sebab dalam Rancangan Malaysia Keenam, satu bab bebas sudah diberi kepada pengurusan alam semulajadi. Ini satu kemajuan yang sudah dicapai selepas 10 tahun. Undang-undang pun ada seperi Environmental Quality Control Act untuk mengawal kegiatan pembangunan sosio-ekonomi ataupun kegiatan perindustrian untuk memelihara keadaan semulajadi. Tetapi malangnya buat masa sekarang oleh sebab bukanlah sahaja dari segi undang-undang ataupun pentadbiran, bukanlah oleh sebab sahaja EOE ataupun Kementerian Alam Sekitar tidak ada cukup kakitangan untuk melaksanakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada—bukanlah itu sahaja dan saya

sudah tahu sebab Kementerian Alam Sekitar adalah serupa seekor ketam tanpa kaki besar tetapi ada lagi bidang kuasa Kementerian Alam Sekitar terhad.

Sepatutnya sesebuah syarikat kayu perlu membuat satu EIA (Environmental Impact Assessment). Setelah laporan ini dibuat dan diluluskan oleh Kementerian Alam Sekitar, barulah syarikat kayu boleh masuk satu 'coop' untuk membalak. Tetapi oleh kerana pihak berkenaan yang melesenkan bukanlah Kementerian Alam Sekitar tetapi Kerajaan Negeri, maka Kementerian Alam Sekitar tidak boleh memaksa Kerajaan Negeri Sarawak ini untuk meletakkan EIA sebagai satu syarat dalam lesen pembalakan kayu. Maka Akta Kawalan Alam Sekitar itu seolah-olah ia tidak wujud dan orang kampung ini terus menderita dari kesan yang buruk.

Dengan ini, ingin saya tekankan, Tuan Yang di-Pertua, apabila kami sebutkan perlindungan alam sekitar, bukanlah kami ingin melindungi spesies-spesies yang akan pupus seperti burung kenyalang (rhinoceros hornbill) ataupun mahu melindungi Orang Utan daripada pupus sahaja, tetapi tumpuan dalam penggerakan environment ini adalah untuk memelihara manusia seperti Orang Kayan dan Kenyah dan Orang Ulu di negeri Sarawak ini.

Maka ini membawa Dewan yang mulia ini kepada satu soalan pokok di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam ini iaitu konsep pembangunan, nampaknya pembalakan kayu adalah satu projek pembangunan, tetapi soalan yang perlu ditanya oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat ialah siapakah akan mendapat faedah utama dalam pelaksanaan projek pembangunan ini? Memang Kerajaan Negeri dapat sedikit sebanyak daripada cukai dan royalti tetapi beneficiaries utama dalam kes perhutanan ini bukanlah rakyat tetapi mereka yang mengoperasikan syarikat

kayu ini, yang mengeksportkan kayu ini ke Jepun, Taiwan, Korea dan sebagainya sahaja.

Dengan ini, kelemahan dalam pelaksanaan projek pembangunan dalam Malaysia ini sudah jelas bahawa konsep pembangunan sosio-ekonomi dalam Malaysia bergantung kepada "doctrine of trickle down effect". Haraplah dengan pembalakan kayu, syarikat kayu boleh mengeksportkan kayu ini ke Jepun, Kerajaan dapat hasil dan menjalankan tugas mereka melaksanakan projek-projek lain dan sedikit sebanyak, dengan izin, terus kepada orang kampung sebagai gaji dan sebagainya tetapi ini satu prinsip yang sudah dibuktikan tidak berkesan dalam dunia ketiga termasuklah Malaysia ataupun Sarawak.

Soatan kedua, adakah benar-benar projek pembangunan dalam pembalakan kayu ini sudah mendatangkan faedah maksima kepada negeri Sarawak? Biarkanlah kita sekarang menganalisiskan betul-betulkah pembalakan kayu membawa faedah maksima kepada negara kita.

Yang pertamanya, adalah masalah over logging. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sudah mengumumkan pada satu ketika bulan lepas iaitu 4 negeri didapati bahawa mereka lebih membalak kayu. Dalam kes Kelantan, mungkin 3% lebih daripada kuota yang sudah ditetapkan dan Sabah dan Sarawak juga didapati bahawa kontraktor-kontraktor selalu membalak secara haram luar dari "coop" yang sudah ditentukan oleh Jabatan Perhutanan.

Selepas dia membalak kawasan luar dari 'coop' ini, baru masuk 'coop' yang ditetapkan untuk membalak. Nilai yang hilang tidak tahu berapa. Tetapi sebenarnya pembalakan secara haram oleh kontraktor-kontraktor dan pemegang konsesi kayu memang berlaku.

Soalan kedua, adalah kehilangan hasil kepada Kerajaan sebab pengusaha-pengusaha kayu ini mengeksportir kayu dan dalam proses ini kemungkinan wujud bahawa mereka lari daripada membayar cukai yang wajar.

Dalam Asian Wall Street Journal pada Februari 1990 seorang wartawan Rafia Puller membuat laporan bahawa sebuah syarikat di negeri Sarawak ini iaitu Limbunan Hijau yang dimiliki oleh bekas Senator Tiong Hiew King ini daripada SUPP (Sarawak United People Party), bahawa dalam tempoh 9 tahun hasil kepada syarikat ini adalah \$750 juta. Tetapi cukai yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan cuma \$2 juta lebih sahaja. Maka, ini sudah jadi rahsia terbuka dalam negeri Sarawak macam mana boleh cukai mereka dikurangkan. Saya tidak tahu sama ada penyiasatan sudah dijalankan oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri atau lain agensi berkenaan untuk menentukan berapakah hasil kepada Kerajaan Persekutuan sudah hilang sebab ada pengusaha-pengusaha kayu sudah tidak betul. Saya bukan menuduh bahawa Limbungan Hijau berbuat demikian tetapi ini kes yang dilaporkan dan sememangnya penyiasatan perlu dibuat. Kalau Limbungan Hijau tidak salah memang nama dia boleh dijelaskan. Kalau dia salah memang tindakan undang-undang boleh dibuat.

Dalam satu laporan dalam Far Eastern Economic Review bertajuk "Cutting down to size, business carried out in Malaysian logging industry" adalah dilaporkan secara terperinci bagaimana kayu boleh diekspor kepada Jepun melalui Hong Kong dan seorang dari Sarawak yang namanya pun sudah disebut bagaimana dia jadi orang tengah untuk mempalsukan kertas-kertas rasmi untuk hantar declare sama ada value atau jenis kayu yang diekspor untuk cukai dia kurang dibayar. Minta izin kalau saya boleh membaca muka surat 48 surat ini. (Dengan izin) "The activities in Sabah of housing realty

through Setengah and Sahautama are coordinated from Hong Kong by Ngooi Eng Kuang, a Malaysian from Sarawak. Ngooi, a New Zealand trained accountant, he is described by analysts as a king-maker of billionaires in East Malaysia's timber industry. Ngooi is last known to have served as a managing director of three Hong Kong-based timber-related companies - Bai Lian Enterprise, Merine Trading dan Bah Wee." Dan selanjutnya "a Public Prosecutor in Taiwan says a Malaysian identified as Ngooi Eng Kuang was indicted in March for a fraud in a case that involves a group of Taiwanese who imported timber from Hong Kong. Nine individuals were charged in the case in which banks allegedly swindled US\$14.7 million."

Maka satu tuduhan telah dibuat bahawa pengeksportan kayu adalah secara, satu: kompeni Setengah iaitu M.T. Shell di Hong Kong supaya bayaran dan kertas deklarasi rasmi boleh dipalsukan.

Tuan Yang di-Pertua, cerila ini adalah disiarkan dalam isu 4th July 1991. Saya difahamkan isu ini telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Saya tidak faham tetapi mungkin di sini satu peluang untuk saya meminta Menteri Dalam Negeri mengapa mahu mengharamkan pengedaran Far Eastern Economic Review bertarikh 4hb Julai 1991. Sebab daripada cerita ini sedikit harmless, Tuan Yang di-Pertua. Empat cerita dalam isu ini adalah berkait dengan Malaysia dan semuanya tidak begitu mengancam keselamatan negara Malaysia, jadi mengapa mahu diharamkan dia. Haraplah dia boleh mengeluarkan arahan untuk isu yang diharamkan ini ditahk balik supaya rakyat Sabah, Sarawak dan Malaysia boleh membaca cerita yang paling menarik ini. Oleh sebab saya seorang Ahli Parlimen, walaupun dilindungi di bawah privilege boleh membaca di sini tetapi tidak mahu membawa keluar, nanti saya didapati in possession of illegal

document, maka saya serahkan dia kepada Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*) untuk rujukan, bacaan, simpanan dan tindakan sewajarnya. (*Dokumen diserahkan*).

Tuan Yang di-Perlua, satu soalan adakah betul-betul pembalakan kayu dari negeri Sarawak ini boleh mendapat membawa Taedah maksimum kepada rakyat Sarawak dan Malaysia ini. Pembeli utama untuk kayu Sarawak adalah Jepun, yang pertamanya daripada Syarikat Mitsubishi. Kayu Tropical Hardwood ini dibeli oleh syarikat Jepun dalam corak log, balak. Selepas dia dieksportkan kepada Jepun dia dibuat dan diproses menjadi kayu lapis. Kayu lapis adalah paling sesuai digunakan untuk bidang pembinaan rumah di Jepun sana, 65% daripada kayu lapis di Jepun ini dibuat daripada kayu yang dibeli dari negeri Sarawak. Kayu lapis ini digunakan sebagai homework iaitu papan untuk menaruh simen semasa dia cair supayadiajadi keras. Homework ini dalam negeri lain seperti Amerika Syarikat, England dan sebagainya dibuat daripada kayu yang kurang keras seperti pine wood tetapi cuma di Jepun sahaja dia boleh cukup mewah untuk menggunakan Tropical Hardwood daripada Sarawak membuat kayu lapis.

Tuan Yang di-Pertua, ini under using, dengan izin, Tropical Hardwood daripada Sarawak sebab Tropical Hardwood daripada Sarawak ini dikelaskan dari satu jenis hardwood yang susah didapati seperti Bilian, Meranti atau Keruing; paling keras. Kayu Bilian boleh tahan kalau bikin tiang rumah, boleh tahan sampai 100 tahun. Kalau simpan dalam air sebab dia keras dia boleh tenggelam. Belapa sayangnya, begini cantik kayu ini digunakan untuk membina rumah secara home work dan habis dua tiga kali dibuang. Kayu ini banyak lagi ataupun dinamakan sebagai Philippine mahogany boleh digunakan untuk membuat perabot, untuk dieksportkan dari Malaysia khasnya dari Sarawak.

Maka masanya sudah tiba untuk mempersoalkan kewarasan kenapa Sarawak perlu mengeksport kayu secara bentuk balak tanpa menguntungkan daripada value addedness. Jawapan ini senang. Sebab negara Jepun mahu melindurigi wood base industries mereka sendiri. Maka sudah tiba masanya untuk Mataysia melalui National Forest Council ataupun lain cara supaya memerlukan negeri Sarawak ini mengharamkan pengeksporan kayu balak secara berperingkat demi peringkat. Buat permulaannya ceiling pengeksporan balak ini perlu dipertingkatkan kuotanyadari 10% yang ada sekarang kepada 30% dalam satu tahun dan haraplah boleh sampai 50% dalam 5 tahun. Untuk apa tujuan.

Untuk apa tujuan? Untuk nombor satu conserve, dengan izin, sumber-sumber perhutanan di negeri Sarawak ini; dan

Keduanya, untuk menggalakkan perindustrian downstream, wood base industries, seperti pembuatan perabot, pembualan kayu lapis dan sebagainya supaya boleh memberi peluang bekerja untuk pemuda-pemuda di negeri Sarawak ini, yang boleh diletakkan di Bintulu, Sibul ataupun di Kuching.

Saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini kepada satu perkara dahsyat yang telah berlaku di negeri lain. Negeri Sarawak merupakan negeri tunggal sekarang yang mengeksportkan kayu balak sebab Thailand dengan Indonesia sudah mengharamkan pengeksporan balak. Philippines tidak mengharamkan sebab dalam Philippines 90% daripada kayu mereka, daripada hutan-rimbanya sudah musnah dalam tempoh 50 tahun dahulu. Dan kawasan hutan-rimba di Thailand sudah dikurangkan daripada tahap 58% dalam tahun 1961 ke 18% dalam tahun 1988, sebab ditorestation di Thailand berlaku banjir besar-besaran, beratus-ratus orang mati, maka Kerajaan negeri Thai terpaksa mengharamkan pengeksporan cara balak sahaja. Jadi saya

rasa memanglah perlu pihak Kerajaan membuat satu siasatan ataupun penyelidikan untuk mengkaji sama ada kekurangan air di Melaka ataupun banjir di Sungai Pahang ini disebabkan oleh pembalakan kayu yang berlebihan.

Saya ingin berbalik kepada soal struktur politik dan struktur ekonomi negeri Sarawak kenapa mereka miskin dan mundur? Sebabnya 80% eksport daripada Sarawak terdiri daripada minyak gas dan kayu. Ini tidak membawa pendapatan secara langsung kepada orang kampung khususnya orang luar bandar, tetapi 80% penduduk-penduduk negeri Sarawak tinggal dalam kawasan luar bandar dan 80% dari mereka ini terlibat dalam perikanan yang tidak ada langsung berkaitan dengan perindustrian perhutanan ataupun gas dan minyak. Maksudnya 80% penduduk-penduduk Sarawak ini cuma mengeluarkan hasil kurang daripada 20% eksport dari Sarawak, memanglah mereka miskin. Jikalau pihak Kerajaan mahu meningkatkan taraf kehidupan di kalangan rakyat Sarawak ini tidak boleh berbuai demikian cuma dengan kegiatan down stream untuk industri gas dan minyak sahaja. Ini tidak cukup.

Pada hemal saya kunci kepada menyelesaikan masalah kemiskinan masih dalam bidang pertanian, sebab 80% daripada rakyat luar bandar tinggal dalam kawasan luar bandar yang melibatkan mereka dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu pihak Kerajaan Persekutuan melaksanakan....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lular bangun, hendak berijalan ataupun tidak?

Tuan Sim Kwang Yang: Alright boleh.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Panjang betul cakap Yang Berhormat ini, berapa lama lagi hendak habis?

Soalan saya ini satu sahaja, Yang Berhormat ini pernah jadi petani atau tidak? Tahukah masalah petani di luar bandar ialah apabila orang bercucuk tanam itu kadang-kadang binatang seperti babi, kera dan tupai selalu mengacau pertanian mereka. Tadi Yang Berhormat mengatakan oleh kerana pembalakan ini semua binatang lari, bukankah ini satu nikmat kepada petani juga, 80% orang luarbandar itu, macam mana pendapat Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah membuat ucapan panjang, tetapi kali ini perlu mengambil masa mungkin 15 minit lagi jikalau saya mendapat keizinan. Saya meminta maaf daripada rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini dengan sebab ini saya tidak mahu menjawab soalan yang kurang serius ini. Biarkan dia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan perlu membawa manfaat kepada orang kampung, mereka yang miskin di bawah Rancangan Malaysia Yang Kenam dan saya mahu bawa satu kes klasik, satu kes contoh, kes tadi iaitu kes IADB yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dalam negeri Sarawak iaitu satu kawasan Asajaya, kawasan Ketua Menteri Sarawak sendiri.

Projek IADB ini memakan perbelanjaan besar sebanyak \$646 juta yang dimulakan pada bulan Ogos tahun 1988. Apabila projek ini dilaksanakan memanglah orang kampung sangka terima faedah daripada pelaksanaan projek ini. Memang ada ramai menerima manfaat, tetapi ada sebahagian besar daripada orang kampung ini, iaitu dari Kampung Tembiran, Kampung Tanjong Apong, Kampung Sri Tajoh dan Kampung Beliung dan kawasan sekitar, tanah mereka diwarisi dari lima generasi lama daripada nenek-moyang mereka.

Mereka menanam ataupun mengambil gula dari nipah, itu orang Melayu kesemuanya, dan mereka mendapat keuntungan boleh tahan. Tetapi apabila IADB dijalankan tanah-tanah mereka ini sudah hilang, tanah-tanah perusahaan gula nipah berkenaan adalah dipegang di bawah Undang-undang Hak Adat Bumipulera (Native Customary Rights) yang sesuai dengan Undang-undang Adat Masyarakat Melayu berkenaan. Tanah Hak Adat Bumiputera Asajaya ini bersesuaian dengan Undang-undang Adat....

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Sim Kwang Yang: Masa terhad, saya minta maaf. Masa terhad, bukan saya takut—tidak takut, masa terhad. Minta maaf ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan,

Tuan Sim Kwang Yang: Saya hendak habis, ringkaskan. Tanah Hak Adat Bumiputera ini sudah diakui oleh Seksyen 5 Undang Tanah Sarawak Clause 1, 2, 3 dan hak berkenaan juga telah dilindungi oleh Artikel 161A(5) Perlembagaan Malaysia dan Clause 7, dalam Artikel ini telah mengatakan bahawa kaum Melayu adalah kaum bumiputera Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan bagi gula nipah ini mempunyai sumber hasil yang menggalakkan. Seluas kira-kira satu ekar kawasan nipah yang dipelihara dan dijadikan tanah perusahaan gula nipah boleh mengeluarkan lebih kurang 5,000 gram gula dalam masa satu tahun....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: yang mana harga purata tempatan.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang:lebih kurang \$6,000. Seorang pengusahagula nipah yang mahir boleh dapat lebih kurang \$40 sehari dan pengusaha kurang mahir boleh mendapat \$20 sehari.

Perusahaan gula nipah bukan hanya boleh memberi pekerjaan kepada pembuat gula sahaja, bahkan ia boleh membuka peluang pekerjaan kepada pembekal kayu bagi kegunaan memasak ataupun memproses gula dan juga memberi peluang kepada pengedar-pengedarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada akibat kemusnahan dan kerosakan yang dilakukan oleh pihak IADB Samarahan yang berkenaan dianggarkan lebih kurang 500 ekar kawasan nipah, iaitu 300 ekar musnah sama sekali dan dua ekar telah terjejas pengeluarannya, sebab ia telah masuk ke dalam lengkungan benteng yang mana tidak didatangi oleh air laul lagi. Kawasan nipah yang tidak didatangi oleh air laut akan berkurangan pengeluaran tahun hingga kurang dari 50% dan nilai kerosakkan boleh dianggarkan seperti berikut:

- (i) 300 ekar yang musnah sama sekali \$ 1.8 juta.
- (ii) 200 ekar sebab Air tidak masuk lagi \$600,000.

Ini kerugian yang dialami oleh orang kampung akibat daripada pelaksanaan projek raksasa IADB di Samarahan. Jadi ini adalah kes klasik, Tuan Yang di-Pertua, sebab dalam Malaysia ini pelaksanaan projek pembangunan sosio-ekonomi adalah dari atasan, top down

concept. Projek ini dilaksanakan oleh orang atasan: EPUkah, Menteri kah atau pihak Kerajaan maka rakyat Sarawak atau rakyat jelata terpaksa menerima sekali gus sahaja, tidak ada apa-apa mekanisma untuk rakyat mengambil bahagian, untuk participate dalam proses decision-making dan apabila penyelesaian ataupun kesilapan berlaku, rakyat tidak ada channel untuk mengatasi masalah mereka.

Bukanlah dalam Semerang sahaja, IDB, Kalaga-Sariban pun menghadapi masalah besar. Maka saya cadangkan supaya falsafah pelaksanaan projek pembangunan seluruh negara ini perlu dikaji semula dan perlu dihidupkan semula dengan konsep baru yang mana pendaratan wajar mahu dicuba di mana rakyat jelata dari kampung-kampung memainkan peranan lagi besar. Dengan ini proses decentralisation adalah wajar. Maka centralised training mungkin kurang sesuai dalam dekad 90an.

Dalam konteks negeri Sarawak ini, sebagai golongan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat cadangan seperti berikut supaya Sarawak dapat lompat daripada paras paling mundur ini untuk setanding dengan negeri-negeri yang maju seperti negeri Selangor, Johor dan sebagainya. Cadangan ini ialah:

- (i) Pelaburan lagi besar hendaklah dibuat untuk melengkapkan sistem infrastruktur seperti jalanraya utama di negeri Sarawak, pelabuhan-pelabuhan terienm, lapangan terbang dan sebagainya, khasnya jambatan-jambatan yang diperlukan;
- (ii) pihak Kerajaan Persekutuan hendaklah mempertingkatkan lagi usaha untuk menggalakkan industries tempatan termasuklah SMI (small and medium size industry), termasuk agro-based industries yang menggunakan bahan-bahan yang dapat di negeri Sarawak sendiri,

termasuklah wood-based industries untuk perabot dan sebagainya dan adalah penting untuk industri ini bukan capital-intensive dan high energy-intensive tetapi untuk labour-intensive industries supaya memberi peluang pekerjaan;

- (iii) pihak Kerajaan Persekutuan hendaklah melaksanakan projek pertanian yang lebih scnsitif kehendak petani;
- (iv) royalti untuk minyak dan gas kepada Sarawak perlu ditingkatkan sehingga 10%. Jikalau perlu, pihak Persekutuan boleh menimbang supaya tidak ambil 5% yang diberi ke pusat sekarang dan memberikan 5% ini kepada Kerajaan Sarawak;
- (v) supaya latihan gunatenaga dipertingkatkan, satu universiti patut ditubuhkan di negeri Sarawak;
- (vi) satu syarikat penerbangan khas untuk Sarawak dan Sabah hendaklah disyarikatkan untuk perjalanan dalatn Sarawak sahaja;
- (vii) rancangan perumahan kos rendah hendaklah dipertingkatkan supaya mereka yang berpendapatan rendah pun boleh mampu membeli rumah mereka;
- (viii) Pentadbiran Awam di negeri Sarawak perlukan satu proses Borneonisation supaya rakyat Sarawak diberi keutamaan untuk mengisi jawatan kosong yang ada;
- (ix) pelancongan juga hendaklah digalakkan daripada Singapura ataupun Semenanjung Malaysia ke Sarawak yang mana Sarawak dijadikan destinasi pelancongan; dan

- (x) pelaburan awam lagi adalah perlu untuk memberi bekalan elektrik, air dan telekom sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangga bahawa dalam Sarawak ini peranan perhubungan perkauman adalah paling baik, lebih baik daripada apa yang ada di sini sekarang. Di sana, orang Dayak terdiri dari beberapa bangsa berasingan. Mereka merupakan 43%, Cina 30% lebih kurang dan Melayu 50%, dan tidak banyak masalah. Dalam pilihanraya umum di negeri Sarawak akan datang ini, ingin saya memberi pandangan supaya dalam kempen-kempen—saya menyeru parti di negeri Sarawak tidak menggunakan isu perkauman, khususnya mereka dari SUPP. SUPP ialah chauvinist party, selalu mahu ugut orang Cina dengan kata-kata, "Cina mesti masuk Kerajaan, kalau tidak nanti semua mati. Cina mesti ada dalam Kerajaan". Selalu SUPP suruh rakyat negeri Sarawak supaya jangan undi DAP sebab parti DAP ialah dari luar, dari asing - betul. Kalau demikian, kepada SUPP, UMNO pun sebuah parti dari luar, dari asing. (*Ketawa*)

Saya cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyiasat SUPP, tengok dia mahu tarik Sarawak keluar daripada Malaysia atau tidak. Sesudah jadi satu negara, kenapa mahu menggunakan taktik yang murah ini untuk dapat memancing undi sahaja. Walaupun SUPP selalu mahu mengapi-apikan perasaan perkauman dan tidak kira mereka terus berbuat demikian, sebab mereka sudah bankrap dengan tidak ada isu lagi, maka saya haraplah dalam pilihanraya umum yang akan datang ini, saya sendiri dengan rakan-rakan saya dalam DAP boleh membuat satu jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kami dalam DAP dengan rakan-rakan lain memang terus berjuang supaya harmonis perkauman boleh terus wujud dalam negeri Sarawak serta

tempat lain, supaya orang miskin tidak kira bangsa boleh bersatupadu agar membawa satu reformasi kepada struktur ekonomi dan struktur politik. Itulah maksud demokrasi supaya kuasa politik balik kepada rakyat jelata secara wakil-wakil mereka yang betul-betul mahu mewakili mereka. Untuk SUPP sahaja, saya tunggulah mereka memang dibuang dalam tong sampah sejarah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu.

4.57 ptg.

Datuk Amar James Wong Kim Min (Bintulu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bercakap mengenai usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berhubung dengan Rancangan Malaysia Keenam,

Tuan Yang di-Pertua, meskipun beberapa kelemahan kecil saya rasa pada keseluruhan Rancangan Malaysia Kelima telahpun berjaya. Kejayaan kita yang besar yang mana kredit patut diberi kepada Kerajaan pada masa ini ialah kemajuan yang pesat dan teratur dalam semua bentuk usaha yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang kaya dan bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencapai pertumbuhan ini dengan tiada mengira inflasi atau menyebabkan kesusahan kepada rakyat. Kita rakyat Malaysia sangatlah bertuah apabila dibanding dengan negara-negara lain di dunia ini yang mana inflasi dua kali ganda adalah biasa. Penulis cerita tentang kejayaan kita ini ialah tidak lain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah menerajui negara

ini kepada pencapaian ekonomi dan aman. Semeniara kita mengucapkan lahniah kita sendiri atas pertumbuhan kcwangan dan industri yang pesat serta lain-lain bidang, kita janganlah mengenenpikan keperluan dan juga menentukan iaitu faktor sosial dan lain-lain hendaklah diambilkira juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan, kita membelanjakan berbillion-billion ringgii dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk meningkatkan taraf pelajaran rakyat kita. Bagaimanapun, pelajaran tidak scmestinya terhad kepada pelajaran akademik sahaja, letapi juga moral bangsa serta integrasi nasional masyarakat kita mesti juga dipentingkan.

Adalah tidak dinafikan walaupun berbilion-bilion ringgit telah disediakan unluk pelajaran, masih lagi terdapat polarisasi kaum di beberapa universiti dan sekolah-sckoiah, masih lagi terdapat polarisation. Saya rasa Kerajaan patut melihat masatah ini seberapa segera dan mengambil tindakan untuk membelulkannya sebelum terlambal. Polarisasi jika tidak dikawal akan memusnahkan konsep masyarakat berbilang kaum dan bukan iniegrasi. Kita perlulah mengambil kawalan lebih erat lagi berkcnnaan ha! ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Bcrhormat Perdana Menteri sendiri ada menegaskan, inilah kita punya racial harmony, ada kemesraan antara semua kaum dan bangsa di Malaysia, memanglah sangat perlu. Jadi, sepatutnya dalam sekolah-sekolah kita atau universiti-universiti juga, diajarlah supaya mercka dapat bercampur-gaul dcngan semua bangsa, dengan semua kaum kerana merekalah yang akan menjadi ketua kita dikemudian hari, ertinya menjalankan negeri dan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara yang perlu supaya negara aman, damai dan makrnur. Ketiga perkara ini ialah, pertama, keselamatan dalam dan luar negeri. Kedua, racial harmony diantara semua kaum dan semua bangsa adalah perlu. Dan ketiga, pemerinlah yang tetap dalam negara kita, jangan setahun berubah, setahun berubah. The three principles ini amatlah perlu.

Jadi, ladi saya membincangkan berkenaan racial harmony ini, inilah sekarang saya harap Perdana Menteri sendiri dan Menteri Pendidikan mengambil berat, supaya semua sekolah-sekolah dan universiti-universiti diajar kepada semua penuntut-penuntut di sana, mereka meslilah menanamkan racial harmony dalam sekolah supaya apabila mereka sudah dewasa, keluar daripada sekolah bolehlah menjalankan apa yang mereka belajar di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara saya ingin menyentuh mengenai masalah dadah. Sejauh ini langkah-langkah telah diambil untuk memulihkan mereka yang lerlibat. Tetapi saya fikir kajian hendaklah dibuat untuk mengetahui sebab-sebab kerenah mengapa icrlalu ramai belia kita di sini yang menggunakan dadah. Ia boleh dilihat di mana ramai kanak-kanak yang dibesarkan oleh keluarga-keluarga yang bahagia, masalah dadah tidaklah timbul. Mereka yang terlibat dengan masalah dadah kebanyakannya mereka yang tidak dididik dengan sempurna oleh ibu bapa mereka. Saya fikir inilah scbabnya kerana sebahagian ibu bapa tidak begitu mempedulikan anak-anak mereka menyebabkan kekeciwaan dan pcrasaan tidak disukai. Oleh itu kanak-kanak mengambil dadah. Apakah tindakan yang mesti diambil dan diperkenalkan kepada masyarakat kita untuk menghentikan masalah ini. Inilah soalan yang patut diperhatikan. Ibu bapa hendaklah bertanggungjawab untuk mendidik anak-anak mereka dan saya rasa tindakan hendaklah diambil

terhadap mereka yang cuai. Mereka hendaklah didenda kerana jenayah kecuiaan atau the criminal negligence, supaya mereka insaf akan langgung-jawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Melayu ada perkataan 'kurang ajar'. Kurang ajar ini bukan sahaja berkenaan kepada sopan-santun tetapi kurang ajar kalau ini anak-anak kita tidak diajar, memang adat menjadi kurang ajar. Jadi, saya berasa ibu bapa mereka ini seharusnya menghadapi masalah dadah ini, kadang-kadang mereka ini orang kaya dan ada kebanyakannya orang yang middle class, tetapi apa sebab anak mereka ini tersesat begitu. Ini adalah kerana mereka tidak ambil peduli. Jadi, saya rasa mereka patut didenda, Tuan Yang di-Pertua. Dan kalau anak mereka dibawa ke tempat pemulihan dadah ini, sepatutnya mereka membayar belanja anak mereka di sana. Tidak patut masyarakat bertanggungjawab di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya haraplah Menteri Belia dan Sukan menyiasat dan mengkaji lagi dengan teliti apa sebab ramai juga belia-belia ini bila sudah dewasa sedikit, mereka menggunakan dadah. Belia-belia memang ada banyak tenaga, jadi bila tenaga ini banyak di mana mereka mahu tumpukan. Dahulu mungkin mereka patut tumpukan tenaga di tempat yang hati waras erlinya di tempat rekreasi yang waras dapat ditumpukan tenaga mereka, inilah yang patut digalakkan. Jadi, saya minta problem dadah ini patutlah kita ambil tindakan daripada mulanya apa sebabnya masalah dadah ini terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya mengambil peluang ini untuk menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini terutama sekali Ahli-ahli Kabinet atas harapan dan aspirasi rakyat di Sarawak. Apabila Malaysia ditubuhkan 28 tahun yang lalu, rakyat di Sarawak adatah terlalu ketinggalan di

belakang daripada rakan-rakan di Semenanjung Malaysia dalam banyak bidang seperti pelajaran, kesihatan, perubatan, jajan raya dan lain-lain. Hari ini kita di Sarawak masih lagi kebelakangan 10 hingga 15 tahun daripada Semenanjung Malaysia dalam peruntukan di berbagai perkhidmatan. Oleh yang demikian, saya rasa adalah amat perlu bagi Kerajaan Persekutuan supaya tidaklah menyamakan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan negeri Sarawak ditaraf yang sama. Tuan Yang di-Pertua, Sarawak hendaklah diberi lebih peruntukan untuk pembangunan daripada Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukacita saya merakamkan juga berbilang terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi lebih peruntukan kepada Sarawak. Tetapi seperti yang saya katakan tadi, kita haraplah Kerajaan Persekutuan akan lebih bermurah hati lagi kepada Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, saya sebagai Wakil daripada Biniulu adalah merasa amat terkejut dan tidak berpuas hati apabila mendapati tidak ada peruntukan diberi bagi membina sebuah hospital baru di Bintulu. Biniulu adalah sebuah wilayah yang membangun dengan pesat dan hospital sekarang terlalu kecil. Izinkan saya mengemukakan laporan daripada Pengerah Perkhidmatan Perubatan Sarawak yang menerangkan keperluan hospital baru itu. Laporan ini berbunyi dengan izin:- "Justification of benefits. This hospital is no longer adequate for further development. The existing hospital was built just before Malaysia Day and was initially a 25-bed hospital meant to be manned by a Medical Assistant, and therefore is lacking facilities for a proper hospital. The hospital was later expanded with the posting of medical officers to the hospital. However, the expansion made then was rather limited and did not explore the possibilities of

Bintulu of ever becoming a major industrial centre which now it is and the presence of large deposits of gas in the offshore area. No proper Master Plan was done and new wards were added in the later years to meet the immediate demand. The hospital has now reached a stage where further development in the same area is no longer possible due to limitation of land. It has to move to a new place.

Bintulu is ideally located for a second-level referral centre, that is, a hospital with basic specialist services for the whole of Bintulu Division as well as Belaga District and Kapit Division. It is accessible by road from Tatau District for people of Bintulu to come either by road or the Kemena River and people for Belaga by timber road and river. There is a proposal also for road to be built from Belaga to Bintulu which when completed will make the whole hinterland of Belaga easily accessible to Bintulu." Sedikit lagi, tuan Yang di-Periua.

"The health status of the population, particularly the bumiputeras in Bintulu, is low. Poverty rate amongst them is still very high. Transferring them for further treatment after having incurred a large sum of money to come to the hospital will overburden many of them. Because of the active timber logging industry, accidents are common and some of them are very serious and require immediate attention. Similarly also for other medical and surgical emergencies."

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati dari laporan itu bahawa Bintulu memang sangat memerlukan hospital baru dengan secepat mungkin kerana perkhidmatan yang diberi oleh hospital sekarang ini tidaklah mencukupi.

Bintulu, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu wilayah yang besar yang mempunyai gas dan minyak dan juga oleh sebab PETRONAS ada berbilion-bilion ringgit dalam simpanan (deposits) patutlah diberi keutamaan kepada

Bintulu yang mana datangnya kebanyakan pendapatan keuntungan ini supaya Bintulu bolehlah dapat sebuah hospital untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ketika mengemukakan usul mengenai Rancangan Malaysia Keenam, telahpun menekankan betapa pentingnya mewujudkan sebuah negara yang sihat masyarakatnya. Adalah diharap rayuan saya ini di sini mendapat perhatian dengan sympathy.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu perkara lain yang saya ingin mengemukakan. Saya harap Kerajaan Persekutuan akan mempertimbangkan bagi membesarkan dua buah lapangan terbang, iaitu di Kuching dan Miri. Saya membuat permohonan ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana Kuching adalah salah satu daripada tiga lapangan terbang yang paling sibuk di Malaysia. Tambahan lagi, ini adalah 800 batu jauhnya dari Kuala Lumpur dan juga dipisahkan oleh Lautan Cina. Pembesaran Lapangan Terbang Kuching supaya dapat menambahkan Boeing 747 akan membantu pembangunan pelancongan ke negeri Sarawak, Saya berharap Lapangan Terbang Miri juga akan mendapat diperbesarkan.

Saya ingin merakamkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas peruntukan sebanyak \$20 juta yang dibagikan kepada lapangan terbang baru di Bintulu untuk menemui kos pengambilan tanah dan perbelanjaan awal.

Saya berharap, Tuan Yang di-Periua, dalam Mid-term Review Rancangan Malaysia Keenam nanti Kerajaan akan mempertimbangkan permintaan saya tadi untuk memperbesarkan lapangan terbang di Kuching dan Miri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap berkenaan dengan kayu balak ini di Sarawak, saya ingin declare interest saya dengan terang sebab saya memang terlibat dalam industri kayu di Sarawak dan saya juga adalah Menteri Alam Sekitar di Sarawak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jikalau saya tidak beri sedikit-sebanyak keterangan terhadap tuduhan-tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kuching, mungkinlah kebanyakan rakan saya di Dewan yang mulia ini tidak akan mengeni mengenai apa yang menjadi masalah di Sarawak dan apa yang bukan menjadi masalah di Sarawak. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kuching tidak patutlah berbincang perkara berkenaan dengan rotan, berkenaan kesusahan di kampung dan masalah air dalam Dewan yang mulia ini. Kerana hal tanah dan hutan ini memang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Saya juga ingin beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua di sini pemerintah di Sarawak sebagai Ketua Menteri Sarawak pun kata bukan ertinya "indifferent" atau tidak peduli kepada kesusahan semua orang di Sarawak.

Sarawak ialah satu negeri yang besar, eritanya luas Sarawak memang sebagai mana besar seperti Semenanjung Malaysia dan kita pun di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, memanglah bersifat a caring society. We are a caring society."

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat—adakah Ahli Yang Berhormat ada di sini—apakah maksud Ahli Yang Berhormat berbincang perkara-perkara kayu-kayu balak? Adakah mereka mahu kita di Sarawak berhenti kerja kayu balak? Dia tidak ada di sini, dia tidak tanggungjawab atas perkara ini.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, di Council Negeri Sarawak, dalam beberapa

mesyuarat yang sudah ini, di sana pun ada juga pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sekali-kali seorang yang membincang satu usul minta perintah berhenti kerja kayu balak di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, inilah nasib kita manusia, tidak ada satu negara atau satu negeri yang rakyat negeri itu tidak exploit sumber alamnya sendiri. Manamana negeri macam ini juga. Tetapi kita manusia mestilah mengambil tindakan dan mengambil peringatan, ertinya bila kita ada menjejaskan tanah kita, air kita ertinya untuk mengambil sumber ini mestilah kita perolehi lagi, apa yang rosak-rosak itu yang kita membuat. Begitu juga kita di Sarawak ramai orang daripada luar negeri yang datang ke Sarawak tidak mengerti tentang Sarawak atau tidak mahu mengerti tentang Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, 4 1/2 tahun dahulu ada tiga orang French datang ke Kuching. Saya beri peluang kepada mereka berjumpa dengan saya. Dia tinggal selama dua minggu di Kuching. Jadi, saya berbincang dengan dia berkenaan hutan di Sarawak, polisi-polisi pemerintah di sana, mengikut polisi FEO dan lain-lain. Jadi, apabila mereka sudah diam di Holiday Inn, Kuching, sudah itu berangkat ke sana, dia bilang the forest in Sarawak will disappear in 10 years time. Jadi, saya kata ini salah. You are not realistic. tidak mengerti. Tetapi inilah orang luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tahu, tidak peduli kita di Sarawak. Dia tahu-tahu sahaja berhentilah tumbang kayu di Sarawak. Yang betulnya, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Ipoh bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Adakah benar Yang Berhormat berkata bahawa logging di negeri Sarawak tidak terlibat tugas-tugas Parlimen ataupun tidak ada berkaitan dengan kepentingan rakyat bahawa perkara itu patut di bawa dalam perhatian Parlimen?

Yang kedua, kalau saya tidak salah Yang Berhormat telah mengaku bahawa dia adalah seorang pembalak. Ini adalah direct pecuniary interest. Kalau begitu, saya minta dia declare bahawa berapa ribu ekar kayu balak berada di negeri Sarawak setakat ini?

Datuk Amar James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya telah terangkan tadi, Yang Berhormat dari Bandar Kuching patut bincang tentang masalah ini. Yang dia bincang ialah fasal air, kabus dan lain-lain yang dihadapi semua di Sarawak. Sebab Sarawak yang berkuasa hutan dan tanah di sana.

Kedua, mengenai declaration of interest, tadi sebelum saya bercakapnya sudah declare interest saya.

Tuan Lau Dak Kee: Berapa ekar?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, beri peluang kepada Yang Berhormat dari Bintulu hendak jawab dahulu.

Tuan Lau Dak Kee: Berapa ribu ekar kayu balak, beritahu di Dewan ini.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Oh! ada, kalau Yang Berhormat mahu tahu berapa ribu,ekar, boleh pergi Sarawak check.

Tuan Lau Dak Kee: You kata you ada, maka you patut declare di Dewan ini.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh terangkan.....

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, sebab ini direct pecuniary interest. Maka kalau dia berucap, dia tidak boleh berucap dengan direct pecuniary interest.

Tinabalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh, berilah peluang kepada Yang Berhormat dari Bintulu jawab dahulu.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta dia beritahu kepada Dewan yang mulia ini berapariibu ekar kayu balak ada di negeri Sarawak.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Saya sudah kata beribu-ribu ekar. Tak payah. Lesen saya ini yang berasal dari Sarawak dikeluarkan dalam tahun 1949-40 tahun dahulu, bukan yang sekarang ini. Sudah puas hati?

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat minta jalan lagi?

Tuan Lau Dak Kee: Kalau 1949 lesen sudah ada.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, terpulang kepada Yang Berhormat dari Bintulu hendak beri atau tidak.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Tidak. Duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Okay, thank you. Kalau tahun 1949 dapat lesen, sampai sekarang.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, hendak beri atau tidak. Jawab ya atau tidak, itu sahaja.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Baik-baiklah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia beri.

Tuan Lau Dak Kee: Yang Berhormat kata dia sudah mempunyai lesen untuk membalak kayu di negeri Sarawak sejak 1949. Saya terkejut-kalau membuka logging di negeri Sarawak dari 1949 sehingga hari ini sudah 30-40 tahun, masih boleh membalak lagi. Ini bermakna kawasan pembalakan mesti sangat-sangat besar. Kalau begitu, saya minta dia memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa berapa ribu ekar kayu balak masih dipegang oleh Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya hendak ingatkan Yang Berhormat dari Ipoh memang berhak hendak bertanya sesuatu, minta penjelasan tetapi hendak jawab atau tidak, itu terpulang kepada Yang Berhormat dari Bintulu.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, itulah macam saya cakap, saya takut Ahli Yang Berhormat di sini salah faham bila mendengar Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi tentang tuduhan-tuduhan mereka. Yang sebenarnya, tahun 1949 itu tidak lagi ada orang bekerja kayu balak di Sarawak. Sayalah yang pioneer kayu balak di Sarawak dahulu. Jadi, kayu balak di sana ada 300-400 ribu ekar. Jadi, hutan itu masih lagi sekarang ini di sana dan masih lagi dikerjakan. Inilah menunjukkan kepada orang yang menuduh-nuduh erinya hutan kayu balak Sarawak sudah hilang. Tidak betul. Kalau Yang Berhormat hendak pergi ke Limbang, mahu menyaksikan hutan di sana, bila-bila pun boleh.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Ipoh bangun lagi.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Mereka yang di Kuala Lumpur tidak tahu hal kayu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Bintulu hendak beri jalan?

Datuk Amar James Wong Kim Min: Biar saya cakap dahulu.....saya beri.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih. Yang Berhormat itu sangat-sangat gentleman, tidak macam lainlah yang di depan itu. Saya minta penjelasan, kalau saya tidak salah, Yang Berhormat telah berkata bahawa dia ada tiga hingga empat ribu ekar tanah hutan balak.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Bukan saya punya sendiri, company.

Tuan Lau Dak Kee: Okay, kompenikah atau persendiriankah tidak kiralah. Maka tiga hingga empat ribu ekar kayu balak, walaupun ratus juta ekarlah, sudah membalak sejak tahun 1949 sehingga hari ini belum habis lagi.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Belum!

Tuan Lau Dak Kee: Belum? Terima kasih, bermakna Yang Berhormat telah beruntung berjuta-juta ringgit, kalau saya tidak salahtah. Kalau begitu, saya minta sampai hari ini berapa banyakkah ekar lagi bakinya, berapa ribu ekar kayu balak masih belum dibuka atau menjalankan pembalakan dan jangkanya berapa lama akan habis membalak kayu balak Yang Berhormat mempunyai sekarang dan berapa keuntungannya akan diperolehi daripada pembalakan itu? Ini direct pecuntary interest, Tuan Yang di-Pertua. Maka dia patut declare di Dewan ini. Terima kasih.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh terangkan sedikit. Macam saya cakap

tadi, jangan tanya berapa milion untung, tanya dahulu berapa saya rugi juga. Taukeh kita ini kisahnya panjang, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau saya mahu educate kepada Ahli Yang Berhormat mengenai kayu balak, ertinya kesusahannya berkenaan kayu balak, mungkin masa yang panjang diambil dalam Dewan yang mulia ini. Rakan-rakan saya nanti tak ada peluang lagi hendak bercakap. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak belajar lagi soal kayu balak, silalah jumpa saya di luar Dewan ini. Jadi saya boleh educate kepada Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Sorry.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat dari Ipoh itu minta penerangan ini di luar. Kami di sini semua tak mahu dengar. Saya minta Yang Berhormat dari Bintulu terangkan kepadanya di luar, tak payah dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kota Setar, saya hendak ingatkan Yang Berhormat, kalau hendak minta penjelasan hanya boleh ditunjukkan kepada Yang Berhormat dari Bintulu bukan kepada Ahli dari Ipoh. Yang Berhormat dari Bintulu teruskan.

Dato' Amar James Wong Kim Min: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Itu sahajalah penjelasan saya.

Bagi menjawab kepada tuduhan-tuduhan tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kuching mengenai kayu balak ini, hasil-hasil kayu balak, ini memang ada banyak gunanya kepada Sarawak. Saya beri sedikit sejarahnya. Dalam tahun 1950an

(the Fifties and early Sixties), musim itu revenue Sarawak memang sedikit, Tuan Yang di-Pertua, selakal \$37 juta setahun sahaja dan pada masa itu juga Kerajaan Sarawak tak ada duit untuk membuat sekolah, sebab sekolah dikuasai oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada masa itu, in early Fifties. Jadi, dapatlah hasil negeri daripada kayu balak yang banyak masa itu, dan waktu itu belum ada hill timber, baru swamp timber. Jadi, dengan adanya revenue kayu balak ini maka dibuatlah sekolah-sekolah kecil di seluruh luar bandar Sarawak dan daripada sekolah-sekolah kecil itulah kebanyakan rakyat sekarang ini rakyat Sarawak dalam lingkungan umur 40-50 menjadi doktor, lawyer dan lain-lain. Jikalau tidak ada kayu balak hasil awal 1950an, mungkin masyarakat Sarawak sekarang ini berlainan. Hasil minyak dan gas, Tuan Yang di-Pertua, tidak wujud di Sarawak until the Seventies, jadi the Sixties and Seventies masih lagi bergantung harapan atas hasil kayu balak untuk menjalankan projek-projek di seluruh Sarawak.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ipoh bangun lagi.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Duduk, duduk! Jangan buang masa, banyak rakan-rakan mahu cakap lagi. Duduklah! Di luar saya boleh terangkan, apa mahu tanya di luar Dewan bila-bila saya boleh terangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak beri jalan. Teruskan.

Dato' Amar James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, yang habis bagus sekali Ahli Yang Berhormat itu bolehkah saya bertanya kepadanya. Adakah dia pernah pergi ke Sarawak atau tidak? Ada pernah pergi ke Sarawak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan sahaja. Kalau tak beri jalan, teruskan sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Datuk Amar James Wong Kim Min: Baiklah, duduk, duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Kalau dia tak beri jalan macam mana saya hendak jawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Ipoh, teriib ya. Bila orang tak beri jalan, duduk sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak beh penjelasan atas pertanyaan dia. Kalau tak beri jalan macam mana saya hendak jawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itupun saya sudah beri arahan supaya beliau teruskan. Yang Berhormat Bintulu, teruskan.

Datuk Amar James Wong Kim Min: Duduklah, jangan kacau-kacau. Nanti di luar sana boleh tanya saya. Apa mahu tanya di luar sana boleh tanya saya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, fasal kayu balak ini ceritanya sangatpanjang. Oleh itu, saya mahu beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, jikalau Ahli Yang Berhormat ingin mahu tahu lebih lanjut fasal kisah-kisah kayu balak ini, datanglah ke negeri Sarawak, kerana The State Government of Sarawak bersedia untuk memberi briefing atau taklimat kepada mereka yang akan datang ke sana khususnya kepada Ahli dari Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuching.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Ipoh, nanti sekejap. Kalau hendak minta

penjelasan, mintalah secara sopan. Katau dia tak beri, duduk sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Saya ingin penjelasan kepada Yang Bcrhormat dari Bintulu, adakah dia beri saya peluang untuk menjawab. Jikalau dia tidak beri, saya duduk. Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Bintulu, hendak beri atau tidak?

Datuk Amar James Wong Kim Min: Baiklah, saya tanya dia mahu pergi ke Sarawak atau tidak?

Tuan Lau Dak Kee: Begitu. Saya minta Tuan Yang di-Periua, jangan berat sebelahlah ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebelum Yang Berhormat minta penjelasan, saya hendak minta Yang Berhormat larik balik perkataan "berat sebelah". Tarik balik dahulu.

Tuan Lau Dak Kee: Sama ada, saya minta.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tarik balik tanpa sebarang ulasan.

Tuan Lau Dak Kee: Saya mahu tahu, sama ada Yang Berhormat berat sebelah atau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tarik balik sebelum berucap ataupun hendak minta penjelasan tanpa sebarang ulasan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tarik balik, sebelum saya sebutkan atau terpaksa sebutkan nama Yang Berhormatnya. Tarik balik tanpa ulasan.

Tuan Lau Dak Kee: Saya tidak sebutkan Tuan Speaker sama ada berat sebelah atau tidak. Saya tidak sebut Tuan Speaker berat sebelah. Adakah saya sebut, check tape, check dalam tape.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tarik balik dan teruskan dengan penjelasan yang hendak diminia.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta Yang Berhormat yang berucap di sana sama ada dia berat sebelah atau tidak. Kalau dia mahu saya tarik balik, dia boleh minta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tak usahlah berhujah-hujah di sini. Ikut apa yang saya sebutkan tadi, tarik balik perkataan "berat sebelah". Patulii perintah.

Tuan Lau Dak Kee: Saya patuhi Perintah-perintah Tetap, saya minta penjelasan di mana Yang Berhormat dari Bintulu semasa berucap, diberi peluang kepada saya untuk memberi penjelasan. Betul alau tidak? Benar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada sebut Kerusi berat sebelah atau tidak. Ya atau tidak?

Tuan Lau Dak Kee: Secara umum, apa salahnya. Secara umum apa salahnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau ada, tarik balik.

Tuan Lau Dak Kee: Secara umum, saya kata di sini secara umum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tarik balik atau tidak. Itu sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak. Secara umum saya kata, kalau hendak tarik balik, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau macam itu, saya terpaksa sebutkan nama Yang Berhormat iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat, walaupun saya tidak berniat berbuat demikian. *(Tepuk)*

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Sebut nama saya berkaitan dengan perkara itu, apakah maksudnya itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat memang hendak minta penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Ya, saya minta penjelasan, penjelasan telah diberi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau hendak minta penjelasan, mintalah terus terang tanpa hendak heretkan Kerusi, dengan tuduhan yang tidak sopan.

Tuan Lau Dak Kee: Saya tidak berhasrat untuk mengheret Pengerusi, tidak. Tetapi saya hanya hendak tahu sama ada penjelasan itu telah diberi atau tidak. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menggunakan kuasa yang diberi kepada saya mengikut Peraturan Mesyuarat 44(1) untuk memberhentikan sebarang percakapan Yang Berhormat dari Ipoh. Ini sebagai satu leguran.

Tuan Lau Dak Kee: Teguran!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya berharap Yang Berhormat akan mengambil iktibar daripada ini. Itu sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Itu perintah Yang Berhormat Tuan Speakerkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bintulu, leruskan dan sila gulung apa yang hendak dibahaskan itu.

Datuk James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak memberi satu penjelasan. Tadi ada Ahli Yang Berhormat dari Kuching menuduh sebagai 'down-stream' timber industry di Sarawak tidak dibuatkan. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, memang banyak industri-industri 'plywood' yang sudah dibuat dan banyak lagi industri-industri yang membuatnya seperti di Kuching, di Sibu, di Bintulu dan di Kuala Baram - sangat besar dibuat. Jadi, saya percaya pada penghujung tahun ini ada beberapa lagi kilang baru yang akan dijalankan.

Ini menunjukkan bahawa pemerintah Sarawak memanglah dan akan menggalakkan pertumbuhan industri-industri yang berkenaan dengan kayu-kayan. Jadi, masalah mengenai mereka yang di luar bandar semuanya sengsara, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu juga bahawa ada lebih kurang 100,000-150,000 orang di Sarawak ini yang memang mencari penghidupan di dalam bidang kayu balak dengan menjadi tractor-driver dan lain-lain. Ada juga kebajikannya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini orang-orang luar bandar sudah pandai dan sudah menjadi engineer dan juga belajar menjadi engineer dan lain-lain, dan mereka selalu belajar menggunakan traktor, inilah faedahnya. Jadi, ini menaikkan taraf kemahiran untuk rakyat luar bandar di Sarawak juga.

Ada juga yang betul, seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching iaitu berkenaan dengan report. Hu bciul. Sekarang ini di Sarawak ada over-cutting kayu balak. Tahun lalu ada 18 billion cubic metres, sepatutnya pemerintah Sarawak mengurangkannya sampai 9 bilion dan 9 bilion itulah yang boleh dapat diteruskan sebagai sustainable production forever di Sarawak. Satulagi.....

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Bandar Kuching bangun,

Datuk James Wong Kim Min: No, no. Let me finish first. Afler that, okay. Don't interrupt. Jadi, ada satu lagi, iaitu berkenaan dengan masalah perhutanan di Sarawak. Kiia di sana kurang forest officer, Tuan Yang di-Pertua, di sebabkan kurang forest officer itulah kadang-kadang ada orang yang over-cutting dan ada juga orang yang cun kayu. Ini tidak hairanlah kerana di dalam semua perniagaan bukan sahaja kayu balak, di sini pun ada orang yang mencuri-curi dan seludup-seludup. Ini memang biasa, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, mengenai air yang kabut, Tuan Yang di-Pertua, itu memang betul. Itu fasal saya cakap kelmarin kerana tidaklah dapat kita makan telur kalau tidak dipecahkan kulit dan di dalam kayu balak pun, begitu juga. Itu sebab sungai-sungai, airnya menjadi kabut sedikit, tetapi bukan untuk selama-lamanya, sementara buat kerja itu sahaja. Apabila sudah berhenti kerja selama dua atau tiga tahun, air akan jernih balik.

Berkenaan dengan binatang-binatang ini, yang sebcnarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ada memberi satu laporan berkenaan dengan 'the forest operation in Sarawak', khasnya forest operation in Limbang, yang saya sendiri tahu dan ada experience. Jadi, nanti saya akan beri kepada semua Ahli Yang Berhormat satu orang satu laporan itu supaya tidak payah lagi saya bercakap panjang lebar di sini, kerana membuang masa semuanya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak ada peluang untuk bercakap.

Jadi, berkenaan NCR land, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi keterangan sedikit. NCR land itu ialah tanah pusaka kepada orang native di Sarawak, iaitu bumiputera. Yang sebetulnya, apabila perintah diberi supaya dikeluarkan satu lesen, lesen itu tidak terkandung ataupun memberi hak

kepada licensee untuk tanah bumiputera di Sarawak. Ia tidak langsung memberi hak tanah bumiputera di sana. Itu mereka tahu bahawa tanah itu mereka punya sendiri. Ada Orang Iban bertanam tebu di atas tanah customary rights, mereka tahu itu mereka punya sendiri. Jadi, itu saya terangkan tadi bahawa licensee tidak ada kuasa.

Berkenaan dengan hal yang dibincangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching iaitu berkenaan dengan kayu balak yang sudah menjadi internasional issue. Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi penerangan kepada semua Ahli Yang Berhormat di sini. Kita di dalam Malaysia ini tidaklah peduli, kerana di luar sana 'opinion'nya terlalu banyak, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau esok kita lapar di sini dan kita ada kesusahan di sini, janganlah kita harap orang dari negara lain akan tolong sama kita. Jauh sekali, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita mesti harapkan kepada diri kita sendiri sahaja dan kita tidak kacau negara orang lain, jadi, kita minta dia jangan kacau negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja apa yang saya boleh cakapkan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Rancangan Malaysia Keenam dan saya percaya kita semua yang ada di dalam Dewan ini, termasuk pembangkang juga, menyokong penuh Rancangan Malaysia Keenam ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bandau.

5.47ptg.

Tuan George Sangkin (Bandau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut

membahaskan terhadap Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Rancangan Malaysia Keenam di Dewan yang mulia ini.

Memanglah secara amnya, sesebuah negara itu mesti mempunyai dasar yang khusus bagi melaksanakan program-program pembangunannya yang bertujuan meningkatkan taraf status-kuanya dengan izin, ke arah yang lebih tinggi. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyambut baik Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang digubal berasaskan dasar baru negara ini yakni Dasar Pembangunan Nasional, di mana melalui Rancangan Malaysia Keenam, dasar ini akan terus melaksanakan matlamat-matlamat dan objektif-objektifnya bagi 5 tahun yang akan datang ini.

Sehubungan dengan ini, Wawasan 2020 yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amatlah sesuai, memandangkan kita tidak mahu negara kita ini, di mana taraf status-kuanya, dengan izin, sentiasa, stagnant, dengan izin. Sebagai rakyat Malaysia, saya bersetuju bahawa negara ini mestilah menjadi negara yang maju dalam beberapa segi termasuklah perpaduan nasional, ekonomi, sosial, politik, kerohanian dan kebudayaan seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Di dalam konteks ini, bagaimanapun, kita harus mempelajari daripada segala pengalaman-pengalaman sejarah yang pernah diharungi oleh negara-negara maju. Apakah pengalaman-pengalaman yang dialami oleh negara-negara itu sebelum menjadi sebuah negara yang maju. Amatlah penting bagi pemimpin-pemimpin negara ini untuk mengetahui dan meneliti dengan lebih terperinci terhadap persyaratan-persyaratan dan fakta-fakta yang menjadi asas kepada proses modenisasi sesebuah negara itu.

Sejajar dengan ini, saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, amatlah perlu untuk mengambil perhatian terlebih awal atau terlebih dahulu satu kenyalan yang pernah diutarakan oleh seorang profesor di Amerika Syarikat, walaupun saya tidak mengagung-agungkannya tetapi saya berpendapat bahawa nasihat ini amatlah penting bagi kita dalam proses memodernisasikan negara kita ini. Saya quote dalam bahasa Inggeris, dengan izin: "The fundamental problem with modernisation in developing nations is that it is spread with the aid of small number of special interests who are more interested in creating stable environments for themselves than for others".

Walaupun, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidaklah berleluasa di negara kita, namun perlu juga diberikan perhatian supaya dalam usaha Kerajaan mencapai matlamat dan tujuan Rancangan Malaysia Keenam ini tidak akan terjejas. Ingin juga saya menyentuh serba sedikit antara lainnya pengalaman-pengalaman yang pernah dialami oleh negara-negara lain dalam proses modenisasi ini dan mungkin, walaupun ianya tidak kita contohi namun boleh membantu dari segi pelaksanaan-pelaksanaan segala rancangan yang ada dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara lainnya ialah pembentukan identiti nasional, pemimpin yang legitimate, dengan izin, mass participation, dengan izin, pengagihan yang adil terhadap kekayaan dan khidmat negara dan integrasi yang seimbang di seluruh wilayah di dalam negara itu. Saya percaya perkara-perkara ini telah disentuh dengan seluas-luasnya dalam buku Rancangan Malaysia Keenam ini. Namun berdasarkan kepada pengalaman itu, kita haruslah ataupun mengetahui dan melihat dan mempelajari walaupun perkara-perkara yang saya sebutkan tadi itu bukanlah merupakan variable, dengan izin, yang cukup untuk

mengukur kepada asas modenisasi sesebuah negara itu. Namun bagi saya cukup untuk beralih bagi menghuraikan lebih dalam lagi mengenai keperluan-keperluan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti laporan Majlis Perundingan Negara (MPEN), pencapaian di sepanjang tempoh RRJPI dan Dasar Ekonomi Baru terhadap matlamat dasar itu telah memperlihatkan kemajuan dari segi pertumbuhan ekonomi negara. Namun persoalan utama dari segi sosial-politik dan pembangunan yang menyatakan "siapa mendapat apa, bila dan bagaimana" masih lagi kabur.

Jelas dalam laporan MPEN memaparkan kegagalan RRJP 1 dan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai sepenuhnya matlamat utama iaitu membasmi kemiskinan dan yang keduanya ialah menyusun semula masyarakat. Di dalam jangkaan Rancangan Malaysia Keenam ini, pada keseluruhannya prospek negara, menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Usulnya, adalah cerah memandangkan kejayaan negara ini dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan kadar 7.5% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan yang terperinci telahpun disediakan, Namun rancangan-rancangan yang tidak disusuli dengan tindakan-tindakan pelaksanaan yang tersusun dan bebas daripada tekanan bagi memenuhi kepentingan sesuatu kumpulan, maka pelaksanaannya akan menjadi sesuatu yang tidak bererti. Juga agensi-agensi Kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam ini semestinya mempunyai autonomi dari segi pentadbiran dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengambil perhatian yang berat terhadap masalah-masalah yang belum diatasi oleh DEB

yang lalu di dalam usaha-usahanya melalui Dasar Pembangunan Nasional dan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Pertama, kemiskinan yang masih lagi merupakan masalah yang serius terutamanya di negeri-negeri di mana kadar kemiskinannya masih lagi tinggi seperti di Sabah, Sarawak dan saya percaya di Kelantan. Saya menggesa supaya dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, Kerajaan Pusat memberikan belanjawan khas dan mencukupi dan dalam masa yang sama memperluaskan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang berkesan ke Sabah, Sarawak dan ke negeri-negeri lain yang memerlukan seperti yang dicadangkan oleh MPEN, mukasurat 131.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan pendidikan haruslah dipertingkatkan. Sekolah-sekolah di Sabah haruslah ditambah menurut keperluan bilangan populasi yang semakin bertambah. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa Sabah dan Sarawak masih lagi belum menikmati hasil kemerdekaan yang sebenarnya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, peluang-peluang untuk anak-anak Malaysia di Sabah dan Sarawak dan khususnya saya menumpukan perhatian saya di Sabah dari segi mendapatkan pendidikan yang berkualiti serta kemasukan ke maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti mestilah sentiasa terbuka dan terjamin.

Sejajar dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi keperluan sebuah universiti di Sabah seperti yang diutarakan oleh beberapa pemimpin Kerajaan Sabah dan saya mohon agar Kerajaan Pusat mengambil perhatian yang beral terhadap perkara ini di dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan kesihatan haruslah juga dipertingkatkan. Bangunan-bangunan dispensari

Kerajaan di Sabah yang terdapat di beberapa tempat di luar bandar sudah usang. Kebanyakannya sudah hampir roboh dan haruslah diganti dengan bangunan-bangunan yang baru serta dibekalkan dengan kereta ambulans sekurang-kurangnya satu tiap-tiap dispensari kerana pada keadaan yang sekarang ini, saya dapati di dalam kawasan saya sendiri, ada satu dispensari di Tandek. Dispensari sahaja tetapi ianya tidak mempunyai kereta ambulans yang diperlukan pada tiap-tiap masa. Fasilitas-fasilitas perubatan pakar khususnya di Hospital Ratu Queen Elizabeth di Kota Kinabalu haruslah dipertingkatkan seperti rawatan barah dan penyakit-penyakit serius yang lain.

Di dalam usaha Kerajaan ini, memanglah ianya menumpukan usahanya untuk mencapai matlamat seperti yang telah disarankan dalam Rancangan Malaysia Keenam iaitu dengan izin, health for all by the year 2000, dan terus menumpukan usahanya untuk mengukuhkan khidmat-khidmat, sistcni-sistem perkhidmatan kesihatan yang berkesan untuk melahirkan populasi yang sihat. Sejajar dengan ini, saya ingin menggesa Kerajaan Pusat supaya menyediakan khidmat-khidmat perubatan dan kesihatan yang lebih meluas di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kekayaan negara haruslah juga dibahagi-bahagikan dengan adil dan saksama termasuklah pembahagian peruntukan pembangunan yang adil dan mencukupi kepada semua negeri-negeri dengan tidak mengira sama ada negeri itu dikuasai oleh Barisan Nasional atau sebaliknya seperti yang telah dikatakan atau disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Usulnya.

Bagi negeri Sabah, peruntukan yang mencukupi haruslah disediakan oleh Kerajaan Pusat bagi keperluan pembinaan ataupun pembaikan serta

penurapan jalan-jalan raya utama yang jatuh di bawah bidang kuasa Persekutuan. Saya memohon khusus pada jalan raya utama daripada pekan Kota Marudu ke pekan Tandek dapat disenaraikan dalam keutamaan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini untuk diaspal memandangkan jalan itu selalu digunakan dan dalam keadaan yang tidak selesa pada ketika ini.

Tambahan kepada itu, Perkhidmatan Bomba juga masih lagi ketinggalan terutamanya di negeri Sabah. Bagaimanapun, saya mengucapkan syabas alau terima kasih kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Ahli Yang Berhormat dari Papar serta juga Kerajaan Pusat kerana telah bersedia meluluskan \$15 juta untuk membina Balai-balai Bomba di negeri Sabah di mana di satu daerah dalam kawasan saya sendiri iaitu Kota Marudu telah diberikan keutamaan dengan kos lebih kurang \$2.4 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, liputan komunikasi media massa Kerajaan terutamanya Televisyen Malaysia mestilah menyeluruh dan bukan mengcinepikan sesucuaah negeri. Saya ingin menggesa di sini supaya liputan Televisyen Malaysia untuk berita-berita pembangunan, pelancongan serta lawalan-lawatan dan kegiatan-kegiatan rasmi Kerajaan Sabah dipertingkatkan bagi membolehkan rakyat Malaysia seluruhnya mengetahui apakah yang berlaku di sekeliling mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tumpuan utama Dasar Pembangunan Negara anjara lainnya ialah menekankan dari segi pemupukan integrasi dan perpaduan nasional, maka kegiatan-kegiatan yang menekankan perpaduan negara haruslah dipertingkatkan terutamanya dari segi mengeratkan hubungan di antara rakyat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Haruslah dikurangkan walaupun tidak dapat dihapuskan langsung segala kenyataan-kenyataan melalui suratkhobar-suratkhobar oleh sebilangan kecil pemimpin Pusat yang boleh menyebabkan perasaan kurang senang seperi perkaiaan, dengan izin, loothless generation dan Sabahans are ignorant.

Kerancirian Petnbangunan Luar Bandar haruslah juga meningkatkan perkhidmatannya ke kawasan-kawasan luar bandar yang betul-betul masih ketinggalan dari segi pembangunan dan kemudahan-kemudahan asas terutamanya bekalan elektrik luar bandar.

Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, masih ramai lagi rakyat Malaysia yang belum menikmati kemudahan ini. Bagaimanalah kita dapat mengatakan bahawa negara kita ini akan menjadi maju sedangkan rakyat kita dan khususnya di negeri Sabah masih lagi ramai yang belum menikmati bekalan elektrik seperti yang dinikmati oleh rakan-rakan rakyat Malaysia yang lainnya.

Oleh itu saya menggesa kepada Kemenlerian ini agar memberikan perhaitan yang bcrat mengenai keperluan-keperluan pcbangunan luar bandardi negeri Sabah.

Selain daripada itu kemudahan kredit untuk penduduk-penduduk di luar bandar harus diperluaskan seperti MARA dan Bank Pertanian Malaysia serta agensi-agensi kredit Kerajaan Pusat yang lain haruslah mcmainkan peranan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perpaduan nasional dan integrasi nasional boleh timbul sekiranya pihak pemimpin Pusat hanya mendcngar dan mcmpercayai feedbacks mengenai keadaan-keadaan politik di Sabah daripada satu kumpulan sahaja. Jusieru itu amatlah perlu bagi pemimpin Pusat mcndengar serta menerima dengan cara

meneliti terlebih dahulu segala penjelasan daripada pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu gembira manakala mengetahui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah jatuh cinta dengan negeri Sabah. Saya sebagai rakyat Sabah gembira dan menyambut baik luahan ataupun perasaan Yang Amat Berhormat itu. Dan saya berharap cinta yang diluahkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu adalah tulen dan membawa erti yang sebenarnya dengan ikhlas dan bukanlah bererti hanya untuk sekumpulan masyarakat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk berucap lebih panjang clan sekali lagi saya bagi pihak rakyat yang saya wakili di P.135 Bandau mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana telah menyediakan program Rancangan Malaysia Keenam yang begitu komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dan saya sudahi dengan ucapan terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

6.04 *ptg.*

Tuan Ruhanie bin Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mewakili rakyat jelata kawasan Parit Sulong untuk mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dato' Seri Perdana Menteri di atas pelancaran Rancangan Malaysia Keenam di Dewan yang mulia ini tiga hari yang lalu.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan perbahasan ini, saya memohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita bangun dan "observe

silence" seketika untuk merakamkan penghargaan kita kepada kehilangan pemain bola utama negara iaitu AHahyarham Mokhtar Dahari. Jadi saya minia izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita bangun beramai-ramai....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, biasanya permintaan semacam ini kena dibuat mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, kalau begitu keadaannya, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Barisan Nasional ingin merakamkan takziah yang setinggi-tingginya kepada keluarga Allahyarham Sdr Mokhtar Dahari berikutan kepulangan ke rahmatullah pada hari scmalam dan semoga Allahyarham akan berada di kalangan orang yang soleh dan sentiasa dicucuri rahmat oleh Allah s.w.t. Saya harap pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Belia dan Sukan akan memberi satu pembelaan yang sewajarnya terhadap keluarga Allahyarham Mokhtar Dahari dan anak-anaknya yang masih lagi kecil, yang masih lagi di alam persekolahan.

Pada waktu yang sama, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada keadaan seorang lagi yang ternama di kalangan rakyat kita, iaitu seorang budayawan, seorang sasterawan, seorang penulis yang sekarang ini sedang terlantar di rumahnya tanpa pembelaan dari mana-mana pihak sekalipun walaupun sumbangannya kepada alam sastera dan alam budaya telah membawa kita ke alam yang lebih kaya raya dengan kesusasteraan itu sendiri. Beliau yang saya maksudkan adalah Pak Sako, ataupun Ishak Haji Mohamad, yang sekarang ini sedang terlantar tenat di rumahnya tanpa sebarang pembelaan oleh mana-mana pihak yang seharusnya bertanggung-jawab terhadap perkembangan sastera dan budaya di tanahair ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa Rancangan Malaysia Keenam yang merangkumi tahun 1991-1995 adalah fasa pertama kepada pelaksanaan RRJP2 yang mengandungi Dasar Pembangunan Nasional, iaitu satu dasar yang menjanjikan kecemerlangan hidup serta perpaduan ummah di era perindustrian negara pada tahun 2020.

Kepada saya yang mewakili rakyat jelata akar umbi, iaitu rakyat jelata yang masih berterusan memerlukan banyak lagi pembelaan dari Kerajaan, Rancangan Malaysia Keenam ini adalah merupakan satu manifestasi kepada keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional dalam memberi pembelaan demi pembelaan yang sentiasa sambung menyambung dan sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa, sejak negara ini dibebaskan dari belenggu penjajah pada tahun 1957.

Tuan Yang di-Pertua, pembelaan yang berterusan menerusi dasar serta program pembangunan seperti Rancangan Malaysia Keenam ini adalah pembelaan-pembelaan yang tidak mengenal batasan agama, batasan politik, budaya, ideologi ataupun kaum. Ini bermakna seluruh lapisan warganegara Malaysia, termasuk pihak Pembangkang serta penyokongnya sekalipun telah, sedang dan akan sentiasa menikmati pembelaan demi pembelaan hasil dari perjuangan Kerajaan Barisan Nasional.

Kepada saya ini juga bermakna bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja bertanggungjawab sepenuhnya kepada rakyat bahkan Kerajaan Barisan Nasional adalah satu Kerajaan yang memang berorientasikan rakyat demi kesejahteraan rakyat.

Kerajaan Barisan Nasional bukannya satu Kerajaan yang didukung oleh pihak yang berjuang atas eksploitasi isu demi isu ataupun golongan yang hanya

bijaksana melakunkan sandiwara dan wayang "Pek Ji", dengan izin, "to enhance" kedudukan pemimpinnya dan bukannya berjuang demi memastikan nasib serta hidup mati rakyat seluruhnya.

Rancangan Malaysia Keenam adalah bukti nyata kepada kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional untuk sentiasa memperbaiki nasib rakyat. Barisan Nasional tidak seperti DAP umpamanya, yang menggunakan forum di Dewan yang mulia ini sebilangan besarnya untuk memperjuangkan nasib bukan rakyat jelata Malaysia dan untuk melepaskan rasa iri hati dengan cara yang kurang sopan lagi kurang waras.

Misalnya, sedang Kerajaan Barisan Nasional sibuk dan bersungguh-sungguh mengatur langkah serta strategi memajukan rakyat dan negara, DAP asyik sibuk membincangkan nasib orang asing serta nasib mereka yang berusaha menghancurkan negara seperti nasib pengedar dadah yang sudah pun terbukii kesalahannya dan sudahpun dijatuhkan hukuman mandatori gantung sampai mati serta lain-lain isu yang diharapkan dapat memberi, dengan izin, "political mileage" dalam perjuangannya.

Contohnya, pada 21 hb Jun, 1991 DAP mendesak Kerajaan Barisan Nasional memberikan kerakyatan secara automatik kepada apa yang didakwanya sebagai lebih 300,000 pemegang Kad Pengenalan Merah yang telah linggal di Malaysia lebih daripada 14 tahun lamanya.

Sebagai seorang yang pernah berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri, saya tahu dan saya sedar bahawa pemegang Kad Pengenalan Merah adalah rakyat asing, bukannya warganegara Malaysia. Pada waktu yang sama saya sedar bahawa pemberian kewarganegaraan bukannya satu proses yang automatik, yang mempunyai syarat-syarat dan tuntutan yang termaktub dalam Perlembagaan.

Jadi di manakah prioriti sebuah parti Pembangkang seumpama ini? Ia sentiasa mendabek dada kononnya dialah juara pembela rakyat yang terutama di Malaysia. Tetapi seperti kata pepatah Melayu: "Kenapakah dagang lalu hendak ditanakkan; kera di hutan mahu disuskan; sedangkan itik di air mati kelemasan; ayam di kepuk mati kelaparan; dan anak di rumah pula mati kebuluran"? Mengapakah bumi Malaysia yang DAP pijak tetapi langit asing yang mahu DAP junjung nampaknya?

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai rakyat asing ini saya sangat mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk mengenakan lcv ke atas pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia kelak. Tindakan ini saya yakin akan dapat mengawal kemasukan buruh asing secara haram. Sebagai seorang Wakil Rakyat dari negeri Johor, saya ingin mendaftarkan rasa gelisah rakyat jelata di negeri tersebut khususnya di sepanjang Pantai Barat Johor terhadap masalah kemasukan warga asing secara haram menerusi pengkalan haram dan diusahakan oleh sindiket-sindiket haram di negeri Johor sekarang ini. Sindiket-sindiket ini juga disyaki terlibat secara langsung dengan kerja-kerja penyeludupan rokok keretek berbagai jenis dan dipercayai bergerak secara terang-terangan dan angkuh, kerana mereka mendakwa telah dan sedang mendapat perlindungan dari sesetengah pihak dalam Kerajaan kita sendiri.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, satu penyiasatan yang paling rapi dan paling sulit perlu dijalankan untuk menumpaskan sindiket-sindiket seperti ini, dan jika benar terdapat pihak kakitangan Kerajaan yang memberi restu terhadap operasi haram mereka itu, jangan sekali-kali kta teragak-agak....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti sekejap, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Parit yang sulung itu telah bersetuju 100% dengan pandangan DAP yang pada mula-mula lagi, bertahun-tahun dahulu lagi kita menyuarakan bahawa langkah yang berkesan terpaksa diambil untuk menghancurkan sindiket-sindiket seperti ini. Begitulah lagak dan tingkah-laku Yang Berhormat tadi. Adakah dia tahu bahawa "Bagaimana gendang begitulah tingkahnya?", "Bagaimana tepuk begitulah tarinya". (*Tepuk*) Apa yang penting sekali adakah dia tahu di dalam UMNO Barulah sahaja timbulnya masalah seperti yang disebut tadi iaitu masalah perkauman, chawinist dan sebagainya termasuk satu dua orang di dalam penyokong Kerajaan lagi? Daripada kawasan batu bintik-bintik dan sebagainya. (*Ketawa*)

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya DAP ini memang gemar mendakwa, sedangkan orang UMNO dan orang Barisan Nasional kita bergerak secara senyap, kiiia 'auction oriented' bukan 'laung oriented' macam DAP. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Auction orientedkah atau action oriented?

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Action oriented, minta maaf. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Auction UMNO Baru.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong, minta kebenaran dahulu.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Saya tidak memberi izin.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membrici penjelasan kepada point yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, oleh kerana sebagai orang yang fikirannya secara terkepong, dia memang suka melaung, dia menjerit minta tolong, tetapi kami yang action oriented, kami memang bergerak secara senyap, tetapi malangnya tindakan kami sentiasa mahu disambar sebagai tindakan mereka. Inilah DAP. Jadi, Tuan Yangdi-Pertua, harap.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun lagi, hendak beri jalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya rasa banyak lagi peluang untuk dia bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, menyambung kepada perbincangan saya tadi, saya harap satu penyiasatan yang rapi serta satu penyiasatan yang paling sulit perlu dijalankan. Dan saya harap pihak DAP tidak akan mengambil, dengan izin, "political mileage" sekiranya ada tindakan-tindakan yang akan dibuat oleh Kerajaan. Kalau ada pihak kakitangan Kerajaan yang memang didapati jelas terbahit dengan usaha-usaha ini, saya harap Kerajaan jangan ragu-ragu untuk mendisiplinkan mereka. Dan kalau komitmen mereka terhadap sindiket haram ini adalah terlalu mendalam, saya harap mereka akan diadili dan kalau boleh disingkirkan dari Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pihak Pembangkang, saya memang amat tertarik dengan pihak Pembangkang selama ini. Saya telah melihat gelagatnya di Dewan yang mulia ini sejak tahun 1972, dalam "capacity" saya

sebagai seorang wartawan. Oleh itu, saya memang tidak hairan dengan sikap Pembangkang seperti yang saya katakan sebentar tadi. Saya tidak hairan jika Kerajaan Barisan Nasional yang memberi pembelaan demi pembelaan kepada rakyat sentiasa dituduh kononnya sebagai pengamal dasar draconian, kononnya sebagai pengamal dasar yang zalim, dasar yang menindas, dasar perpecahan, dasar yang kononnya menghasilkan polarisasi kaum, dan dasar yang kononnya mencanggahi hak asasi insani ataupun melanggar, dengan izin, human rights.

Saya, walaupun baru pertama kali menjadi Wakil Rakyat, saya memang terlalu arif dengan sandiwara pihak-pihak Pembangkang seperti ini. Dari dahulu hingga sekarang parti-parii pembangkang khususnya seperti DAP masih tidak berubah. Suaranya, tindak lakunya, jeritannya, laungannya sama.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat jelaskan bahawa sebagai penulis, penulis memang dia hendak fikir dengan benar-benar, dengan masak-masak dan hari ini kita nampak di dalam Dewan yang mulia ini tulisan 'panegyric' sahaja. 'Panegyric'—dia tahulah apa 'panegyric' itu, yang mengandungi ciri-ciri 'ampu', 'hampu' dan sebagainya. Itu 'panegyric'. Adakah dia faham hal ini? Kalau faham, janganlah kita sebagai 'parit yang sulung' itu untuk membawa 'panegyric' di dalam ucapan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu penjelasan lagi. Saya melalui kawasan dia, kawasan 'Parit yang sulung', di dalam satu

jambatan yang sulung juga, di situ ada satu jambatan yang sulung yang pelik sekali...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat singkatkan soalan yang hendak ditanya.

Dr Tan Seng Giaw: Soalannya....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan buat cerita ya!

Dr Tan Seng Giaw: Bukan, ini mukadimah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mukadimah terlampau panjang.

Dr Tan Seng Giaw: Mukadimah, kerana kita hendaklah ada cerita yang sebenar ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu saya tidak benarkan. Kalau cerita, tain kalilah.

Dr Tan Seng Giaw: Sehclum saya hendak tanya, dekat satu jalan ada sebuah jambatan yang sulung, di Parit Sulung jugalah, dan di situ saya nampak ada satu tanda yang ditulis "Accident Area"-Bahasa Malaysia pun tidak ada, semua pun tidak ada. Jadi dia tidak dapat jagakah jalan itu? Jalan tar itu di tepi, di tengah jalan batu sahaja.

Itulah cara dia untuk menjaga kawasan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, apa penjelasan yang diminta?

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan itu adakah dia tahu di kawasan dia memang satu gejala yang dibuat mungkin dia hendak pupukkan bahasa Inggris sahaja, bahasa Inggeris nampak-Bahasa Malaysia tidak nampak. Accident area yang besar sekali. Dia tidak boleh jaga, sekarang hendak buat panegyric pula.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih. Saya sebenarnya memang sentiasa mahu mendorong pihak DAP untuk cuba mencabar saya, kerana dengan ini saya cuba membuktikan fikiran orang yang terkpong dan selalu buat cerita yang semacam itu. (*Tepuk*) Oleh kerana dia pun tidak faham di manakah geography kawasan saya sendiri. Kawasan yang dimaksudkan iiu adalah kawasan di dalam kawasan Parlimen saudara saya, sahabat saya dari Pagoh. Jadi next time, saya harap kalau kita kurang jelas, jangan kita cuba hendak bercakap. Jangan kita hendak menghasut dan mengelirukan rakyat. (*Tepuk*) Jadi, saya harap Hkiran saya tidak akan dikepong lagi selepas ini.

Segala dasar Kerajaan Barisan Nasional dituduh sebagai dasar yang menyebabkan polarisasi. Dasar Pendidikan Negara dikatakan sebagai penyebab polarisasi kaum. Dasar Pembangunan Ekonomi dituduh sebagai dasar yang membawa polarisasi kautn. Segala dasar Kerajaan kononnya faktor utama kepada polarisasi kaum. Kononnya segala dasar Kerajaan BN menyebabkan sebilangan rakyat jelata takut untuk tinggal di negara ini. Lantas mereka menggugurkan kewarganegaraan masing-masing dan berhijrah mengejar rumput yang didakwa lebih hijau, termasuk rumput-rumput di padang pasir Australia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin dan penyokong Barisan Nasional tidak pernah memilih untuk berjuang secara cauvinis. Saya tidak dilahirkan dan tidak dididik dalam politik untuk berjuang secara cauvinis, bukannya golongan ekstremis dan tidak pernah tergamak untuk mengibaratkan orang lain di negara ini sebagai "penyapu buruk". Pemimpin dan penyokong Barisan Nasional tidak pernah sekali-kali, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "lake to the street". Sebaliknya, kami sentiasa memelihara keluruhan Perlembagaan dan mempertahankan kedaulatan

undang-undang. Kami tidak pernah sekali-kalibertindakangkukh. Kami tidak pernah menjeritkan kata-kata lucu, kata-kata kesat untuk mempersendakan anggota Pasukan Keselamatan negara ataupun menjeritkan kata-kata kesat terhadap orang Melayu sena tidak pernah menghalau orang Melayu "balik kampung tanam kacang", kerana "kapal layar sudah bocor".

Tuan Yang di-Pertua, begitulah kami dari Barisan Nasional. Segala dasar Kerajaan Barisan Nasional seperti Dasar Pembangunan Negara yang menjadi landasan kepada Rancangan Malaysia Keenam ini, adalah dasar yang lahir dari rakyat unuk rakyat. Dasar Ekonomi Kerajaan Barisan Nasional bukannya, dengan izin, "time bombs" ataupun bomb jangka. Dasar Kerajaan Barisan Nasional lahir atas realiti dan hakikat bahawa di sebuah negara yang bernama Malaysia ini memang telah wujud satu keadaan ekonomi yang tidak seimbang di antara Melayu dengan kaum-kaum lain. Inilah latarbelakang kepada Perkara 153 Perlembagaan Negara dan inilah landasan kepada sekian banyak dasar-dasar Kcrajaan yang pragmatis.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah juga satu realiti, satu hakikat bahawa keistimewaan Melayu yang dilindungi oleh Perlembagaan itu memang telah dan sering dieksploitasikan oleh sesuatu pihak di negara ini. Seperti yang pernah ditulis oleh seorang yang terlibat dengan penggubalan Perlembagaan Negara, katanya: "ahli politik yang tidak berperikemanusiaan juga boleh mengeksploitasikan rasa iri hati sesetengah rakyat untuk faedah dirinya sendiri".

Namun begitu, apa yang sudah terjadi sekarang? Mengapakah petang semalam Ketua Pembangkang yang juga Setiausaha Agung DAP dengan wajah yang selamba bangun mendesak Kerajaan Barisan Nasional supaya kononnya melancarkan satu kempen, dengan izin, "high powered", yang

berkuasa tinggi untuk memujuk rakyat Malaysia yang berhijrah ke negara asing supaya mereka kembali ke tanahair untuk mengisi kekosongan tenaga profcsional yang diperlukan oleh era perindustrian mulai tempoh 30 lahun dari sekarang?

Dahulu, berpuluh tahun yang lalu, sewaktu golongan ini meninggalkan negara, sewaktu "exodus", dengan izin, dan ramai juga yang dengan sukarelanya melucutkan kewarganegaraan masing-masing, DAP pernah mendakwabahawa, dengan izin, "exodus" itu adalah hasil polarisasi kaum, hasil dasar yang menindas, hasil dasar yang, dengan izin, "draconian", hasil dari dasar perkauman Kerajaan Barisan Nasional. Jika benar, itulah sebabnya penghijrahan tenaga profesional dari negara ini keluar negeri, mengapakah mereka perlu dipujuk supaya kembali ke pangkuan tanahair sekarang ini?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Parli yang Sulung ini....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulungkah ataupun Parit yang Sulong?

Dr Tan Seng Giaw: Parit yang Sulong kerana percakapannya.....sebab itu fikiran yang sulung juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dalam Dewan ini hanya ada Yang Berhormat dari Parit Sulong, tidak ada Parit yang Sulung,

Dr Tan Seng Giaw: Tidak ada Parit yang Sulung, ictapi dia cakup sulung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa.....

Dr Tan Seng Giaw: Pikiran yang sulung, macam mana hendak saya bercakap di sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa pertanyaan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengusir semua orang-orang profesional daripada tanahair ini? Itu yang penting sekali. Adakah dia bermaksud untuk mengusir semuanya? Adakah dia sedar bahawa Wawasan 2020 ini hendak mewujudkan satu negara di mana banyak terdapatnya profesional-profesional di negara ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya dia menyebut saya dari Parit yang Sulung kerana inilah orang DAP, dia tidak memahami apa yang sebenarnya yang dicakapkan. Yang keduanya, Kerajaan memang tidak akan mengusir orang-orang yang cintakan kepada negara. Tetapi DAPlah, dan cakap-cakap DAPlah yang mengusir mereka keluar negara ini. (*Tepuk*) Jadi, dengan itu saya minta izin untuk meneruskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjung bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada dengar bahawa Yang Berhormat dari Parit Sulung ada menentang cadangan saya bahawa satu kempen high powered diadakan untuk menarik balik orang-orang profesional yang ada pergi luar negeri, saya mahu tanya ialah adakah bantahannya, pendiriannya yang begitu sempit mewakili bukan sahaja

pandangan beliau sendiri, mewakili UMNO, tetapi juga mewakili MCA, GERAKAN, MIC, semua parti Barisan Nasional, adakah ini satu pendirian bagi pihak semua parti-parti Barisan Nasional? Jawab itu dahulu, kalau tidak berani jawab, janganlah cari auction, auction yang begitu banyak. Bukan action oriented, tetapi auction oriented-opportunist.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Minta penjelasan dari Tanjong tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum beri jalan kepada dia, saya tidak mahu beri kepadanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebenarnya Yang Berhormat, bertenang dahulu. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak minta jalan daripada Yang Berhormat dari Parit Sulung, itu terpulang pada dia, tetapi bukan hendak minta jalan dari Tanjong, itu tidak ada kena-mengena. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, hendak minla dari siapa? Yang Berhormat dari Tanjong, janganlah cakap dengan sewenang-wenangnya tanpa kebenaran.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulung.

Tuan Lim Kit Siang: Dari mana, point of order, dia bangun, mana boleh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Penjelasan. (*Disampuk*)
Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya, jawab dahulu. (*Disampuk*)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Sama ada ucapan yang dibuat oleh beliau dalam Parlimen ini ditulis oleh beliau sendiri ataupun ditulis oleh parti Barisan Nasional sepertimana Ahli-ahli Parlimen daripada DAP, ucapan yang diucapkan dalam Parlimen ini bukan ucapan mereka, tetapi dibuat, disediakan oleh parti. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Dia takut. Jawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa masa sudah suntuk dan Yang Berhormat dari Parit Sulong boleh sambung ucapan beliau pada 15hb. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ucapan MCA pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong, jangan buat tuduhan yang tidak kena-mengena.

Tuan Lim Kit Siang: Itu terserah kepada dia, kalau bercakap bagi pihak MCA, itu hak MCA. You bukan mewakili MCA di sini. You Timbalan Menteri, jangan campur tangan dalam perkara..... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong, duduk! Duduk dan tertib!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan bagi pihak MCA tau.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Barisan Nasional tidak pernah bercakap bagi pihak parti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk dan tertib, semua bertenang. Dan kata-kata yang tidak bersopan khususnya yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi tidak akan dibenarkan dan.....

Tuan Lim Kit Siang: Dan jangan salah guna kuasa sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk sahaja! (*Disampuk*) Saya sudah cakap itu, itu adalah kuasa saya sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, masa sudah cukup mengikut Peraturan Mesyuarat. (*Disampuk*) Setiausaha, teruskan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawamengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang,

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Oleh kerana Yang Berhormat dari Jelutong tidak menghadirkan diri maka saya terpaksa membatalkan Ucapan Penangguhan.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang! Ahli-ahli

Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 15hb Julai, 1991.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.